



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETUJUH
seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

Jilid I

Bil. 31

Hari Isnin

7hb Disember, 1987

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1988

(Ruangan 37)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 7hb Disember, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D 0 A

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

KONSERVASI TENAGA

1. **Puan Ainon binti Ariffin** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah langkah-langkah penjimatan jangka panjang yang telah dan akan dijalankan oleh Kementerian berkenaan bagi mengawal pembaziran penggunaan tenaga seperti hidro, gas asli, petroleum dan bahan yang boleh dibakar seperti kayu dan lain-lain.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Datuk Leo Moggie anak Irok]:

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar tentang faedah-faedah konservasi-konservasi tenaga dan memandang berat tentang keperluan untuk mengambil langkah-langkah supaya menjimatkan tenaga,

Walau bagaimanapun, langkah-langkah yang diambil tidak akan sama dengan langkah-langkah yang diambil di negara maju, memandangkan negara kita ini ialah negara yang sedang membangun dan memerlukan tenaga yang meningkat untuk pertumbuhan ekonomi, terutamanya untuk membekalkan sektor industri.

Di samping itu, sektor perkhidmatan seperti pengangkutan dan perdagangan juga harus dimaju dan dimodenkan dan ini juga menyebabkan permintaan tenaga yang semakin bertambah.

Untuk maklumat Yang Berhormat, pada tahun 1986 negara kita menggunakan tenaga sebanyak persamaan 286,000 tong minyak sehari dengan kadar meningkat 8% setahun,

Sungguhpun dasar kita ialah untuk mengutamakan pembekalan tenaga untuk pertumbuhan ekonomi, namun Kerajaan juga mengambil langkah supaya penggunaannya tidak membazir.

Langkah-langkah tersebut bukanlah menahan pengguna dari menggunakan tenaga sehingga menyebabkan produktiviti, pengeluaran dan hasil mereka merosot, tetapi ialah supaya mereka menggunakan tenaga dengan cara yang paling efisien dengan tidak rnenjejaskan hasil pengeluaran mereka. Cara-cara yang digalakkan ialah seperti pemasangan teknologi baru, alat-alat yang boleh menjimatkan keperluan tenaga, amalan-amalan pengguna, majikan dan pekerja.

Langkah-langkah yang telah diambil untuk menggalakkan penggunaan tenaga yang efisien ini termasuk kempen dan nasihat kepada orang ramai, projek-projek audit tenaga yang dijalankan di industri dan bangunan untuk membantu meceka mengenalpasti peringkat mana tenaga telah terbuang dan tidak membawa hasil dan seminar-seminar untuk meningkatkan pengetahuan pegawai swasta dan awam dalam bidang penjimatan tenaga.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim.

Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 2.

PERWAKILAN MALAYSIA DI LUAR NEGERI - TUGAS PROTOKOL

2. **Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah benar terdapat beberapa perwakilan Malaysia di luar negeri, di mana pegawai-pegawainya menumpukan lebih kepada tugas-tugas protokol daripada tugas-tugas rasmi mereka sendiri. Adakah Kerajaan bercadang menghadkan tugas-

tugas protokol hanya untuk lawatan rasmi yang penting sahaja supaya tidak wujud pembaziran tenaga kerja dan wang Kerajaan.

Menteri Luar Negeri [Dato' Abu Hasan bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar di beberapa perwakilan Malaysia di luar negeri, pegawai-pegawai terlalu sibuk dengan tugas-tugas protokol kerana terlalu banyak lawatan-lawatan rasmi dan juga lawatan-lawatan oleh pembesar-pembesar negara yang sering meminta khidmat protokol sungguhpun lawatan itu bukan rasmi.

Kementerian Luar Negeri sedar bahawa ini mengakibatkan pegawai-pegawai berkehaan tidak dapat menumpukan perhatian mereka sepenuhnya kepada tugas-tugas rasmi yang lain. Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian Luar Negeri telahpun mengemukakan garispuandu untuk pertimbangan Jemaah Menteri bagi menentukan siapa dan dalam keadaan mana mereka patut diberi bantuan protokol.

Garispuandu yang telahpun dipersetujui oleh Jemaah Menteri itu merangkakan sambutan dan layanan yang wajar diberikan oleh perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negeri bagi lawatan rasmi dan tidak rasmi oleh orang-orang kenamaan serta anggota-anggota Pentadbiran dan keluarga mereka dan juga lain-lain lawatan rasmi, sama ada secara rombongan ataupun orang perseorangan. Antara lain adalah ditetapkan bahawa semasa singgah secara transit di sesebuah ibu negara, perwakilan-perwakilan di luar negeri tidak lagi perlu menyambut orang-orang kenamaan di peringkat bawah dari Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Adalah diharapkan bahawa dengan pelaksanaan garispuandu tersebut, tugas-tugas protokol akan dapat dikurangkan dan pegawai-pegawai di perwakilan boleh memberi lebih perhatian kepada tugas-tugas rasmi yang lain.

Tuan Azman Atar bin Othman: Soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri bagaimana sambutan daripada luar negeri yang ada hubungan diplomatik dengan negara Malaysia kita ini terhadap lawatan-lawatan Senator kita ke Luar negeri dari segi protokolnya. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, apabila Jemaah Menteri menyetujui garis panduan yang saya maksudkan tadi, maka Jemaah Menteri tidak melupai kedudukan Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai Ahli-ahli Dewan Negara.

Suka saya menyatakan iaitu jika Ahli-ahli Yang Berhormat membuat lawatan rasmi ke luar negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat akan disambut oleh seorang pegawai Kedutaan. Kehadiran Ketua Perwakilan ataupun Timbalan Kedua Perwakilan kita di sana bergantung kepada taraf wakil Kerajaan menyambut ketibaan sejajar dengan amalan protokol tempatan. Sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat membuat lawatan tidak rasmi, seorang kakitangan kedutaan akan membantu sekiranya di minta bagi ketibaan di ibu negara sahaja. Bilik-bilik VIP sekiranya diminta akan disediakan secara percuma oleh negara berkenaan.

GURU WANITA DAN LELAKI - PENGAMBILAN

3. **Tuan Haji Jaafar bin Harun** minta Menteri Pendidikan menyatakan benarkah Kerajaan hendak menseimbangkan pengambilan Guru Lelaki dan Wanita. Jika benar kenapa. Berapakah angka-angka Guru Wanita dan Lelaki pada masa ini dan apakah kesan positif dan negatifnya kepada masyarakat kita jika guru perempuan Lebih ramai daripada guru lelaki.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Woon See Chin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang berhasrat menseimbangkan pengambilan guru lelaki dan perempuan ke maktab-maktab perguruan. Langkah ini diambil dengan tujuan untuk mengatasi beberapa masalah yang berkaitan dengan disiplin murid, pengendalian aktiviti-aktiviti ko-kurikulum dan penempatan di sekolah-sekolah pendalaman.

Berhubung dengan bilangan guru lelaki dan perempuan yang mengajar di sekolah pada masa **ini**, perangkaannya adalah seperti berikut:

Guru Lelaki - 79,559 orang (48.5%)

Guru Perempuan - 84,760 orang (51.5%)

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan setakat ini tidak ada menjalankan kajian tentang kesan-kesan positif dan negatif kepada masyarakat jika guru perempuan lebih ramai daripada guru lelaki. Kajian ini sukar dijalankan kerana ia merupakan satu bidang yang subjektif; banyak angkuabah perlu diambilkira dan kalau dilaksanakan akan memerlukan perbelanjaan yang banyak serta masa yang panjang. Pada hakikatnya semua guru, lelaki dan perempuan telah mendapat latihan akademik dan iktisas dalam bidang masing-masing. Oleh **itu**, Kementerian Pendidikan berpendapat guru-guru boleh menyumbang perkhidmatan mereka dengan sebaik yang mungkin.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah sebab-sebabnya yang mengakibatkan profesyen perguruan tidak lagi diminati oleh kaum Lelaki, Yang Berhormat [Ketawa].

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang kita dapati nampaknya ramai guru perempuan dan calon perempuan berminat untuk mengajar dan lagi pun saya mengakui prestasi akademik perempuan kalau dibandingkan dengan calon lelaki lebih tinggi. Tahniah kepada Yang Berhormat [Ketawa].

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kenapakah guru wanita tidak diberi peluang kenaikan pangkat, misalnya, di penempatan PPD memandangkan keseluruhan negara tidak terdapat pun seorang wanita yang diberi peluang, kecuali seorang Pengarah,

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi jawapan yang tepat sebab saya tidak ada maklumat di sini, tetapi saya berasa simpatilah kepada soalan ini [Ketawa].

Puan Mazidah Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, satu soalan tambahan. Kesan yang saya dapati daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi ialah seolah-olah ada satu macam pengakuan daripada Kementerian Pendidikan bahawa kelemahan dalam sistem pendidikan kita pada hari ini. Salah satu sebabnya ialah kerana kurangnya guru lelaki jika dibandingkan dengan guru perempuan oleh kerana itulah soal disiplin dan sebagainya menjadi masalah. Adakah ini dapat Dewan ini terima sebagai jawapan yang rasmi pengakuan daripada pihak Kementerian.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saya kembalilah ini kepada Dewan ini untuk membahaskannya. Tetapi ini satu perkara yang sudah dikaji dan kita fahamlah disiplin di sekolah ada terlibat

dengan guru-guru sama ada lebih guru Lelaki atau guru perempuan. Sebab itu, kita hendak mengadakan guru lelaki untuk mengadakan fatherly image terhadap murid-murid di sekolah.

RASUAH DAN PENYELUDUPAN DI PULAU LANGKAWI

4. **Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang berkesan yang akan diambil oleh pihak Kementertan Kewangan sama ada tindakan dalam jangka pendek atau panjang, supaya perbuatan rasuah dan penyeludupan di Pulau Langkawi yang bertaraf pelabuhan bebas akan dapat dikawal dan tidak pula mengancam keselamatan dan ekonomi negara.

Menteri Kewangan [Tuan Daim Zainuddin]: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Kastam dan Eksais Di-Raja untuk mencegah rasuah adalah seperti:-

- (1) menubuhkan Jawatankuasa untuk mencegah rasuah di peringkat Ibu Pejabat dan Negeri-negeri. Jawatankuasa ini menjalankan kempen-kempen anti-rasuah serta tindakan-tindakan lain untuk mendapatkan kerjasama pegawai dan kakitanganya serta juga pihak awam.
- (2) mengadakan program-program penerapan nilai-nilai Islam yang bertujuan membentuk keperibadian murni di kalangan pegawai dan kakitangan Kastam dan seterusnya akan memberi kesedaran kepada mereka untuk tidak melakukan perbuatan-perbuatan rasuah.
- (3) mengenakan peraturan di Stesen-stesen Kastam yang hanya membenarkan pegawai/kakitangan Kastam untuk membawa wang yang sebanyak tidak lebih daripada \$10 semasa waktu bekerja.

Langkah-langkah utama untuk mencegah penyeludupan dari Pulau Langkawi yang dilaksanakan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Di-Raja pula adalah seperti berikut:-

- (i) mengadakan rondaan laut untuk mengawal kawasan perairan di antara Langkawi dan tanah besar Semenanjung Malaysia;
- (ii) menggunakan bantuan anjing di lapangan terbang Pulau Langkawi bagi mengesan penyeludupan dadah;
- (iii) membuat pemeriksaan mengejut atas bot-bot, perahu-perahu dan tongkang-tongkang di tengah laut dari masa ke semasa;
- (iv) mengadakan operasi bersama dengan Kastam Thailand untuk mengawal perairan di antara Pulau Langkawi dengan Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, perlu ditegaskan bahawa langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan tidak akan berjaya sepenuhnya selagi pihak-pihak yang terlibat tidak mempunyai nilai-nilai moral yang tinggi. Oleh itu, cara yang paling baik bagi mencegah rasuah dan lain-lain penyelewengan ialah dengan menanamkan nilai-nilai moral yang tinggi.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri mengenai penyeludupan, apakah barang-barang yang digemari untuk diseludup dan ke manakah barang-barang itu diseludup.

Tuan Daim Zainuddin: Tuan Yang di-Pertua, barang-barang yang digemari untuk diseludup ialah minuman keras dan rokok. Barang-barang ini diseludup ke negeri Thailand dan juga ke Semenanjung Malaysia.

Puan Rokiah binti Haji Zainuddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, setakat ini ada berapa penangkapan perbuatan rasuah dan penyeludupan yang berlaku di Pulau Langkawi.

Tuan Daim Zainuddin: Tuan Yang di-Pertua, perbincangan di antara Pengarah Kastam Negeri dan Ketua Radan Pencegah Rasuah Kedah/Perlis telah diadakan pada 9,12.87. Tidak ada aduan mengenai rasuah diterima dan dengan itu tidak ada tangkapan mengenainya dibuat.

Tuan Haji Shuaib bin Lazim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan?

Tuan Haji Shuaib bin Lazim: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Satu sahaja, sebab tiap-tiap hari diadakan 30 lebih pertanyaan dan cuma 10/12 soalan dijawab kerana terlampau banyak soalan-soalan tambahan. Baiklah, sila [Ketawa].

Tuan Haji Shuaib bin Lazim: Tuan Yang di-Pertua, setelah Kerajaan memberi taraf Pelabuhan Bebas kepada Pulau Langkawi ini hampir dua tahun, saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Satu, adakah Pelabuhan Bebas Cukai di Pulau Langkawi ini menguntungkan Kerajaan? Kedua, berapa banyakkah kedai-kedai bebas cukai yang telah diluluskan oleh Kerajaan dan berapa banyakkah kepunyaan bumiputera?

Tuan Daim Zainuddin: Tuan Yang di-Pertua, memang sejak Pulau Langkawi diisytiharkan sebagai Pelabuhan Bebas ia membawa keuntungan kepada Kerajaan, kerana banyak pelancong-pelancong telah datang ke Pulau Langkawi. Untuk membuka kedai bebas cukai tidak memerlukan kebenaran daripada Kerajaan kerana memang kawasan ini kawasan bebas.

PELANCONGAN - USAHA PROMOSI

5. **Tuan Bee Yang Sek** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) bilangan pelancong-pelancong luar negeri yang telah mengunjungi negara kita dan tujuan-tujuan mereka melancong ke sini;
- (b) strategi dan langkah-langkah susulan yang akan diatmbil oleh Kerajaan untuk menarik minat para pelancong melancong ke Pulau Langkawi setelah ianya diisytiharkan sebagai Pelabuhan Bebas; dan
- (c) jumlah peruntukan yang telah diberikan oleh Kerajaan dan jumlah yang sebenarnya dibelanjakan untuk membangunkan kemudahan pelancongan di Pulau Langkawi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan

[Tuan Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, berasaskan kepada perangkaan terakhir yang diperolehi, seramai 2,933,271 orang pelancong telah mengunjungi negara ini dalam 1985. Ini menunjukkan pertambahan sebanyak 5.6% dari jumlah yang dicatatkan sebanyak 2,779,081 orang pelancong dalam 1984. Dari jumlah ini, 79.4% datangnya dari negara-negara ASEAN, 4% dari Jepun, 2.7% dari Australia, 2.1% dari United Kingdom dan 1.4% dari Amerika Syarikat.

(a) Dari maklumat-maklumat yang dinyatakan oleh pelancong-pelancong, tujuan-tujuan mereka melawat adalah seperti berikut:

- | | |
|---|-------|
| (i) untuk tujuan beristirahat | 52.3% |
| (ii) untuk tujuan mengunjungi saudara mara atau sahabat | 33.4% |
| (iii) untuk urusan perniagaan | 6.4% |
| (iv) singgah di dalam perjalanan | 4.1% |
| (v) urusan-urusan rasmi | 0.5% |

(b) Sebagai usaha menarik lebih ramai pelancong ke Pulau Langkawi, beberapa usaha telah dilaksanakan seperti membawa agensi-agensi pengembaraan terkemuka dari Singapura untuk melihat sendiri keindahan di Pulau Langkawi di samping pertemuan dengan mereka di Singapura sendiri yang mana ini akan dapat membantu menambahkan kemasukan pelancong-pelancong ke Pulau Langkawi.

Di samping itu, Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) juga kini menggunakan Kapal-terbang Boeing 737 di mana jadual penerbangannya dua kali dalam seminggu selain dari Fokker yang digunakan lima kali dalam seminggu.

Selain dari menambah kemudahan pengangkutan serta promosi di Singapura dan pasaran di rantau ini, Kementerian juga melalui TDC mengambil langkah dan usaha menggalakkan pembangunan, tarikan-tarikan pelancong di Pulau Langkawi tersebut. Ini termasuklah menarik minat sektor swasta untuk mendirikan kemudahan-kemudahan membeli-belah dan aktiviti-aktiviti sukan laut dan riadah.

Dari segi pemasaran pula telah juga diadakan juga pengiklanan mengenai Pulau tersebut yang meliputi juga lain-lain destinasi pelancong utama di negara ini di dalam majalah-majalah atau media massaantarabangsa. Risalah-risalah khas mengenai Pulau Langkawi juga diterbitkan dan diedarkan di dalam dan di luar negeri. Pulau tersebut juga telah dimasukkan ke dalam program hospitaliti untuk wartawan, penulis-penulis perjalanan dan pengusaha-pengusaha pelancong agar ianya dapat ditonjolkan sebagai destinasi yang menarik.

Ingin juga saya maklumkan di samping program-program khas untuk pulau tersebut sahaja, program-program lain yang memperkenalkan semua destinasi pelancongan di dalam negara ini adalah juga melibatkan beberapa promosi kepada Pulau Langkawi. Ini termasuk program-program lain di bawah Kementerian seperti aktiviti-aktiviti penggalakan di luar negeri, penerbitan risalah dan bahan-bahan promosi, pemasaran di luar negeri seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia dan Jepun. Galakan bersama dengan Kedutaan atau Suruhanjaya Tinggi Malaysia di luar negeri. Begitu juga penggalakan-penggalakan di dalam negeri akan diteruskan dari masa ke semasa.

(c) Peruntukan yang telah diberikan oleh Kerajaan dan jumlah sebenarnya perbelanjaan untuk membangunkan kemudahan pelancongan di Pulau Langkawi melalui Perbadanan dan Pelancongan (TDC) adalah seperti berikut:

- (i) projek pembesaran Hotel Langkawi Island Resort sebanyak \$26.85 juta telah diperuntukkan dan telahpun dibelanjakan;
- (ii) projek pengindahan Pulau Langkawi sebanyak \$2 juta telah diperuntukkan dan telahpun dibelanjakan.

Tuan Ng Peng Hay: Apakah kesan-kesan daripada rombongan TDC yang baru-baru ini telah pergi ke Singapura untuk membuat promosi bagi negeri Melaka dan Johor?

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Soalannya ialah mengenai Pulau Langkawi. Walau bagaimanapun dari segi pelancongan kita akan berusaha dari masa ke semasa untuk menarik pelancongan. Tetapi kita tidak akan dapat menggambarkan dengan sejelas-jelasnya kesan daripada promosi yang kita buat kerana di samping kita ingin menarik pelancong-pelancong melalui perjumlahan tersebut, kita juga dalam masa yang sama dapat menerangkan dengan lebih jelas produk-produk pelancongan yang ada di dalam negara kita ini juga boleh menarik bukan sahaja ke Pulau Langkawi, ke Melaka atau Johor tetapi ke seluruh pusat-pusat pelancongan yang lain.

Puan Habidah binti Jusoh: Tuua Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu penjelasan apakah benar sungutan orang ramai bahawa tambang bot ke pulau tersebut terlalu mahal jika dibandingkan dengan masa-masa yang lepas? Jika benar, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasinya?

Tuan Abdul Ramaa bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan baru sahaja ditubuhkan pada bulan Mei yang lalu, semua perkara-perkara ini sedang dirundingkan dengan pihak-pihak yang tertentu dan kita tidak dapat menggambarkan sama ada tambang yang sedang dilaksanakan di Pulau Langkawi sama ada mahal ataupun murah kerana ia bersangkutan dengan bidang-bidang lain di dalam sektor pelancongan.

MIDA - PELABURAN JEPUN/CHINA

6. **Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) jumlah permohonan dan jenis pelaburan daripada Jepun dan China yang diterima dan diluluskan oleh MIDA tahun **ini**; dan
- (b) langkah-langkah yang telah diambil untuk menarik pelabur-pelabur dari negara berkenaan untuk melabur di negara ini dalam sektor industri kecil dan sederhana.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

[Tuan M.G. Pandithan]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh antara bulan Januari hingga Oktober 1987, MIDA telah menerima sebanyak 47 permohonan daripada negara Jepun dan penyertaan ekuiti negara-negara Jepun dalam projek-projek tersebut berjumlah \$162.4 juta. Setakat ini sejumlah 43 projek perkilangan telah diluluskan bagi permohonan-permohonan daripada negara Jepun tersebut dengan pelaburan ekuiti bernilai \$135.6 juta. Hanya satu permohonan daripada negeri China dengan ekuiti berjumlah \$2.5 juta untuk membangunkan projek-projek perkilangan di negara ini telah diterima dan diluluskan.

Permohonan dan kelulusan projek perkilangan daripada negara-negara Jepun dan Republik Rakyat China mengikut jenis industri adalah seperti berikut:

Jenis Industri	Bil. permohonan projek yang di- terima	Bil. projek yang dilulus- kan
(a) Negeri Jepun		
Barang-barang elektrik dan elektronik	16	16
Barang-barang logam asas	6	6
Kelengkapan pengangkutan	5	5
Barang-barang getah	3	2
Pengilangan makanan	3	1
Kimia dan barang-barang kimia	3	

Kayu dan Barang-barang Kayu	2	2
Barang-barang Logam Dibentuk	2	2
Pengilang Jentera	2	1
Tekstil dan Barang-barang Tekstil	1	1
Kertas, Percetakan dan Barang-barang Penerbitan	1	
Barang-barang Plastik	1	1
Barang-barang Galian Bukan Logam	1	1
Kelengkapan Alat Ukur dan Sainitik	1	1

2. **Negara Republik Rakyat China:**

Barang-barang Getah	1	1
---------------------	---	---

(b) Kerajaan telah mengambil berbagai langkah untuk menarik pelaburan daripada luar negeri termasuk dari negara-negara Jepun dan China untuk melabur dalam sektor perkilangan di negara ini. Di antara langkah-langkah tersebut ialah:-

- (i) memperkenalkan galakan-galakan pelaburan;
- (ii) melonggarkan Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975;
- (iii)** mengurangkan kadar tarif elektrik dan telefon;
- (iv) melaksanakan skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport (Export Credit Refinancing);
- (v) mengadakan Tabung Pelaburan Baru; dan

- (vi) mengubah syarat-syarat penyertaan ekuiti dan jawatan asing.

Sebagai tambahan, beberapa misi penggalakan pelaburan dan seminar ke luar negeri juga telah diadakan. Dua misi penggalakan pelaburan ke negara Jepun dan Taiwan telahpun diadakan dalam tahun ini iaitu dalam bulan Februari dan Ogos, 1987 bagi tujuan untuk menarik pelaburan daripada pelabur-pelabur negara berkenaan melabur di negara kita.

PENGANGGURAN - JUMLAH

7. **Tuan Foo Boon Liang** minta Perdana Menteri menyatakan:
- (a) jumlah pengangguran sehingga 31.10.1987 di negara ini;
 - (b) tindakan Kerajaan untuk mengatasi masalah pengangguran;
 - (c) jumlah pekerja luar yang didaftar dengan Kerajaan pada 31.10.1987; dan
 - (d) tindakan untuk mencegah pekerja-pekerja luar dari mendapat kerja bagi mengurangkan pengangguran dan masalah sosial yang ditimbulkan oleh golongan ini di negara kita.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Jumlah pengangguran pada tahun 1987 dianggarkan lebih kurang 570,000 atau 9.1% daripada jumlah tenaga buruh.

- (b) Soalan seperti ini telahpun dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid Haji Latiff telahpun dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 30hb November, 1987 yang lalu dan saya tidak ada apa-apa tambahan dalam perkara itu.
- (c) Jumlah pekerja luar yang didaftarkan dengan Kerajaan pada 31.10.1987 adalah seramai 18,297 orang. Daripada bilangan tersebut 11,661 orang adalah terdiri dari Kumpulan Pekerjaan Pengurusan dan Ikhtisas/Bukan Pengurusan dan selebihnya ialah 6,636 adalah Kumpulan Buruh Asing.
- (d) Dalam usaha untuk mengurangkan masalah pengangguran, Kerajaan melalui agensi-agensi penguatkuasa seperti Jabatan Buruh dan Imigresen sentiasa berusaha mengawasi kemasukan pekerja-pekerja luar. Di samping itu, Kementerian Buruh dengan kerjasama beberapa agensi lain juga sedang mempertingkatkan usaha mengawasi bilangan dan corak bidang pekerjaan yang dimasuki oleh pekerja-pekerja luar untuk memastikan pekerja-pekerja tempatan diberi keutamaan dalam pengambilan pekerja-pekerja oleh majikan-majikan di negara ini.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, oleh sebab ramai belia-belia kita yang menganggur yang mana menyebabkan berbagai masalah sosial, tidakkah Kerajaan bercadang hendak mengadakan Kerahan Tenaga kepada mereka yang berusia 21 tahun agar dapat mendisiplinkan mereka dan dapat pula mengelakkan masalah sosial?

Tuan Othman bin Abdul: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa Kerajaan tidakkah bercadang untuk mengadakan Kerahan Tenaga ini bagi mengambil belia-belia kita yang menganggur untuk latihan. Walau bagaimanapun, di bawah program-program Kementerian Belia dan Sukan, kita mengadakan banyak program-program bagi melatih belia-belia ini untuk berdikari di dalam bidang-bidang yang tertentu yang diminati oleh mereka.

JALAN RAYA DI SARAWAK - MEMPERBAIKI

8. **Tuan Chan Choong Tak** minta Menteri Kerjaraya menyatakan apakah berbagai-bagai rancangan yang akan dijalankan untuk memperbaiki sistem jalan raya di Sarawak dan butir-butir rancangan pembinaan Lebuhraya Borneo masa akan datang.

Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Osu bin Haji Sukam]: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1986, Kerajaan Persekutuan telah mengambilalih sepanjang 1,277 kilometer jalan raya di seluruh negeri Sarawak. Ini bermakna Kerajaan Persekutuan akan bertanggungjawab penuh terhadap jalan raya-jalan raya tersebut dari segi penyelenggaraan, menaikkan taraf dan sebagainya.

Sukalah saya nyatakan kepada Ahli Yang Berhorraat, bahawa Kerajaan Persekutuan sememangnya memberi perhatian bagi kerja-kerja menaikkan taraf jalan-jalan raya di negeri Sarawak. Misalnya, dalam Rancangan Malaysia Kelima, negeri Sarawak telah disediakan peruntukan yang terbesar iaitu \$415 juta jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di seluruh Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan raya utama negeri Sarawak yang terpanjang adalah memerlukan perbelanjaan yang besar. Oleh itu, Kerajaan tidak dapat melaksanakan sekali gus, sebaliknya akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut kemampuan Kerajaan.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, bahagian jalan raya Miri-Bintulu, Sibu-Bintulu dan beberapa bahagian kecil jalan raya dari Seri Aman ke Sibu dijangka siap. Bahagian-bahagian lain akan diteruskan kerja-kerja menaikkan taraf dalam rancangan-rancangan yang akan datang.

JAWATAN KOSONG - KUASA JPA

9. **Puan Habidah binti Jusoh** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah tidak menjadi satu penyelewengan kuasa atau suatu halangan bila kuasa perjawatan Kerajaan dan jawatan di Badan-badan Berkanun diberi terlampau luas kepada JPA, sehingga Exco Negeri dan JPA Negeri-negeri tiada berkuasa langsung bagi menentukan jawatan-jawatan dalam negeri masing-masing termasuk Badan-badan Berkanun; dan
- (b) berapa banyakkah jawatan-jawatan kosong di Jabatan-jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun yang perlu diisi di Malaysia termasuk di negeri-negeri.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Adapun kuasa yang dipegang oleh JPA untuk mewujudkan jawatan-jawatan di peringkat Negeri tidaklah boleh disifatkan sebagai satu penyelewengan kuasa oleh kerana peraturan seperti ini telahpun dipersetujui oleh Kerajaan-kerajaan Negeri sejak tahun 1982 lagi, apabila dasar pembekuan jawatan telah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan. Apa yang telah dipersetujui ialah

supaya semua cadangan-cadangan untuk mewujudkan jawatan dan pengisian jawatan-jawatan kosong pada semua peringkat perlu dirujuk kepada pihak JPA serta Perbendaharaan. Pihak Negeri juga bersetuju supaya peraturan ini dilanjutkan juga kepada Badan-badan Berkanun Negeri serta Penguasa-penguasa Tempatan.

- (b) Tentang berapa banyak jumlah jawatan kosong di Jabatan-jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun di Malaysia termasuk Negeri yang perlu diisi, tidaklah dapat diberikan angkanya oleh kerana sama ada satu-satu jawatan perlu diisi atau tidak, hendaklah terlebih dahulu diperiksa oleh pihak JPA. Mana-mana jawatan yang sudah diisi pada masa sekarang ini adalah jawatan yang perlu diisi. Sekiranya satu-satu Jabatan berpendapat bahawa ada jawatan yang perlu diisi, raaka haruslah Jabatan itu menyampaikan per-raohonan kepada JPA untuk diperiksa dan dikaji terlebih dahulu.

FELDA - KOPERASI HAKMILIK

10. **Tuan Haji Abdul Hajid bin Haji** Abdullah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) apakah langkah yang diambil oleh Kementerian berkenaan bagi mengatasi rasa tidak puas hati peneroka FELDA berhubung dengan Koperasi Hak milik tajaan FELDA dan syarat-syarat tanam semula; dan
- (b) berapa buah Koperasi Hakmilik yang telah di-daftarkan di bawah Jabatan Koperasi Malaysia.

Timbalan Menteri Kementerian Keraajaan Tanah dan Kemajuan Wilayah [Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengikut peruntukan-peruntukan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dan mengikut Surat Perjanjian di antara Kerajaan Negeri dan FELDA dan Surat Perjanjian di antara Peneroka dan FELDA, apabila peneroka-peneroka rancangan sawit telah selesai Bayaran Kembali kepada Kerajaan Negeri dan FELDA, mereka akan diberi hakmilik individu bagi kawasan tapak rumah tetapi bagi kawasan ladang mereka akan diberi hakmilik cara kumpulan atas nama Koperasi Hakmilik Tanah yang ditubuhkan dan dianggotai oleh peneroka-peneroka. Tetapi apabila sampai masanya rancangan itu diberi hakmilik peneroka-peneroka telah menimbulkan masalah seolah-olah mereka tidak bersetuju dengan dasar Kerajaan tersebut dan juga Surat Perjanjian. Rasa tidak puas hati peneroka ini adalah berkaitan dengan pemberian hakmilik kawasan ladang secara kumpulan di mana hakmilik itu akan didaftarkan atas nama Koperasi Hakmilik Tanah dan bukan atas nama persendirian. Perkara ini tidak boleh dipinda oleh kerana ianya adalah selaras dengan peruntukan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 dan Surat Perjanjian.

Perkara kedua yang menimbulkan rasa tidak puas hati ialah tentang kedudukan keahlian FELDA di dalam Koperasi tersebut dan juga tentang kedudukan Pengurus Rancangan FELDA sebagai Pengerusi dalam Koperasi Hakmilik. Dalam soal ini saya suka memaklumkan iaitu keseluruhan persoalan yang telah dibangkitkan oleh peneroka-peneroka telahpun dikaji oleh Kementerian dengan FELDA dan kita telah ber-setuju untuk melakukan pindaan-pindaan yang ditikirkan munasabah untuk memastikan wujudnya satu ketenangan terutama sekali di kalangan peneroka-peneroka. Di bawah pindaan-pindaan ini, FELDA tidak akan lagi menjadi ahli dalam Koperasi ini dan Pengurus Rancangan tidak akan menjadi Pengerusi lagi di dalam Koperasi Hakmilik Tanah itu. Selain daripada itu ada beberapa lagi pindaan-pindaan yang telahpun dipersetujui oleh Mesyuarat Lembaga FELDA yang terbaru dan perkara ini kita harap akan memberikan satu ketenangan kepada peneroka-peneroka.

Tentang soal syarat-syarat tanam semula, saya suka menjelaskan iaitu mengikut syarat-syarat yang ada, peranan FELDA hanyalah bagi menguruskan kerja-kerja yang perlu dilaksanakan apabila sampai masa untuk ditanam semula. Bagi rancangan-rancangan sawit, urusan tanam semula ini perlu dibuat oleh FELDA kerana bantuan kewangan tanaman semula adalah dikendalikan oleh FELDA sendiri. Tujuan FELDA menguruskan pekerjaan tanam semula ini ialah bagi membantu peneroka-peneroka memastikan semua kerja yang perlu dijalankan dapat diuruskan dengan baik dan sempurna.

(b) Sehingga ini 5 Koperasi Hakmilik Tanah Peneroka telah didaftarkan oleh Jabatan Pembangunan Koperasi, iaitu di

rancangan-rancangan FELDA Pasir Raja, Ulu Tebrau, Bukit Besar dan Taib Andak di negeri Johor dan rancangan FELDA Ulu Jempol di negeri Pahang.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta penjelasan Timbalan Menteri yang berkenaan, berapakah premium yang dibayar oleh FELDA kepada setiap ekar tanah Kerajaan Negeri dan berapa pula harga yang dikenakan kepada peneroka daripada FELDA?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, premium ini berbeza-beza mengikut kawasan-kawasan sawit dan kawasan getah.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan saya belum dijawab. Saya tanya berapakah harganya, bukan bezanya.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya telah katakan tadi, premium di antara sawit dan getah itu berbeza.

Tuan Mustafa bin Awang: Berapa harganya?

Tuan Yang di-Pertua: Sebetulnya soalan ini di luar daripada pertanyaan asal. Jikalau tidak puas hati, Yang Berhormat sila berhubung dengan cara bertulis.

Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, apabila Pengurus tidak menjadi Pengerusi dan FELDA menjadi ahli kepada Koperasi ini, apakah FELDA akan terus menasihati kepada koperasi ini untuk menjalankan pentadbirannya dalam masa mengendalikan tanah rancangan itu?

Dato' Haji Mohd. Rhalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, mengikut pindaan-pindaan yang telahpun diluluskan baru-baru ini, Ahli Lembaga Koperasi itu nanti terdiri daripada 9 orang dan kalau sekiranya Ahli Lembaga Pengarah itu kita berikan pilihan sama ada

FELDA hendak mengendalikan urusan-urusan ini ataupun badan-badan yang lain. Kita pulangkan segala-galaaya kepada peneroka.

PROJEK KERAJAAN NEGERI TERTANGGUH

11. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada benar setengah-setengah projek Kerajaan Negeri tertangguh oleh sebab Kerajaan Pusat tidak dapat meluluskan peruntukan mengikut jadual walaupun sudah masuk dalam Rancaugan Lima Tahun.

Tuan Daim bin Zainuddin: Tuan Yang di-Pertua, memang benar ada setengah-setengah projek Kerajaan Negeri tertangguh walaupun projek-projek tersebut telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Ini disebabkan peruntukan tahunan bagi projek-projek tersebut tidak dapat disediakan memandangkan kepada peruntukan pembangunan tahunan yang terhad disebabkan oleh kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan sekarang.

Pada mulanya Kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah \$74 ribu juta bagi projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Peruntukan tersebut terpaksa dikurangkan kepada \$38.7 ribu juta pada bulan Oktober, 1987 memandangkan kepada kejatuhan harga minyak. Walau bagaimanapun, oleh kerana adanya tanda-tanda pemulihan harga minyak, Kerajaan telah meningkatkan semula peruntukan Rancangan Malaysia Kelima kepada \$47.7 ribu juta pada bulan Mac, 1987. Baru-baru ini Kerajaan telah meluluskan tambahan sebanyak \$2 ribu juta lagi untuk membantu pertumbuhan ekonomi. Dengan itu peruntukan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kelima sekarang berjumlah \$49.6 ribu juta.

Tambahan pula, sebahagian besar daripada projek-projek Kerajaan Negeri seperti projek-projek bekalan air,

projek Perbadanan Kemajuan Negeri dan projek-projek Penguasa Tempatan adalah dibiayai dari pinjaman Kerajaan Persekutuan. Oleh itu pengeluaran pinjaman ini adalah tertakluk kepada kajian daya maju projek yang akan dilaksanakan itu. Pinjaman hanya akan dikeluarkan kepada projek yang dapat menjanakan pulangan yang memuaskan supaya pinjaman yang dikeluarkan itu dapat dibayar balik oleh Kerajaan Negeri.

Bagi projek-projek Kerajaan Persekutuan di negeri-negeri, memandangkan kepada kemampuan kewangan Kerajaan yang terhad, keutamaan akan diberi kepada projek-projek yang mendesak seperti pembinaan sekolah-sekolah, kemudahan-kemudahan kesihatan dan penyediaan infrastruktur. Kerajaan berharap akan dapat menyediakan peruntukan tahunan yang lebih besar pada tahun-tahun akan datang setelah kedudukan ekonomi negara pulih kelak.

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan Kementerian Kewangan sudahpun mengeluarkan peruntukan dan tender telah lama dibuat dahulu, kenapakah pembinaan Jambatan Pasir Mas/Salor masih belum dimulakan?

Tuan Daim Zainuddin: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini belum disampaikan kepada Jawatankuasa Tender di Kementerian Kewangan. Bila sampai kelak ianya akan diluluskan.

KAMPUCHEA - PERANAN MALAYSIA

12. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latiff** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah benar di akhir-akhir ini Kerajaan Malaysia tidak memainkan lagi peranannya bagi membantu menyelesaikan masalah di negara Kampuchea. Jika tidak, apakah usaha-usaha yang sedang dijalankan.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa Malaysia telah tidak lagi memainkan peranannya di

dalam usaha-usaha untuk membautu mencari penyelesaian ke atas masalah Kampuchea.

Malaysia dengan anggota-anggota ASEAN yang lain, akan terus memberikan sokongan, sama ada secara politik ataupun diplomatik, kepada Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea (CGDK). Setiap tahun di Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu (UNGA) dan Persidangan-persidangan Antarabangsa yang lain, kita terus berusaha untuk mengekalkan pengiktirafan CGDK sebagai Kerajaan yang sah di Kampuchea. Di UNGA yang ke 42 baru-baru **ini**, resolusi ASEAN mengenai Kampuchea telah mendapat sokongan yang paling tinggi dengan 117 negara menyokong, 21 menentang dan 13 berkecuali.

Dengan pendirian kita terhadap masalah ini yang berasaskan pengunduran kesemua tentera Vietnam, pengembalian kemerdekaan dan kedaulatan Kampuchea dan penentuan masa depannya sendiri, kita telah berkali-kali menggesa Vietnam supaya bekerjasama untuk tampil ke raeja perundingan.

ASEAN juga telah secara sepakat melantik Indonesia sebagai 'interlocutor' dengan Vietnam untuk berusaha mencari penyelesaian secara terus-menerus. Perbincangan dan perundingan di antara Menteri Luar Indonesia dan pihak Vietnam masih diteruskan. Di samping itu, kita juga menyokong dan menyambut baik usaha-usaha yang dijalankan oleh Putera Sihanouk dan pihak-pihak lain untuk mencari penyelesaian politik yang menyeluruh dan berkekalan dalam masalah ini, termasuk rundingan yang telah diadakan di antara beliau dengan Perdana Menteri Kampuchea iaitu Hun Sen iaitu di Fere-en-Tardenois, France baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato'Dr. K.S. Nijhar.

Tuan A. Shaik Dawood Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No.13.

PERBADANAN AWAM - PENSWASTAAN

13. **Tuan A. Shaik Dawood Abu Bakar di bawah S.O.23(2)** minta Perdana Menteri menyatakan kejayaan yang telah dicapai dalam penswastaan perbadanan-perbadanan awam sejak pengumuman Kerajaan,

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak pengumuman dasar penswastaan, Kerajaan telah berjaya menswastakan perbadanan awam seperti berikut:-

- (i) Malaysia Airline System (MAS).
- (ii) Malaysia International Shipping Corporation (MISC).
- (iii) Sports Toto.
- (iv) Sebahagian daripada Lembaga Pelabuhan Kelang iaitu Bahagian Kontena Terminal.

Langkah-langkah juga telah diambil untuk menswastakan Jabatan Telekom dengan menukarkan tarafnya kepada sebuah syarikat yang pada masa ini dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan. Penswastaan akan diusahakan apabila syarikat tersebut menunjukkan keuntungan yang memuaskan.

Di samping itu, suka saya menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa 71 buah syarikat Kerajaan telah dijual kepada pihak swasta. Penjualan ini telah bermula sejak tahun-tahun tujuh puluhan lagi iaitu sebelum dasar penswastaan ini diumumkan.

CUKAI JALAN - MENGHAPUSKAN

14. **Tuan M. Sangaralingam** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada cukai jalan boleh dihapuskan memandangkan bahawa jumlah wang yang digunakan oleh seorang pemandu bagi pembayaran tol adalah amat banyak dan terdapat banyak bantahan dan "trustration" daripada rakyat jelata kita.

18.12.87

3. **Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada pihaknya bercadang untuk menurunkan kadar cukai jalan yang dikenakan kepada kenderaan-kenderaan bermotor memandangkan kepada beban berat yang dikenakan kepada rakyat melalui kutipan tol di sana.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar Lajim mengenai perkara yang sama di Dewan ini pada 18.12.87.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan bayaran lesen kenderaan motor yang dikenali oleh orang ramai sebagai cukai jalan. Pungutan hasil daripada bayaran lesen-lesen kenderaan motor adalah merupakan salah satu punca hasil negara yang besar. Menghapuskan bayaran lesen kenderaan motor akan menyebabkan Kerajaan kehilangan punca pendapatan negara yang besar.

Bayaran tol adalah untuk jalan-jalan tertentu sahaja dan ia tidak ada kaitan dengan lesen kenderaan motor. Hasil kutipan tol adalah bagi maksud penyelenggaraan lebuhraya bertol dan membayar balik pinjaman bagi pembinaan lebuhraya berkenaan.

BANK RAKYAT - DIVIDEN

15. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan iaitu difahamkan mengikut jawapan Y,B. kepada pertanyaan saya pada 20.12.84 di Dewan yang mulia ini Bank Rakyat masa-kini mengalami keuntungan dan mencapai prestasi yang memuaskan serta bercadang raengeluarkan dividennya pada awal tahun 1987 ini, dan jika benar berapa peratus dividen akan diberi pada ahli-ahlinya, bagaimana prestasi keuntungannya sekarang dan bilakah pula dividen akan diberi pada ahlinya,

Timbalan Meuteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar [Dato'Mohd, Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, Bank Rakyat telahpun membuat keuntungan sejak tahun 1982. Namun demikian, beberapa peruntukau yang terkandung di dalam Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) 1978 perlu dipinda terlebih dahulu sebelum dividen boleh dikeluarkan. Oleh kerana ini melibatkan soal perundangan, pihak Bank Rakyat mestilah terlebih dahulu membuat kajian terperinci sebelum sesuatu cadangaa berkaitan dengan pindaan ini dikemukakan. Bank Rakyat tidak boleh mengeluarkan sebarang dividen untuk dinikmati oleh ahli-ahlinya sehinggalah perkara tersebut dapat diatasi terlebih dahulu.

Walau bagaimanapun, buat masa ini pihak pengurusan Bank Rakyat sedang berusaha untuk mengambil langkah-langkah yang perlu bagi membolehkan dividen atau ganjaran yang seumpamanya dapat diberikan kepada ahli-ahlinya secepat yang mungkin.

MENGHIDU GAM

16. **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menggabal undang-undang untuk menjadikan perbuatan "menghidu gam" suatu kesalahan memandangkan perbuatan ini kian merebak di kalangan pemuda-pemuda negara ini. Nyatakan juga jumlah kes penghiduan gam yang dikenakan setakat ini dan tindakan yang diambil ke atas mereka yang terlibat itu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, keperluan menggubal undang-undang mengenai perbuatan penyalahgunaan bahan pelarut, terutamanya gam dan cara-cara pengendalian kes-kes berkenaan masih di dalam peringkat

pertimbangan. Kerajaan memang sedar mengenai perbuatan menghidu gam di kalangan remaja dan pemuda di negara ini. Bilangan sebenar mereka yang terlibat di dalam penyalahgunaan bahan pelarut, terutamanya gam ini masih belutn dapat dipastikan dengan tepat. Ini kerana ketiadaan alat untuk raengesannya. Walau bagaimanapun, di antara tahun 1983 hingga tahun 1986, sejumlah 288 kes menghidu gam telah dilaplorkan, sungguhpun kes-kes ini tidak dapat dipastikan dengan tepat. Kerajaan sentiasa meneliti dan mengawasi perkembangan bagi menentukan masalah Ini tidak meningkat. Kerajaan telahpun mengeluarkan buku panduan kepada para guru, Pegawai Pemulihan Kebajikan dan Pegawai Perubatan tentang cara-cara mengendalikan kes-kes penghiduan gam dan bahan-bahan pelarut yang lain.

SISTEM 3S - SISTEM PENGINTIPAN TERPILIH

17. **Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Saleh** minta Menteri Pengangkutan menyacakan ke tahap manakah sistera "3S" dan KEJARA dilaksanakan,

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Sistem 3S (Selective Surveillance System) ataupun "Sistem Pengintipan Terpilih" adalah merupakan salah satu cara tindakan penguatkuasaan yang diambil terhadap pemandu-pemandu yang didapati telah banyak kali melanggar undang-undang lalulintas dan sentiasa mengelak daripada hukuman. Intipan ke atas gerakgeri mereka semasa memandu kenderaan di jalanraya akan dibuat dan mereka akan ilitahan dan disaman bagi membolehkan mereka ini didakwa di mahkamah. Memandangkan bahawa sistem "3S" ini baru sahaja diperkenalkan, adalah terlalu awal untuk mengukur kekesan perlaksanaannya.

Manakala sistem Keselamatan Jalan Raja [KEJARA] pula yang telah dilaksanakan sejak 1hb April, 1984 telah berjaya mengesan seramai 183,123 orang pemandu yang telah melanggar undang-undang lalulintas

jalan setakat bulan Ogos 1987. Ada terdapat beberapa kelemahan di dalam pelaksanaannya di peringkat awal sistem ini. Kementerian Pengangkutan telahpun mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memperkemaskan lagi pelaksanaan Sistem KEJARA ini selaras dengan peruntukan-peruntukan tertentu di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang akan berkuatkuasa pada 1.1.88.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kedua-dua sistem "3S" dan sistem KEJARA ini merupakan sistem yang berlainan, tetapi pada hakikatnya sistem-sistem ini adalah saling melengkapi di antara satu sama lain (complimentary), dengan izin.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahun apakah hasil sistem 3S setakat hari ini?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Melalui Sistem 3S sebanyak 4 buah bas mini telah digantung lesen kereta motornya untuk sementara.
- (ii) Dijangka Jabatan Pengangkutan Jalan Wilayah Persekutuan akan menahan sebanyak 13 buah teksi yang disenaraikan di bawah Sistem 3S.
- (iii) Jabatan Pengangkutan Jalan sedang meneliti senarai untuk kenderaan perdagangan. Bilangan yang akan disenaraikan di bawah Sistem 3S akan diketahui dalam sedikit masa lagi.

Sehingga kini belum ada kenderaan persendirian yang disenaraikan di bawah Sistem 3S, tetapi saya iuginlah mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, mungkin ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat sedang diintip pula. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

KEKOSONGAN JAWATAN HAKIM

18. **Tuan Paramjit Singh** minta Menteri Kehakiman menyatakan, adakah Kerajaan akau menimbang untuk menambah lantikan Hakim-hakim Mahkamah Tinggi, Hakim-hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret bagi menyelesaikan tunggakan kes-kes di Mahkamah-mahkamah di negara **ini**.

Timbalan Menteri di Jabatao Perdana Menteri (Dato'Oo Gin Sun):

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengisi kekosongan jawatan Hakim Mahkamah Tinggi, Kerajaan baru sahaja melantik seorang Hakim bagi Mahkamah Tinggi, Miri. Dua orang Hakim Mahkamah Tinggi bagi Semenanjung akan dilantik tidak lama lagi. Sementara **itu**, Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan sedang mengambil tindakan untuk melantik pegawai-pegawai baru bagi mengisi jawatan Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret yang masih belum **diisi**.

Selain dari **itu**, satu kajian untuk menambah bilangan jawatan-jawatan baru bagi Hakim Mahkamah Tinggi, Sesyen dan Majistret sedang dijalankan.

LADANG/ESTET - KEKURANGAN PEKERJA

19. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Buruh menyatakan ladang-ladang dan estet-estet kini sedang menghadapi masalah kekurangan tenaga pekerja dan salah satu daripada sebabnya ialah golongan muda khususnya tidak tertarik dengan keadaan-keadaan pekerjaan di ladang-ladang, terutama sekali kerana gaji kebanyakan pekerja-pekerja mereka dibayar secara harian dan bukannya secara bulanan. Memandangkan hal sedemikian, bolehkah Kementerian Buruh menasihati pihak majikan agar menimbang usul dari NUPW supaya pekerja-pekerja ladang diberi gaji bulanan.

Timbalan Menteri Buruh [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]:

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Buruh memang sedar bahawa Ladang-ladang sedang menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja. Walau bagaimanapun, keadaan ini bukanlah disebabkan oleh gaji harian yang dibayar kepada pekerja-pekerja. Amalan gaji harian juga terdapat di industri-industri lain seperti kilang-kilang tekstil dan elektronik. Pada kebiasaannya skim gaji dan syarat-syarat perkhidmatan di Ladang-ladang adalah dipersetujui secara rundingan di antara pihak majikan dan pihak pekerja. Skim gaji yang dipersetujui adalah berasaskan ciri-ciri dan keadaan tertentu bagi sektor berkenaan. Sehubungan dengan ini Mahkamah Perusahaan telah memutuskan bahawa di ladang-ladang skim gaji yang berasaskan kepada kadar harian adalah bersesuaian dengan keadaan perusahaan perladangan dan adalah sah di sisi undang-undang. Walau bagaimanapun adalah dasar dan hasrat Kementerian Buruh untuk terus menggalakkan penetapan gaji secara rundingan di antara pihak majikan dan pekerja. Oleh yang demikian adalah terpulang kepada kedua-dua pihak itu untuk menentukan sistem gaji yang perlu diamalkan.

TANAMAN JAGUNG

20. **Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian Pertanian menggalakkan petani untuk mengerjakan cara berkelompok atau dengan cara lebih besar untuk menanam jagung makan dengmi hal yang demikian akan mengurangkan import biji jagung dari luar negeri yang berharga berjuta ringgit setiap tahun.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Alexander Yu Lung Lee]:

Kementerian Pertanian telah mengkaji semula rancangan program pengeluaran jagung bijirin bagi makanan ternakan. Penemuan kajian semula ini mendapati bahawa pengeluaran jagung bijirin di negara ini mempunyai daya maju kewangan yang 'marginal' di samping terlalu sensitif terhadap perubahan hasil pengeluaran dan harga pasaran, walaupun perubahan pada kadar yang kecil. Kajian semula sedang dibuat setelah harga import c.i.f. jagung bijirin telah jatuh daripada purata harga 41 sen sekilo semasa kajian, iaitu pada tahun 1985, kepada 18-35 sen sekilo pada tahun 1987. Kajian tersebut meneliti aspek-aspek kos pengeluaran, implikasi kenaikan harga jagung ke atas kos pengeluaran ternakan, kesesuaian agro-iklim, serta dari segi kepentingan mengurangkan importnya dan menjimat tukaran wang asing. Pada peringkat permulaan, program pengeluaran jagung akan ditumpukan kepada promosi dan percubaan. Sesuatu projek pengeluaran jagung oleh petani-petani perlu dilaksanakan secara berkelompok, mini estet atau secara besar-besaran.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang terhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Mulut sudahpun cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 21 hingga 30 adalah]

LADANG/ESTET - KEKURANGAN PEKERJA

19. Tuan C. Krishnan minta Menteri Buruh menyarakan ladang-ladang dan estet-estet kini sedang menghadapi masalah kekurangan tenaga pekerja dan salah satu daripada sebabnya ialah golongan muda khususnya tidak tertarik dengan keadaan-keadaan pekerjaan di ladang-ladang, terutama sekali kerana gaji kebanyakan pekerja-pekerja mereka dibayar secara harian dan bukannya secara bulanan. Memandangkan hal sedemikian, bolehkah Kementerian Buruh menasihati pihak majikan agar menimbang usul dari NUPW supaya pekerja-pekerja ladang diberi gaji bulanan.

Timbalan Menteri Buruh [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]:

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Buruh memang sedar bahawa ladang-ladang sedang menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja. Walau bagaimanapun, keadaan ini bukanlah disebabkan oleh gaji harian yang dibayar kepada pekerja-pekerja. Amalan gaji harian juga terdapat di industri-industri lain seperti kilang-kilang tekstil dan elektronik. Pada kebiasaannya skim gaji dan syarat-syarat perkhidmatan di Ladang-ladang adalah dipersetujui secara rundingan di antara pihak majikan dan pihak pekerja. Skim gaji yang dipersetujui adalah berasaskan ciri-ciri dan keadaan tertentu bagi sektor berkenaan. Sehubungan dengan ini Mahkamah Perusahaan telah memutuskan bahawa di ladang-ladang skim gaji yang berasaskan kepada kadar harian adalah bersesuaian dengan keadaan perusahaan perladangan dan adalah sah di sisi undang-undang. Walau bagaimanapun adalah dasar dan hasrat Kementerian Buruh untuk terus menggalakkan penetapan gaji secara rundingan di antara pihak majikan dan pekerja. Oleh yang demikian adalah terpulang kepada kedua-dua pihak itu untuk menentukan sistem gaji yang perlu diamalkan.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1988****Bacaan Rali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan, 1988 dibacakan kali yang kedua sekarang." [4hb Disember, 1987)

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King menyambung ucapan beliau. Silakan.

3.33 ptg.

Tuan Tiong Hiew King: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyambung semula percakapan saya pada hari Jumaat minggu lalu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara hendak saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini iaitu mengenai skim bayaran ansuran cukai pendapatan. Tujuan untuk melaksanakan skim itu pada amnya adalah baik, kerana ianya bertujuan mengurangkan tunggakan cukai pendapatan sambil memperbaiki pungutan cukai pendapatan serta menyeragamkan sistem kutipan cukai pendapatan di kalangan pembayar-pembayar cukai, tetapi pemulihan dan pertumbuhan ekonomi yang masih lembab, sektor perdagangan dan perindustrian belum pulih sepenuhnya. Banyak syarikat yang sedang menghadapi kesulitan kewangan akan lebih susah menjalankan urusannya. Jikalau pelaksanaan skim itu diwajibkan nanti, apa lagi di bawah skim ini syarikat-syarikat akan dikenakan denda sebanyak 35% bagi kelewatan bayaran ansuran cukai,

Syarikat-syarikat itu tentulah akan mengalami kesulitan aliran wang tunai atau 'cash flow' dan akhirnya terpaksa menutup urusan perniagaannya. Kalau berlaku kejadian semacam ini nanti nyatalah ia bertentangan dengan kemahuan kita, iaitu memesatkan pertumbuhan ekonomi. Maka saya berharap agar Kerajaan akan mengkaji semula cadangan ini dan raencari jalan lain untuk mengatasi masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangau dalam membentangkan Belanjawan 1988 bercadang mengenakan semula Cukai Jualan ke atas beberapa jenis barangan sebagai langkah untuk menambah hasil. Dengan pengenaan semula Cukai Jualan ke atas barang-barang makanan, bahan-bahan binaan, serta barang-barang separuh siap itu tidak dapat dinafikan bahawa ianya akan menjejaskan sedikit sebanyak usaha kita untuk menggalakkan pelancongan dan pembinaan rumah murah. Perniagaan-perniagaan, restoran dan hotel akan kekurangan disebabkan belanja akan lebih besar. Penduduk teropatan akau enggan makan di luar atau mengembara juga. Oleh kerana bahan-bahan binaan dikenakan Cukai Jualan, harga rumah pun akan naik dan akibatnya ianya akan menjejaskan pemulihan sektor perumahan. Maka itu saya berharap supaya langkah ini akau dapat dikaji semula tahun depan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Maksud B.55 iaitu Peruntukan bagi Kementerian Pengangkvtan serta Maksud B.54 yakni peruntukan bagi Kementerian Kerjaraya.

Saya pernah menimbulkan perkara mengenai pembinaan Lapangan Terbang Baru Sibu dan Jalanraya Pan-Borneo di Dewan yang mulia ini. Pembinaan Lapangan Terbang Baru Sibu hingga sekarang masih lagi ditangguhkan. Pembinaan Jalanraya Pan-Borneo pun dijalankan perlahan-

perlahan-lahan. Kita tahu dan Kerajaan kita pun sedar bahawa sektor pengangkutan adalah penting bagi pembangunan ekonomi. Telah juga saya menerangkan betapa pentingnya pembinaan-pembinaan itu bagi perabangan dan kemajuan ekonomi negeri Sarawak yang masih jauh ketinggalan, dibandingkan dengan keadaan di Semenanjung. Memandangkan kedudukan kewangan Kerajaan mula bertambah baik, saya hendak bercadangkan agar Kerajaan dapat memberi peruntukan wang yang lebih supaya Jalanraya ini boleh disiapkan dalam tempoh 2-3 tahun dan juga agar pembinaan Lapangan Terbang Baru Sibu boleh dilaksanakan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kemudahan-kemudahan dan Perkhidmatan Kesihatan di negeri Sarawak, tidak perlu saya bercakap dengan panjang lebar di Dewan *ini*. Yang Berhormat Menteri Kesihatan pun telah melawat Sarawak dan beliau tentu mengetahui keadaan sebenarnya di Sarawak. Pembinaan sebuah rumah sakit baru dan moden di Sibu adalah sangat diperlukan memandangkan kesesakannya saban hari disebabkan kekurangan kemudahan-kemudahan pengubatan yang sedia ada pada Rumah Sakit Lau King Hoe, Sibu sekarang. Doktor-doktor tidak cukup dan tempat-tempat rawatan untuk in-patients juga tidak cukup. Oleh itu Kerajaan diminta menimbang semula pelaksanaan pembinaan rumah sakit baru *itu*. Sambil menunggu siap pembinaan rumah sakit baru itu saya juga berharap Kerajaan akan memberi peruntukan secukupnya untuk menambah dan memperbaiki kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan kesihatan di Rumah Sakit Lau King Hoe. Juga saya meminta Kerajaan mendirikan lebih banyak klinik desa di daerah pendalaman di Sarawak untuk memberi Perkhidmatan Kesihatan kepada penduduk-penduduk di pendalaman itu.

Walaupun ada yang tinggal berdekatan dengan pekan-pekan kecil, **ter-**dapat sejumlah besar dari penduduk-penduduk itu yang kediamannya sangat jauh dari pekan-pekan, Pesakit-pesakit harus herjalan kaki., menumpang trak balak serta berperahu, bermotor, kadangkala **per-**jalanan mereka memakan masa 1-2 liari.

Memandangkan sejumlah peruntukan akan disediakan untuk menambahkan bilangan klinik-klinik desa, tnaka diharap bahawa rayuan **ter-**sebut akan diberi pertimbangan yang sewajarnya,

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir saya akan bangkitkan di Dewan ini adalah berkaitan dengan Maksud B.31, peruntukan Jabatan Kastam dan Eksais Di-Raja.

Saya yakin Ahli-ahli. Yang Berhormat ketahui bahawa Tanjong Manis di Bahagian Sarikei dekat Kuala Batang Rajang adalah merupakan satu pelabuhan dalam sungai. di Sarawak. Kayu balak adalah ditarik atau diangkut dengan bas dari kem-kem pembalakan di sepanjang Kuala Batang Rajang hingga Ulu Rajang ke kolam kayu Tanjong Manis, perjalanannya memakan masa 3-4 hari. Banyak kapal asing berlabuh saban hari, kadangkala terdapat 10-20 buah atau lebih kapal menunggu di sana untuk memuatkan kayu balak, kayu gergaji dan hasil kayu lain-lainnya, entah berapa ribu juta ringgit duti dipungut oleh Jabatan Kastam setahun bagi eksport kayu balak dan hasil kayu. Tuan Yang di-Pertua, dukacita dimaklumkan hingga sekarang kemudahan-kemudahan basic pun belum dapat disediakan di tempat Tanjong Manis bagi pihak pengeksport menguruskan segala prosidur Kastam. Pihak pengeksport harus berulang-alik dengan speed-boat sewaan beberapa kali antara Tanjong Manis dan Sarikei. untuk mneyempurnakan segala kewajipannya dengan Jabatan Kastam di Sarikei bagi setiap muatan. Mereka hendak buat pengistiharan kepada pihak Kastam bagi setiap

parcel kayu yang hendak dieksport, setelah parcel kayu diisytiharkan barulah ditunda atau diangkut dengan bas dari kolam kayu atau log pond ke sisi kapal asing untuk dimuatkan. Ulang-alik sekali. memerlukan 3-4 jam, maka bagi satu muatan iaitu one shipment mereka akan mengambil masa 9-12 jam atau lebih. Belanja eksport bertambah kerana sewa speed-boat dan masa dibuang dengan sia-sia. Oleh sebab itulah kerja untuk memuat itu diperlambatkan, lay time atau lay day dipanjangkan, jadi biasanya si pengeksport boleh tnendapat wang dispatch, tetapi kerana penangguhannya ia akan membayar demurrage kepada empunya kapal asing, itu adalah satu kerugian bagi pengeksport dan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memohon perhatian Kerajaan terhadap perkara Ini dan minta sejumlah peruntukan boleh disediakan bagi penubuhan sebuah ofis dan ditempatkan beberapa orang kakitangan Jabatan Kastam di Tanjong Manis untuk mengurus segala tatacara Kastatn yang mesti dipatuhi berhubung dengan eksport kayu balak.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum menutup percakapan saya, saya hendak menegaskan lagi Belanjawan Tahun 1988 pada keseluruhannya boleh dianggap sebagai satu Belanjawan yang baik, yang boleh menolong dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Jika perkara-perkara tersebut itu dapat diberi pertimbangan serius dan langkah-langkah berkaitan yang sewajarnya diambil, kadar pertumbuhan ekonomi akan lebih tinggi, pemulihan ekonomi akan lebih pesat. Selain daripada itu, adalah harapan saya juga iaitu permintaan-permintaan yang telah saya kemukakan itu akan diperkenankan nanti agar rakyat Sarawak mendapat faedah lebih perkhidmatan Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja ucapan saya. Saya sekali lagi menyokong penuh di atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1988. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim.
3.47 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih, kerana saya diberi peluang untuk sama-sama dengan rakan-rakan dalam Dewan yang mulia ini untuk memberikan sokongan di atas Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1988 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dengan pembentangan Akta ini manakala ditatap dan dikaji serta diteliti sepatutnya semua lapisan dan golongan rakyat negara ini bersyukur di atas nikmat yang diberikan oleh Allah s.w.t yang begitu banyak dan tidak terhitung sama ada hasil-hasil pemberian yang diberi itu melalui isi-isi perut bumi ataupun hasil-hasil yang datang, yang sedia ada di bumi begitu juga hasil-hasil yang datang dari luar dan dalam kesetnuanya itu adalah untuk kemuslihatan dan untuk kemanfaatan kepada semua golongan rakyat.

Saya rasa pembentangan Anggaran Belanjawan 1988 yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan dalam Dewan ini pada minggu yang lalu tidaklah memeranjatkan dan tidaklah mengecewakan rakyat, tetapi semua pihak yang berkaitan di dalam Kementerian-kementerian harus mengambil kira beberapa perkara yang harus difikirkan dan tindakan segera di dalam melaksanakan perancangan-perancangan yang telahpun digariskan di dalam Buku Belanjawan Persekutuan 1988.

Sepanjang yang kita tahu dan kita faham perancangan-perancangan yang diatur oleh pihak Kementerian-kementerian yang berkenaan selalunya baik dan teratur, tetapi selalunya kita menempoh kegagalan dalam soal pelaksanaan dan banyak perkara-perkara yang sepatutnya di,jalankan terlebih dahulu, tetapi perkara itu tidak dijalankan dan kita banyak menjalankan perkara-perkara yang kita anggap boleh menguntungkan, tetapi hasilnya tidak menguntungkan.

Jadi oleh kerana itu sudah sampai masanya dengan keadaan kedudukan negara diagakkan aman dan tenteram dan rakyatnya hidup dengan keadaan saling mengerti antara baru kaum dengan satu kaum dan perpaduan terpupuk dengan naik dan kita harap perpaduan ini akan kekal dan bertambah naik dari satu masa ke satu masa sehingga rakyat negara ini dapat menikmati kehidupan yang naik dan teratur dan penuh dengan rasa persaudaraan dan faham ,1. antara satu sama lain di atas tradisi dan kebudayaan tiap-tiap kaum itu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membincangkan anggaran ini saya suka menarik pandangan kepada peruntukan B.7 iaitu Jabatan Perdana Menteri yang saya hendak sentuh ialah masalah yang ada di Pusat Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri. Pusat ini sentiasa bergiat dan mencari penyelesaian perkara-perkara yang berkaitan dengati agama dan kemajuan agama Islam di negara ini, banyak seminar-seminar dan banyak majlis-majlis antarabangsa dijalankan untuk melahirkan ke-fahaman dan mendalami keilmuan dari segi keislaman yang telah dapat dijayakan oleh pihak Pusat Islam ini.

Saya ingin memberikan pandangan iaitu supaya keilmuan yang di-seminarkan itu dapat disalurkan kepada rakyat atau dapat disampaikan kepada kefahaman umat Islam dalam negeri ini supaya usaha-usaha yang baik dan murni ini dapat sampai kepada matlamat dan tujuan. Di antaranya yang saya nampak ialah usaha-usaha untuk menyelaraskan Undang-undang Keluarga Islam yang sedang berjalan, kalau saya tidak silap sampai waktu **ini**, insya Allah, empat negeri berjaya untuk menjalankan Undang-undang Keluarga Islam **ini**. Manakala diteliti dengan peraturan-peraturan yang baru ini, saya

nampak jaminan keselamatan kaum wanita Islam ada tercatat di situ dan akan dilaksanakan tidaklah lagi sebagaimana yang dijeritkan oleh wanita-wanita Islam di negara ini bahawa wanita-wanita itu tertindas oleh pihak orang lelaki dengan tidak mempunyai keadilan terutama sekali manakala isteri-isteri itu ditinggal dengan begitu sahaja dengan tidak mempunyai tanggungjawab. Saya nampak, umpamanya, satu orang lelaki yang hendak bercerai dengan isterinya perempuan tidak boleh melafazkan di hadapan isteri, kalau ini dilaksanakan dengan tidak mengikut peraturan, maka akan didenda \$1,000, Saya rasa ini satu keadaan yang mencabar bagi pihak orang-orang lelaki.

Walaupun dari segi kehukuman keagamaan lafaz cerai ini boleh dilafazkan di mana-mana sahaja tetapi demi untuk menjamin keselamatan maka satu perundangan telahpun dibuat.

Jadi saya ingin hendak mendapat penjelasan daripada pihak Menteri berkenaan iaitu Menteri di bawah Jabatan Perdana Menteri tentang untuk menjalankati Mahkamah Syariah yang telahpun dikaji dan telahpun dijanjikan akan dilaksanakan seberapa cepat yang boleh. Mengikut pengetahuan saya Mahkamah Syariah ini belum dapat dijalankan walaupun ada seorang daripada rakan yang terdahulu daripada saya mengatakan bahawa ura-ura dicadangkan untuk menyamatarafkan Mahkamah Syariah dengan Mahkamah-mahkamah Sivil biasa akan dapat dibuat tidak berapa lama lagi.

Saya rasa dengan berjalannya Undang-undang Keluarga Islam ini maka Undang-undang Perjalanan Mahkamah Syariah akan dapat diikuti sama dalam masa yang tidak berapa lama kerana umat Islam negeri ini sudah sampai masa berkehendakkan keadaan ini berubah dan peraturan ini berjalan kerana dengan itu harapan kita berdoa kepada Allah taala semoga umat Islam dalam negeri ini akan dapat dicontohi oleh

kaum-kaum dan bangsa yang duduk dalani negeri ini memandangkan perjalanan agama Islam ini teratur dan baik sesuai dengan Islam sebagai agama rasmi negara ini.

Begitu juga saya ingiu mencadangkan Pusat Islam supaya dapat membuat perangkaan tentang jagaan anak-anak kecil daripada kakitangan-kakitangan Kerajaan yang menghadap masalah sekarang iaitu kakitangan-kakitangan Kerajaan wanita khususnya saya tujukan ini menghadap masalah iaitu masalah belaan anak semasa mereka menjalankan tugas di jabatan-jabatan berkenaan di mana mereka ditempatkan.

Walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bercita-cita dan berkeinginan untuk melahirkan satii ketika dan satu masa supaya penduduk-penduduk negara Malaysia ini meningkat kepada angka 70 juta, satu daripada penghalangnya hendak sampai kepada angka 70 juta ini ialah dengan kesusahan yang diterima oleh wanita-wanita kita, tidak ada tempat untuk menyerahkan anak buat sementara waktu semasa mereka menjalankan tugas.

Saya ingin menyarankan dalam mengaitkaa ucapan saya dalam metn- bahaskan Rang Undang-undang Perbekalan ini iaitu supaya Pusat Islam ataupun Tabung Haji di mana didapati kesemuanya itu adalah kaki- tangan yang beragama Islam supaya dapat mengatur satu program khas bagi menempatkan anak-anak kecil di kawasan tersebut supaya mem- bolehkan anak-anak kecil ini ditinggalkan dalam satu tempat yang boleh diulangalikkan oleh ibunya semasa bertugas ataupun dapat kita menyampaikan hasrat sebagaimana kempen Kementerian Kesihatan supaya anak-anak ini disusui oleh ibunya, bukan disusui oleh binatang. Di mana-mana kita menjerit bahawa anak itu jangan diberikan susn ter- lalu awal yang datang daripada bahan binatang tetapi hendaklah

diberi susuan yang datangnya daripada ibu sendiri sekurang-kurangnya dalam masa dua tahun. Kegagalan ini dapat kita rasai kerana ibu tidak ada di samping anak dalam masa yang agak lama kerana menjalankan tugas,

Jadi saya ingin menyarakau supaya Jabatan-jabatan Kerajaan dapat membuat satu peraturan dengan tidak menggunakan penglibatan perbelanjaan saya rasa tetapi perbelanjaan ini akan dibiayai oleh mereka yang mempunyai anak supaya dapat dikumpulkan dalam satu tempat yang dilengkapi dengan kemudahan keperluan anak-anak dan ibunya senang menjalankan tugas dalam jabatan-jabatan yang berkenaan.

Kalau ini dapat dilakukan sebagai contoh di Pusat Islam dan Tabung Haji kerana ini yang saya nampak menyeluruh kalau boleh ini dibuat insya Allah jabatan-jabatan yang lain akan dapat mengikut dan akan dapat mencontohi teladan yang baik ini dan kita berdoa dengan persediaan-persediaan yang kita buat ini ibu-ibu kita tidak akan enggan melahirkan anak sampai kepada bilangan 10 orang atau 8 orang kerana hari ini kita nampak mereka bermegah bahawa mereka ada mempunyai anak dua atau tiga kerana mereka takut bahawa jaminan hidup masa akan datang, jaminan rezeki yang akan datang tidak ada jaminan di atas bilangan anak yang banyak. Ini amat malang sekali kerana singkat pengetahuan kerana kurang fahaman tentang kelebihan orang yang mempunyai anak banyak di mana rezeki jaminan Tuhan adalah lebih banyak kepada orang yang anak banyak.

Jadi dengan sebab itu, kita Ingin angkatan-angkatan kita yang masih muda, kita ingin melihat anak-anak kita ramai duduk dalam negara kita **ini**. Kalau anak-anak ramai dalam negara suatu rahmat Tuhan akan turun di mana jaminan rezeki untuk anak-anak itu akan dapat kita rasai kerana rezeki anak-anak itu adalah jaminan daripada Allah subhanahu-wa-taala.

Dengan sebab itu, kita yang tak ramai anak selalu memikirkan bahawa orang yang anak banyak itu hidupnya susah, tetapi yang sebenarnya orang yang anak banyak itu hidupnya senang, cuma dia tidak mewah. Itu sahaja. Hidup mereka bahagia, cuma mereka tidak kaya. Jadi kebanyakan kita mahu kaya, biarpun susah, kita mahu mewah walaupun bersakit, tetapi sebaliknya ibu yang sentiasa melahirkan anak itu jauh daripada sakit-sakit yang selalu dihadapi oleh kebanyakan wanita, tetapi tak payahlah saya sebutkan di sini penyakit-penyakit itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada **itu**, saya berkeinginan memberikan satu pandangan supaya Pusat Islam itu dapat menggubal satu undang-undang untuk diagih-agihkan kepada Jabatan-jabatan Agama Islamn iaitu berhubung dengan Baitulmal. Baitulmal yang ada di negeri-negeri iaitu di Majlis-majlis Agama Islam, ada di antara Majlis-majlis Agama itu sudah kaya dari segi kewangannya, tetapi kekayaan Baitulmal itu tidak dapat dinikmati, kemudahan-kemudahannya oleh orang-orang Islam itu sendiri. Dengan sebab **itu**, saya ingin mencadangkan supaya Baitulmal itu dapat merangka satu undang-undang

pinjaman kepada orang-orang Islam supaya dengan cara itu akan dapat mengurangkan orang-orang Islam terlibat dalam amalan riba iaitu pinjaman daripada bank perdagangan ataupun pinjaman daripada badan-badan kewangan yang tertentu.

Saya minta sebagai langkah pertama kalau Baitulmal dapat meminjamkan wang untuk membeli kereta ataupun kenderaan yang munasabah seperti motosikal kepada orang-orang Islam dengan peraturan-peraturan yang tertentu, sebagaimana yang diamalkan oleh Bank Islam sekarang **ini**. Kalau itu dapat dijalankan, saya rasa merupakan satu pertolongan yang kita beri kepada umat Islam di negara ini.

Yang kedua, kalau Baitulmal itu dapat meminjamkan atau memberikan pinjaman kepada bakal-bakal pengantin yang hendak berkahwin. Ini pun satu masalah kerana keadaan kehidupan sekarang sudah jauh berubah. Seseorang lelaki yang hendak berkahwin, kalau pada masa dahulu sering kita dengar orang yang hendak berkahwin orang bangsa Tionghua takut hendak kahwin, fasal perbelanjaan banyak, tetapi sekarang sudah berjangkit kepada orang-orang Islam, khususnya bangsa Melayu.

Seseorang lelaki yang hendak berkahwin pada hari ini sekurangnya dia mesti menyediakan wang tak kurang daripada \$3,000 - \$5,000 kerana permintaan oleh si wanita yang meningkat. Kalau dahulu kita bayar hantaran \$1,000 sekarang sudah naik \$2,000 atau \$3,000 serba satu. Adat tana dia tiru, kita pun tak tahu. Jadi, sekarang hendak tak hendak, kita terpaksa cari wang kerana kita hendak kahwin. Selepas itu pula, selain daripada perbelanjaan itu, kita sendiri pun memerlukan perbelanjaan. Sebab itulah

saya suka mencadangkan, kalau cara cakap, saya suka mencadangkan, orang lelaki yang kahwin tak payah buat kenduri besar, padahal bagi duit dengan orang perempuan, kita kenduri sama-sama, hendak buat apa pakai wang banyak-banyak dan membazir. Jadi tak payah buat kenduri kedua belah pihak. Jadi, dengan sebab itu, seorang lelaki yang hendak berkahwin sekarang ini, satu daripada gejala yang kita hadapi, dia bertunang sampai dua tahun tetapi dia sudah nikah dua tahun juga, seolah-olah dia sudah kahwin, sama taraf macam suami-isteri dan ada kita kedapatan duduk pun bersama, cuma tidak akad sahaja.

Ditanya kenapakah tak berakad, dia kata permintaan wanita itu terlalu tinggi, tetapi dia boleh duduk serumah ataupun dia berulang-alik ataupun dia makan bersama, naik kereta bersama, dia pusing dalam bandar sama-sama dan membeli-belah sama-sama tak ada apa perbezaan, muagkin cuma satu sahaja dia tak lakukan, yang lain habis.

Jadi, hendak menyelamatkan umat Islam yang muda-muda **itu**, banyak orang berkata, dan di mana-mana saya dengar, dekat surau di bawah itupun, di balik tabir itu pun kaum perempuan pun bercerita masalah itu juga, Ini pun susah kita hendak cakap, cerita masalah wanita, dia marah sama lelaki. Jadi kalau wanita marah sama orang lelaki, kita orang lelaki tunjuk perasaan, wanita tentu susah.

Jadi, dengan sebab itu minta tolonglah siapa yang boleh menyelesaikan masalah ini iaitulah aspek perundangan ataupun kemudahan yang boleh dibekalkan kepada kita untuk menyelamatkan umat Islam dalam negara ini. Kalaulah berlaku penangkapan kerana curang, sumbang pamandangan kepada anak-anak muda kita, sedangkan kita hendak selesaikan masalah dia kita tanya, kamu berdua hendak kahwin atau tidak, dia kata hendak kahwin. Fasal apa tak kahwin, fasal duit

tak ada. Sekarang kita bagi pinjamati daripada Baitulmal. Jadi, dapat diselesaikan.

Jadi saya rasa dengan adanya Undang-undang Keluarga Islam yang kita akan jalankan, dengan Undang-undang Mahkamah Syariah yang akan kita jalankan itu ada jalan keluar bagi mereka ini menyelamatkan diri dalam masalah kewangan sebagaimana yang saya cadangkan itu. Dan diminta, mudah-mudahan dengan itu akan mendapat perhatian daripada Pusat Islam memikirkan perkara ini kerana ini satu badan yang kita agak melaksanakan cadangan secara kebangsaan, menyeluruh seluruh negara, yang dibincangkan oleh Yang Dipertua-Yang Dipertua Jabatan Agama ataupun Pengarah-pengarah Jabatan Agama ataupun yang dibincangkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan dan sebagainya.

Tuan Yang dv-Pertua, selain daripada itu, saya ingin menyentuh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan ini baru ditubuhkan tetapi nampaknya keghairahan dan perjalanannya agak baik, cuma saya hendak sentuh sedikit tentang kebudayaan dan pelancongan itu supaya dapat dalam usaha-usaha penerapan nilai-nilai Islam dalam semua jabatan dan kementerian, Kementrian Kebudayaan dan Pelancongan ini janganlah tertinggal, jangan sampai kita memikirkan kebudayaan - jangan kita kerana terlalu ghairah menerima pelancong dari luar negeri, sehingga kita boleh mengeneipkan nilai-nilai Islam yang kita tak sedar cara-cara itu boleh meracun segala rancangan-rancangan yang kita buat melalui Kementerian-kementerian yang lain di dalam masalah penerapan nilai-nilai Islam itu.

Apa yang saya hendak tekankan di sini kerana kita nampak kita masih longgar di dalam masalah pelancong-pelancong luar negeri yang datang ke negeri ini, tidak ada apa-apa syarat yang kita bagi. Maknanya dia bebas berlagak dalam negeri ini dengan ikut cara-cara

dia, walaupun cara-cara itu tidak sesuai dengan tatasusila bangsa dan tanahair kita **ini**, Jadi, dengan sebab itu ini amatlah patut diambil perhatian sebagaimana yang berlaku baru-baru ini pelancong yang datang di Pulau Pinang yang menunjukkan cara-cara yang amat menyedihkan kita, seolah-olah negeri kita ini tak ada budaya yang boleh menyekat pelancong-pelancong itu menunjukkan keadaan dirinya dengan mendedahkan lebih daripada yang patut. Jadi, dengan sebab itu dapat ditiru oleh pihak-pihak kita.

Dan kita pun memandang bahawa beberapa banyak anak-anak kita yang tidak begitu faham tentang agama, tidak menyoalkan tentang keadaan dan akibatnya mereka telahpun meniru dan ada di antaranya sampai hari ini pun kita kedapatan mana satu yang Islam mana satu yang tidak Islam. Banyak anak-anak kita berminat mengikut kebudayaan, berminat mengikut keadaan perubahan yang datang dengan tidak memperhitungkan keruntuhan akhlak yang berlaku. Inilah yang menyebabkan banyak perzinaan yang berlaku.

Kalau saya tidak silap dalam suratkhbar semalam 23% 6 tahun yang lalu sudah meningkat kepada 53%. Peningkatan perzinaan berlaku. Jadi kalau macam itu keadaan dia, peningkatan itu terlalu tinggi banyak persoalan yang kita perlu fikirkau apa sebab perkara curang ini bertambah dari satu masa ke satu masa. Begitu menjerit Kerajaan, begitu menjerit Jabatan-jabatan Agama, begitu banyak badan-badan dakwah lahir lagi banyak kecurangan ini berlaku, lagi banyak perzinaan berlaku. Dan kita kedapatan di daerah-daerah kita, di kampung-kampung kita, di kariah-kariah kita banyak anak lahir yang belum sampai patut lahir. Sudah banyak anak lahir selepas 5 bulan kahwin.

Kalau mengikut Hukum Syarak, kurang daripada 6 bulan anak itu lahir sudah tentu anak itu sudah berada sebelum dia berakad nikah. Ini tidakkah satu kemalangan yang menimpa. Ini adalah hasil daripada keadaan pergaulan bebas, yang begitu tidak memikirkan dia punya akibat-akibat yang sudah jadi tiga suku gila dalam majlis-majlis kebudayaan.

Dengan sebab itu, kita menyeru supaya dapat diperseimbangkan kebudayaan-kebudayaan ini jangan sampai anak-anak muda kita menjadi gila, sampai kita tidak dapat mengenal siapakah mereka, Islamkah mereka atau tidak, berkeperibadian merekakah tidak ada, ada maruahkah

atau tidak. Ini yang menjadi permasalahan kepada kita. Kita berani mendedahkan ini kerana kita sayangkan bangsa kita dan kita cintakan agama kita supaya apa yang dibuat oleh Kerajaan mentahmirkan masjid, pihak Pusat Islam, pihak Kerajaan telah mengeluarkan wang beratus ribu ringgit untuk mentahmirkan masjid, hasil yang kita dapat daripada tahmir ini tidak begitu baik. Tidak begitu banyak sebab yang datang itu hanya orang-orang yang telah memikirkan tidak ada lagi kepentingan hidup mereka. Orang yang ada kepentingan hidup tidak mahu datang.

Jadi mentahmirkan masjid ini dasarnya baik, perlaksanaannya baik, tetapi sambutannya kurang baik. Jadi dengan sebab itu saya ingin menekankan dalam masalah kebudayaan dan pelancongan ini, dalam B.21 supaya dapat sama-sama kita berkeinginan melihat satu keadaan yang boleh menolong kita dari segi menyelamatkan maruah bangsa dan agama.

Kemudian saya ingin menyentuh dalam masalah Kementerian Pertanian B.19.

Banyak sudah kita menekankan tentang bagaimana hendak meningkatkan taraf hidup rakyat luar bandar dan hendak menyelamatkan bumi-bumi subur yang sepatutnya boleh mengeluarkan hasil, tetapi bumi-bumi ini terbiar tidak ada orang yang mengusahakannya maka hasilnya tidak keluar daripada bumi-bumi yang terbiar **ini**. Jadi pihak Kementerian nampak berbuat beberapa usaha supaya tanah-tanah terbiar ini dapat diselamatkan dan dapat dikerjakan dan boleh menarik pemuda-pemuda ataupun pemudi-pemudi kita yang masih gagah dapat mengusahakan tanah-tanah terbiar ini.

Tetapi kita jangan lupa kalau mahu kita membuat kajian hasil daripada usaha-usaha yang dibuat, yang diagihkan kepada penduduk-penduduk luar bandar **ini**, jangan kita fikir semua penduduk-penduduk luar bandar ini orang yang tidak mahu berusaha, atau dengan perkataan lain "pemalas"

Dari tinjauan yang saya buat tiga perusahaan yang telahpun dilaungkan oleh Kementerian Pertanian yang dapat sambutan daripada rakyat luar bandar tetapi akhirnya perusahaan-perusahaan itu patah di tengah jalan. Di mana puncanya kita pun tidak tahu.

Saya ingat satu ketika di mana penanaman tembakau yang dijert-jeritkan bahawa ini dapat pasaran yang baik dan boleh menolong penduduk luar bandar memperbaiki taraf hidup mereka. Saya masih ingat tanam tembakau ini dibuat secara besar-besaran dan rumah-rumah pengering tembakau ini pun dibuat dengan belanja yang begitu banyak, tetapi dalam masa yang tidak lama tembakau-tembakau ini tidak dapat dipasarkan. Akhirnya, penanam-penanam tembakau pun hilang, tinggal-lah rumah pengering tembakau yang ribuan belanjanya tinggal begitu sahaja dan runtuh sendiri. Itu satu.

Kemudian datang pula satu lagi penanaman tebu. Penanaman tebu ini dibuat secara besar-besaran. Disambutlah oleh orang-orang yang duduk di luar bandar.

Di dalam satu kawasan tempat saya tinggal lebih 12 ekar tebu tinggal tumbuh tidak dapat hendak dipasarkan. Hari ini suruh cakap tambah lagi 10 ekar untuk ditanam tebu tidak ada siapa yang hendak tanam, Dia kata macam mana hendak tanam tebu yang ada pun tidak dapat hendak dipasarkan. Di mana hendak dipasarkan. Ada orang menyalahkan FAMA kerana FAMA tidak begitu giat, tidak begitu bersungguh-sungguh untuk memasarkati tebu-tebu yang begitu baik kerana tebu-tebu ini baru-baru ini saya sama-sama dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar saya, pergi tengok tempat itu dan kita rasmikan kolak ikan dan tengok tebu-tebu di kelilingnya itu berpuluh-puluh ekar tidak ada petnasaran, Sampai hari ini hujan sudah datang lagi cepat tebu itu musnah dan tumbuh lebih banyak tetapi tidak ada pasaran.

Habis, satu lagi kegagalan.

Yang ketiganya sekarang ini kita laung tanam koko. Orang luar bandar pun sambut tanam koko. Keliling-keliling rumah pun tanam koko. Di mana tanah kosong pun di tanam koko walaupun masih banyak lagi tanah-tanah terbiar yang kita tidak usahakan tetapi sebahagian tanah terbiar itu diusahakan. Saya takut satu ketika koko ini apabila mengeluarkan hasil, dia kata pasaran koko tidak ada lagi. Harganya jatuh, sudah turun. Satu lagi kemalangan yang akan diterima.

Jadi dengan sebab itu, saya rasa di mana silapnya tentang Kementerian ini di manakah malangnya sehingga berlaku keadaan-keadaan yang seumpama ini. Jadi hendak diusahakan tanah-tanah terbiar ini dengan sayur-sayuran begitu juga; ini yang saya cakap ada bukti. Tanam kobis cantik-cantik, besar-besar, berbakul-bakul tidak laku. Tinggal begitu. Tanam sayur-sayuran begitu juga. Lepas itu datang pula pemasaran sekarang. Kita tubuh pasar tani. Saya lupa bilangan pasar tani di seluruh negara kita. Pasar tani cukup baik, dapat sambutan, tetapi malangnya pasar tani itu tidak sesuai hendak panggil pasar tani kerana benda yang ada itu bukan hasil usaha yang datang daripada orang luar bandar dikumpulkan di situ untuk dipasarkan. Ini satu malang. Dia datang daripada sayur-sayur yang lain. Sayur-sayur yang sepatutnya tidak datang ke pasar tani itu sayur-sayur itu yang datang. Ikan yang tidak patut datang ke pasar tani itu ikan yang datang. Jadi, malanglah kita namakan dia pasar tani tetapi hasilnya bukan pasar tani. Dan satu lagi saya tengok masalah pasar tani ialah sikap pegawai-pegawai kita yang diberi tanggungjawab. Ini saya tengok sendiri dengan mata kepala saya sendiri.

Saya bukan menyamar, tetapi sahaja dia tidak kenal, itu sahaja. Masa buah-buahan kita sedang menjadi, banyaklah budak-budak datang keluar hendak sama-sama untuk berniaga di pasar tani. Apa yang dibuat oleh pegawai berkenaan, budak ini disingkirkan dan dihardik. Dia kata, awak tidak mendaftar, buat apa jual di sini. Awak sekarang boleh jalan keluar. Saya kata tidak patutlah macam ini. Ini budak-budak lepasan sekolah. Dia jumpa mata kucing, dia jumpa buah langsung, dia bawa dua tiga bakul, dia duduk di tepi jual bersama-sama, apa salah. Nasihatkan dia suruh dia daftar, bayar. Jangan kita berkasar dengan dia.

Saya kata kepada budak itu, engkau jangan lari, engkau tunggu. Jual sampai habis, lepas itu baru pergi. Ini saya rasa sikap-sikap yang macam ini susah kita hendak cakap. Ini baru satu dua tiga tempat yang kita jumpa. Jadi, kelemahan itu masih tersua, masih kedapatan. Jadi, kita hendak melahirkan orang-orang yang benar-benar mencintai dan berkeinginan menengok orang-orang kampung ini keluar, bawa barang-barang tanaman dia supaya dapat dipasarkan di tempat-tempat yang kita sebutkan ini sepatutnya disambut dengan baik. Ini patut diambil perhatian,

Selain daripada itu, saya ada nampak masalah kelemahan orang-orang luar bawar ini dalam segi pertanian, ada daerah-daerah, ada kawasan-kawasan, ada kampung-kampung yang susah sangat untuk hendak dibuat pertanian ini oleh kerana binatang-binatang berkeliaran. Lembu banyak, kerbau banyak, kambing banyak, tidak ada kawalan. Setelah kita siasat dan kita teliti, orang kampung ini dia malas tanamkah, dia malas usahakah ataupun sebab macam mana. Lepas itu Kerajaan kata, Kementerian yang berkenaan kata, kita beri subsidi, beri kawat, beri kayu buat pagar, kita tukang bekerja sahaja. Kayu

dan kawat ini kita beri sahaja dengan percuma. Sekarang masih berjalan ada tempat yang mendapat tempat yang macam itu. Tetapi manakala tanaman-tanaman ini naik, pagar ini tidak kuat, datang binatang-binatang yang berkeliaran ini dirempuh habis, patah selera, patah semangat. Keluarlah dalam TV mengatakan ini kawasan tanaman koko terbiar, dahulu handal, sekarang sudah naik hutan, sudah naik ruraput, sudah naik lalang kerana orang yang mengusaha itu patah hati, sebab binatang berkeliaran ini tidak terkawal.

Dari segi Islam, binatang-binatang yang seumpama ini orang yang mempunyai ternakan ini tidak patut bertindak melepaskan binatang-binatang mereka.

Saya ada satu contoh, bakal "Biadi" yang kita tahu, dia adalah orang yang dapat kehormatan negara - petani berjaya yang duduk di bahagian Labu, Seremban.

Saya bertanya dia macam mana dia berjaya sehingga dia boleh bertani macam ini? Bila dia masuk dalam satu kampung **itu**, kampung yang dia duduk sekarang, mula-mula sekali dia bawa orang kampung mesyuarat. Dia kata macam mana tuan-tuan cucuk tanam sedangkan lembu, kerbau, kambing berkeliaran. Sekarang kita ambil keputusan, orang-orang kampung ambil keputusan, kambing-kambing masing-masing hendaklah ditambat dan kita sekarang hendak bercucuk tanam, tidak hendak berpagar, kalau dimakan tanaman-tanaman kita, kita akan tangkap dan kita bicara ke mahkamah kampung kita. Ada mahkamah kampung, ditangkap lepas itu, dia tanya orang kampung, dia kata awak yang punya lembu masuk dalam kebun orang, sekarang salah atau tidak salah? Dia kata salah. Lembu ini hendak buat apa? Dia kata hendak jual. Duit buat apa? Hendak makan. Apa jadi, kalau awak makan benda macam ini? Darah daging awak yang jadi dari bahan-bahan macam ini apa jadi? Lembu ini awak tunjuk sahaja awak punya.

Yang kedua, awak hendak buat apa? Dia kata hendak buat aqiqah, dia kata hendak buat korban, hendak buat sedekah, beri siapa makan? Beri orang makan, Apa benda awak beri makan benda-benda yang macam **ini**. Jadi, sekarang hakim mahkamah kampung ini kata lembu awak ini jual, kemudian jangan jual dalam kampung **ini**, jual pada orang luar, duit yang awak dapat itu bayar pampasan kepada pertanian yang sudah dimakan oleh lembu peliharaan awak ini. Dua tahun berjuang macam itu akhirnya selamat.

Dalam kampung **itu**, siapa hendak ternak lembu, siapa hendak ternak kambing, kandang dia baik-baik, jaga dia baik-baik, jadi orang-orang kampung itu di mana kawasan boleh cucuk tanam. Jadi, ada kawasan pertanian pendalaman yang bebentuk macam ini yang tidak dapat diusahakan kerana keganasan keliaran binatang-binatang ini.

Saya mencadangkan kalau boleh pihak Kementerian buat peraturan supaya menyelamatkan orang Islam ini jangan makan bahan-bahan yang haram hasil lembu, hasil kambing, hasil kerbau yang berkeliaran makan pertanian orang lepas itu dia sembeleh, beri anaknya makan, dibelanjakan duit itu untuk anak-anak dia, tetapi dia lupa akibatnya.

Sebagaimana Rasulullah s.a.w. pernah bersabda: "tiap-tiap daging yang tumbuh dalam diri seseorang datang daripada bahan yang haram tnaka nerakalah lebih baik, lebih aula untuknya. Itu baru sekeping daging sahaja. Kalau sebuah badan sudah haratn patutlah sebuah badan masuk dalam neraka. Jadi, kempen ini kita bawa bagi menerapkan **nilai-nilai** Islam dalam Kementerian Pertanian **ini**.

Saya minta kalau kita hendak buat sungguh-sungguh supaya pertanian di kampung, di luar bandar, dalam kawasaa-kawasan tertentu ini patut binatang-binatang yang berkeliaran yang menyusahkan penduduk-penduduk kampung ini kita buat syarat-syarat dia, buat undang-undang dia supaya dapat diselamatkan petani-petani ini.

Saya tengok kalau di sebelah Selangor, banyaklah kawasan-kawasan pertanian yang kita tengok begitu baik, umpamanya macam Batu Karang, macam di sebelah Utara dan sebelah Selatan, saya tengok di pinggir-pinggir jalan orang boleh bercucuk tanam, tidak ada tanah yang terluang. Tetapi di sebelah lain, kita tengok binatang yang **berkeliaran** ini, khususnya di Negeri Sembilan banyak binatang berkeliaran.

Kalau orang luar hendak tengok, musim orang kahwin **ini**, masuk dalam kampung, dia tengok orang kampung bela lembu macam inikah. Fasal tidak ada kawalan, tidak boleh buat apa. Jadi, dengan sebab itu, Kementerian Pertanian patutlah memikirkan satu peraturan kalau kita hendak hidupkan bumi terbiar **ini**. Kalau kita boleh kumpulkan tayar, campak dalam laut untuk membanyakkan ikan membiak, apa salahnya yang ini kita buat sama.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Selain daripada itu, saya hendak menyentuh tentang Kementerian Pendidikan B.26.

Keraenterian Pendidikan ini saya ucapkan syabas bahawa usaha-usaha yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan kita nampak bertambah baik dari masa ke setnasa. Bermacam-macam sistem yang dibuat dan kita masih hendak juga supaya dalam perubahan-perubahan dalam sistem-sistem yang **ada**, saya hendak menekankan juga menyokong kawan saya yang saya bercakap dahulu daripada ini iaitu mengenai tulisan Jawi. Tulisan Jawi sudah sampai ke peringkat kebimbangan.

Dahulu pun saya bercakap, sehingga suatkhabar besarkan tentang tulisan Jawi ini supaya tulisan Jawi ini dapat diusaha secara sungguh-sungguh dan dapat dibuat dan diamalkan, terutama sekali murid-murid yang masih sekolah rendah ini hendaklah dipastikan mereka ini boleh membaca dan menulis.

Tetapi yang saya tengok pembacaan ini boleh tahan, cuma dari segi penulisan kurang kerana membaca ini agak saya ada latihan di sekolah tetapi menulis ini kurang latihan dan kurang minat budak-budak hendak menulis Jawi sebab yang kita bimbang tulisan Jawi ini ada melibatkan dengan keagamaan. Orang Melayu yang tidak tahu tulisan Jawi, dia akan lemah untuk membaca Quran dan membaca Hadis, saya tidak cakap bahasa kitab, dua itulah sahaja iaitu baca Quran yang berbaris, baca Hadis yang berbaris, dia lemah, sebab dia tidak ada kemahiran di dalatn penulisan ini. Iui perlu.

Semasa kita ada kekuatan ini harus kita kembalikan, sudah tidak ada kekuatan kita besok, tidak dapat lagi kita headak cium benda-benda yang macam ini. Jadi tulisan Jawi ini patut digalakkan dan didedahkan lebih banyak di Jabatan-jabatan dan dipergunakan sepatutnya oleh Jabatan-jabatan yang sepatutnya banyak menggunakan tulisan Jawi, terutamanya macam Pusat Islam, Tabung Haji, Jabatan-jabatan Agama, penulisan Jawi ini hendaklah didedahkan lebih banyak supaya kedaulatan itu dapat kelihatan dan penarikan daripada orang yang tidak berminat ini akan dapat meminati tulisan Jawi.

Kadang-kadang kita tengok ayat-ayat yang ditulis di bawah itu diterjemahkan dengan tulisan Rumi. Jadi kalaulah. buku-buku yang kita keluarkan banyak diterjemahkati dengan tulisan Rumi, hilanglah maruah tulisan Jawi itu. Apa salahnya kalau pihak yang menulis meletakkan di bawah terjemahan itu dengan Jawi. Kalau tidak tahu, kita belajarliah, bukan lama sangat hendak belajar, tetapi ada minat. Jadi saya haraplah Kementerian yang berkenaan ini sungguh-sungguh melatih anak-anak kita dalam penulisan ini.

Begitu juga saya bangga dengan usaha-usaha mendaulatkan Bahasa Kebangsaan. Kalau saya tidak silap dalam bulan ini akan dirasmikan, Bulan Bahasa hendak dibuat balik macam dulu. Jadi kedaulatan Bahasa Kebangsaan ini tidak perlu lagi hendak kita pertikaikan sebab Bahasa Kebangsaan adalah bahasa rasmi negeri kita. Tetapi saya narapak kerana kita ini suka kepada benda yang bukan kita punya. Ini sudah lazim, tabiat manusia. Kadang-kadang budak sekolah pun sekarang ini sudah kena penyakit macam ini. Contohnya kalau budak duduk di asrama, saya tengok anak saya, 3 orang duduk di asrama, tiap-tiap kali balik dia bawa orang punya. Kalau beg, bawa beg orang punya; kalau pakai kasut, kasut orang punya; kalau pakai mini telekung, mini telekung orang punya. Pernah pakai baju pun, baju orang punya. Kita tanya: "Apa fasal jadi macam ini:", dia kata: "Hobi". Yang menyedihkan hati bila kita tengok dia pakai beg orang, tengok beg itu lain daripada beg dia, kita belikan satu beg yang sama. Balik besok beg yang itu pun tidak diguna, beg yang lain juga yang digunakan. Mereka katakan apa, "Ini hobi". Jadi berkenan kepada hak orang itu lebih suka.

Ini sudah berjangkit sampai kepada kefahaman kita tetapi kita tidak sedar. Ada orang itu isterinya ada, tetapi dia suka kepada isteri orang, dia ada suami tetapi dia mirip sangat suami orang. Ini sudah sampai kepada kefahaman yang macam ini fasal sudah jadi hobi. Itu yang berlaku, yang keluar dalam suratkhobar, satu orang isteri dikorbankan oleh satu orang suami, semua orang punya, keluar dalam suratkhobar, tidak payah sebutlah. Jadi berlaku, sebab apa? Suka kepada benda lain.

Begitu juga Bahasa Kebangsaan, ini menjadi contohnya. Kalau kita tidak cakap Melayu, buat pula cakap kampung, itu lagi orang tahu, lagi orang tidak syok. Yang dia syok itu ada siang-siang cakap bandar, lepas itu selit-selitkan dua tiga patah cakap orang lain, barulah ada standard, barulah orang itu 'educated', barulah orang itu terpelajar. Oh, dia ini tinggi ilmunya. Ini memang sudah menjadi pengaruh macam **itu**. Jadi dengan sebab itu dalam penekanan Bahasa Kebangsaan ini tidak ada tolak-ansur, sepatutnya tidak perlu kita cakap untuk hendak memahamkan orang lain dengan cakap orang lain, tidak perlu kita cakap - kenapa kita cakap?

Umpamanya, saya bercakap dengan si A, cakap saya ini dia boleh faham, kenapa pula saya perlu selit-selit "**So**, "I think," selepas itu balik pula cakap kita, act punya fasal! Ini fasal nilai Bahasa Kebangsaan kita itu tidak halus. Kalau kita pergi kepada cakap orang kita lawa, dia ada dua cakap, satu cakap kasar dan satu cakap halus. Kalau anak-anak dia itu tanya: "**Kau** ini bahasa Jawa apa yang kau guna?" "Ini bahasa kasar", tetapi ibu bapanya cakap bahasa halus, sebab itu yang standard betul-betul. Kita macam itu juga, kalau kita cakap Bahasa Kebangsaan, tanya: "Inikah Bahasa Kebangsaan yang standard?" "Ini tidak standard", yang standard ada bahasa kesusasteraan, yang menawan hati, macam mana profesor-profesor kita bercakap. Masalah Bahasa Kebangsaan, kalau berkehendakkan Bahasa Kebangsaan ini sebagai bahasa ilmu,, itu yang baik, apa salah kita bergaya macam itu? Ini tidak, tidak hendak, act pula.

Jadi dengan sebab itu kita minta dalam apa bentuk majlis, yang bercakap itu orang kita, daripada bawah sampai atas, saya tidak cakap sesiapa, sepatutnya cakap itu perlu disampaikan dengan Bahasa Kebangsaan, hendaklah disampaikan dalam Bahasa Kebangsaan, jangan

peduli orang lain tidak faham, kalau dia tidak faham, dia kena cari macam mana dia hendak faham.

Kalau bangsa asing yang datang yang tidak boleh faham cakap kita, kita ada penterjemah, apa salah pakal untuk penterjemahan, kenapa kita act pula dengau cakap orang putih, bahasa Inggeris? Bukan kita anti, kita tahu bahasa itu bahasa kedua yang kita buat dalam negara kita tetapi Bahasa Malaysia ini tidak dapat tempat, sudah berapa tahun. Kadang-kadang kita hendak berbicara dengan orang-orang yang lebih tinggi taraf kita pun segan. Kadang-kadang dalam mesyuarat, misal kata Kemajuan Negeri, pengerusinya itu slang orang putih sahaja. Ada satu Wakil Rakyat, dia bangun: "Tuan, saya minta maaf", "Apa?" "Saya hendak keluar", "Apa fasal hendak keluar?" "Saya tidak faham cakap tuan. Tuan cakap orang putih, jadi yang datang ini semua orang putih, saya sahaja orang Melayu, biar saya keluar". Terkejut **dia**. Yang Berhormat ini saya tidak cakap sesiapa. Inilah keadaannya yang berlaku, punya **act**, punya cara. Jadi macam mana hendak **jerit** "Bahasa Kebangsaan, Bahasa Kebangsaan, Bahasa Kebangsaan". Apa benda hendak buat? Jadi kita letih buat dasar, tetapi pelaksanaannya kita tidak dapat nikmat, tidak dapat kita lakunkan.

Jadi, Bahasa Kebangsaan kita ini kita hendak daulatkan supaya dia dapat melahirkan satu bahasa yang boleh dinikmati, bukan sekadar penggunaan biasa, dapat kita menikmati kelazatan bahasa itu, biar menjalar bahasa itu dalam **diri** kita sehingga kita boleh bentuk keperibadian kita melalui Bahasa Kebangsaan. Itu yang kita hendak. Dan kalau kita keluar di kawasan-kawasau bandar kita nampak tidak ada penulisan lain - semua Bahasa Kebangsaan. Kalau tidak, **ber-**campur-aduk dia kadang-kadang Bahasa Kebangsaan duduk di bawah, bahasa lain, tulisan lain itu duduk di sebelah atas.

Cuba lihat dari segi pengiklanan atau tulisan-tulisan yang dilakukan di bangunan perniagaan dan sebagainya. Yang hendakkan Bahasa Kebangsaan ini orang bodoh, yang tidak mengerti bahasa Inggeris, itulah yang terjerit-jerit. Orang yang sudah bersemangat dengan bahasa **itu**, dia rasa itu yang paling mulia, dia tidak mahu Bahasa Kebangsaan. Ini yang kita patah selera. Serupa macam kita raencerit masalah dadah, macam **itu**. Anak kita yang tidak terlibat dengan dadah yang **beria-ia**. Orang-orang yang sudah terlibat dengan dadah, dia tidak kesah, tidak peduli. Kita beria hendak mencegah orang ini sedangkan orang itu tidak berminat. Belanja beratus-ratus ribu, hasilnya tidak ada. Fasal apa jadi demikian? Kerana kesungguhan secara betul-betul tidak lahir.

Rasulullah suruh ikut dia, jejak langkah dia, perjuangan dia, perjalanannya **dia**, percakapan **dia**, "kalau engkau hendakkan betul-betul, ikut **aku**". Kalau kita sebut dari segi keislaman pun begitu juga. Kita hari ini hendak membayangkan Islam itu 80% mungkin tidak boleh masuk, 20% yang boleh masuk, kerana yang 80% itu tidak berapa faham. Cuma yang dia tahu, dia sembahyang, dia puasa, itu sahaja-lah. Itu pun dia pakai tiru, dia lihat dia buat. Tetapi kalau dipelajari, didalamkan ilmu pengetahuannya, dia tahu yang dia tidak tahu, baharu datang minat, Begitulah dengan Bahasa Kebangsaan. Kalau tulisannya tidak baik, pembacaannya tidak baik, lidahnya kelok-kelok, macam mana dia hendak bercakap Bahasa Kebangsaan dengan penuh minat? Sebab tidak ada pelaksanaan yang sungguh-sungguh. Manusia ini Tuhan jadikan,, kalau dia hendak berjalan, hendak berlagu dia mesti ada satu hukura baru dia boleh berjalan. Kalau tiada hukum dia akan menggunakan semangat kehendak hati dia sahaja.

Saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri Pendidikan ini dengan cara kesungguhannya. Kita berdoa mudah-mudahan kali kedua ini kita hendak menghidupkan balik semangat ini akan berjalan daripada bawah sampai ke atas. Jangan jalan bawah sahaja, atas tidak berjalan. Thailand satu contoh yang patut kita contohi. Pemimpin-pemimpin Thailand tidak bercakap bahasa lain melainkan bahasa Thai, "Engkau faham atau tidak faham engkau punya fasal". Kenapa ini tidak dilakukan dalam negeri kita? Siapa yang kita hendak agihkan Bahasa Kebangsaan ini supaya dia menggunakan? Macam saya bolehlah menggunakan 100% kerana saya tidak pandai bahasa lain. Hendak guna bahasa Tionghua tidak mengerti, cakap Tamil pun tidak mengerti, cakap orang Putih pun tidak mengerti, cakap Arab pun tidak mengerti. Bolehlah saya gunakan Bahasa Kebangsaan itu secara menyeluruh, jumpa orang India cakap Melayu, jumpa orang Cina cakap Melayu, jumpa orang Iban cakap Melayu, jumpa orang Bajau cakap Melayu. Tetapi orang yang ada style, jumpa orang-orang ini cakap orang Putih, Bila hendak menghayati Bahasa Kebangsaan? Mana dia Bahasa Kebangsaan itu? Kita ini tidak standard, bukan orang berpendidikan tinggi. Ini kena fikir bersama-sama, kena lahirkan sama-sama, kalau tidak kita akan gagal.

Saya nampak seminar-seminar kadang-kadang tidak sepatutnya perasmianya itu bercakap bahasa Inggeris, tetapi bahasa Inggeris juga. Kita lihat orang Melayu lebih ramai, orang yang faham Bahasa Kebangsaan lebih ramai, yang lain itu pakailah Penterjemah, apa salahnya, kalau ini kita hendak. Kalau tidak, habis belanja, habis tenaga, pegawai-pegawai kita terlibat penat, tetapi hasilnya tidak ada. Saya minta sangatlah dalam perkara ini.

Kemudian dalam Kementerian Pendidikan ini juga, saya ingin menarik pandangan iaitu berhubung dengan biasiswa. Biasiswa ini patut juga difikirkan balik kerana biasiswa yang diberi kepada penuntut-penuntut kita ini nampaknya kita selalu membuat syarat, bergantung kepada pendapatan ibu bapa.

Contoh yang saya hendak berikan ini, satu orang penjaga pendataannya \$450 mempunyai 2 orang anak, satu orang berpendapatan lebih \$500, lebih \$1,000 tetapi mempunyai 8 orang anak. Kesemua anak itu duduk di sekolah menengah. Lapan-lapan itu masuk sekolah menengah dan universiti. Kalau universiti, tidak payah sebutlah, sekolah menengah sahaja. Manakala tentag pengagihan biasiswa kecilkah ataupun biasiswa dalam Tingkatan VI kita selalu dinilai mengeneipkan ibu bapa yang berpendapatan lebih daripada \$500 atau lebih daripada \$1,000 sedangkan di situ disenaraikan nama anak-anak, tanggungan-tanggungan mereka. Ibu bapa yang berpendapatan \$500 ke bawah, mempunyai 2 orang anak dapat biasiswa. Penjaga yang mendapat \$1,000 mempunyai 8 orang anak, 6 sekolah menengah, 3 asrama tidak mendapat aatu pun biasiswa. Saya rasa ini tidak adil. Ini banyak yang menjerit. Kena kaji balik, kena buat dia punya kuota. Apa kuota yang harus kita buat. Kalau dikatakan kuota ini betul, saya kata tidak betul.

Dari segi penilaian \$500 ke bawah 2 orang anak yang hendak dibiayai, orang ini lebih senang daripada orang yang berpendapatan \$1,000 sedangkan dia mempunyai 8 anak, kesemua anaknya itu duduk di sekolah menengah. Ini biasiswa kecilah yang patut dapat. Yang menjadikan kita susah adalah orang-orang yang bentuk macam kita ini, dia datang mengadu, menyuruh kita jumpa Pengarah Pendidikan. Kita kata, "macam mana hendak tolong? "Tidak dapat tolong", dia kata, "tidak patut". Ini kena kaji.

Yang susah orang politik, semua datang minta tolong. Apa yang hendak kita tolongkan. Kita bukan ada kuasa apa-apa, hanya gigi dengan lidah sahaja, itupun kalau orang mahu dengar. Tetapi kita simpati dengan kesusahan **dia**. Cuba lihat Yang Berhormat, saya berapa susah, yang ini \$100, yang ini \$100, kalau ada bantuan itu - 2 di Tingkatan VI - satu Tingkatan VI Atas; satu Tingkatan VI Rendah, tiada pertolongan apa-apa. Kita hendak kata macam mana? Ini ketia kaji baliklah. Walaupun perkara ini kita pandang kecil tetapi dari segi masyarakat yang duduk di kawasan luar bandar, perkara ini adalah besar, kerana anak kita dapat \$10 biasiswa kecil itu, setahun dia dapat \$120 itu satu kegembiraan kepada dia, satu kejayaan kepada dia, satu kebanggaan kepada dia dan satu kesungguhan untuk dia belajar. Kalau anak orang kaya tidak apalah. Kalau anak orang miskin, dia dapat \$1, \$2, ini amat berfaedah kepada dia dan amat membanggakan **dia**. Saya mintalah supaya ini dapat dikaji dan dilihat balik semula.

Selain daripada itu saya hendak menyentuh tentang peruntukan Keraenterian Kewangan. Saya ingin mencadangkan sahajalah iaitu baru-baru ini saya dengar tetapi tidak dipastikan, bahawa Jabatan Hasil Dalam Negeri akan mengeluarkan zakat bagi orang-orang Islam, akan dihantar ke Baitulmal tiap-tiap negeri. Kalau ini betul-betul berlaku, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan. Kalau Jabatan Hasil Dalam Negeri boleh mengeluarkan zakat orang Islam kepada Jabatan-jabatan Agama Negeri yang berkenaan, saya ucapkan tahniah.

Saya ingin mencadangkan supaya tiga badan yang terlibat dengan orang-orang Islam ini iaitu ASN, KWSP, apa salahnya kita laksanakan seberapa cepat supaya wang-wang simpanan yang boleh dijadikan zakat ini bagi orang-orang Islam kita serahkan kepada negeri-negeri yang berkenaan, sebagaimana yang diamalkan oleh Tabung Haji. Sekarang ini Tabung Haji telah berjaya dalam melaksanakan wang orang-orang Islam ini di zakat pun. Jadi kita yang melabur atau menyimpan tiada perasaan kkuatir bahawa duit kita telah dibersihkan oleh badan-badan yang kita amanahkan menyimpan wang kita.

Jadi, saya minta tolong sangatlah, kalau penerapan nilai-nilai Islam ini hendak berlaku, kita ansur perkara-perkara **ini**. Kalau kita tak ansur, kita tinggalkan begitu sahaja, rasa saya tidak ada peningkatan dalam usaha-usaha penerapan ini.

Selain daripada itu, saya hendak menyentuh di dalam Kementerian Dalam Negeri. Satu daripadanya tadi saya sampirkan sedikit tentang najis dadah di mana Yang Berhormat di sebelah saya **ini**, Yang Berhormat Puan Ainon baru balik daripada luar negeri iaitu Hong Kong dan Filipina bagi menghadiri persidangan dadah yang mewakili PEMADAM. Kita ada dua badan nampaknya yang besar. Satu, PEMADAM dan satu lagi Jawatankuasa Pemulihan Dadah yang berjalan dalam negeri. Nampaknya usul-usul ini kita buat dengan sungguh-sungguh, dengan berbagai-bagai cara kita buat, mungkin ada hasil tetapi hasilnya tidak begitu mengembirakan kita. Jadi, susah hendak cakap bagaimana hendak buat, hendak banteras dadah ini kerana di Pusat Serenti, Tampin ini saya difahamkan mengenai pembebasan yang kita buat dan ketnudian kejayaan ia masuk ke dalam masyarakat.

Kita selalu bercakap dalam Dewan ini masyarakat tidak mahu menerima orang yang sudah menagih dadah. Ini amat kita kesalkan. Sebenarnya masyarakat mahu menerima tetapi yang menjadi masalah sekarang budak-budak ini ataupun penagih-penagih ini dia sentiasa diracuni oleh kawan-kawan yang tidak masuk dalam pusat-pusat pemulihan ini. Mereka didatangi oleh kawan-kawan lama, akhirnya budak-budak ini menagih balik semula.

Saya diberi tahu - ini berita yang paling betul, bahawa mereka yang sudah jadi penagih ini kalau sudah sampai peringkat merbahaya, walaupun kita pulihkan dia dan kita masukkan dia dalam pusat

pemulihan selama dua tahun di mana kita tahu belanjanya dahulu pun kita sudah cakap, satu orang untuk satu hari belanjanya \$10. Dia duduk dua tahun dalam pusat pemulihan ini. Kalau setahun \$3,600 atau \$3,650, kemudian didarab dua, sudah \$7,000 lebih dia sudah menikmati wang rakyat, tetapi harapan untuk memulihkan amat tipis, sebab budak-budak ini balik menagih.

Saya terlibat dalam Jawatankuasa Pemulihan ini, saya tahu. Kita buat projek, kita keluarkan wang, kita carikan wang, jamu mereka makan malam, cari wang untuk menoloug budak-budak ini, tetapi akhirnya projek-projek yang kita agihkau itu semua lingkup. Jadi, apakah kepentingan dan keperluan yang perlu difikirkan oleh Kementerian Dalam Negeri hetidaklah dibuat kajian balik macam mana caranya. Kerana saya berpendapat kalaulah mereka ini hendak diletakkan macam kita tangkap satu jenayah, kemudian kita buat cara supaya mereka melahirkan siapakah pengedar-pengedar najis dadah ini sehingga mereka boleh masuk. Tentu ada orang keliling di situ, kalau tidak mana mereka ambil. Ini yang menjadi masalah.

Budak-budak ini kita tak dapat hendak buat apa-apa. Kita ambil mereka, kita pulihkan, kita beri kemanjaan, kemudian mereka keluar, kita bela, kita berikan wang, kita buatkau projek supaya ia boleh hidup masuk dalam masyarakat. Sebenarnya orang kampung terima, masyarakat terima orang-orang ini tetapi apa boleh buat, mereka sendiri yang sebenarnya tak boleh masuk dalam masyarakat.

Pernah penagih-penagih ini bercakap. Dia kata: walaupun saya telah dipulihkan selatna dua tahun tetapi manakala saya keluar, saya masih ingatkan dadah, saya tak ingat yang lain. Ini ukuran yang diberi dan ini cakap yang betul-betul. Dia kata: "saya sebagai seorang muda, tolong letakkan saya seorang wanita yang paling jelita

di sebelah saya, letakkan dadah satu di sebelah saya. Saya tidak akan pilih wanita, saya akan pilih dadah. Dadah ini kemuncak kelazatan dalam hidup".

Seperti yang saya katakan tadi, dia tak tahu maruah diri, dia tidak tahu diri dia siapa. Ini yang menjadi masalah. Jadi, apa usaha-usaha yang hendak dibuat. Kita buat ikhtiar macam-macam tetapi kekuasaan manusia ini tidak sampai ke mana-mana melainkan dengan keizinan Allah s.w.t.

Jadi, yang saya hendak cakapkan ini supaya pemusatan dadah ini, yang hendak dipulihkan ini masukkan sekurang-kurangnya setengah program itu terlibat dalam masalah agama. Ini yang saya natnpak. Selama dua tahun itu kita jadikan dia duduk di pondok. Sistem duduk pondoklah namanya. Selain daripada itu, berikan riadah, exercise, bentuk jiwa dan bentuk penghidupan dia maka agama ini penting.

Saya pernah masuk dalam Pusat Serenti. Saya kata: kenapa budak-budak ini sudah tua-tua, masuk pakai seluar pendek? Penguasa dalam pusat itu mengatakan Tak boleh bagi seluar panjang, Yang Berhormat. Apa fasal? "Kalau pakai seluar panjang, dia tambat seluar itu dua tiga helai, dia ikat dekat pagar itu jadi tangga untuk dia hendak melompat". Saya kata Sudah ada buktikah? "Tak ada, kita sahaja fikir". Ini pun salah pemikiran. Saya kata: Apa salahnya beri dia tutup aurat, beri dia kain, kain tak mahal pun tak mengapa, tetapi betul-betullah. Jadi, yang masuk itu ada yang guru agama. Ada budak-budak yang tahu agama tetapi apa boleh buat, malang sudah menimpa, dia terpaksa masuk dalam pusat itu kerana dia sudah menagih, Sebab apa dia menagih, kita pun tak tahu, walaupun dia ahli agama. Ini anak murid, saya sendiri terlibat. Walaupun dia sekolah agama dahulu, kita ajar dia baik, jadi polis - berhenti,

kerana dia menagih, masuk dalam pusat dan sekarang ini dalam pusat pemulihan. Kenapa dia jadi. demikian, kita pun tak tahu. Sudahlah dia dalam Pasukan Keselamatan, ada pendidikan agama, tetapi dia terlibat juga. Hendak katakan ibu-bapa tak jaga dia - dijaga. Ibu-bapa baik, orang ada ilmu. Jadi, maknanya siapa yang dihinggap oleh dadah ini adalah orang yang mendapat malapetaka daripada Allah s.w.t. Ini bukan kata jenayah, ini adalah satu kemalangan yang paling besar yang menimpa kepada keluarga penagih-penagih **ini**.

Dengan sebab itu saya nampak jalan yang boleh menyempurnakan budak ini masuk dalatn **ini**, kita terapkan sungguh-sungguh secara keagamaan. Kalau bukan Islam, itu secara dialah pula kita terapkan dan jangan kita biarkan dia terlampau banyak sangat mengambil aktiviti-aktiviti sehingga dia lupa dirinya tentang Islam, dia lupa tanggungjawab. Kalau dia kata tadi: sebelah letak dadah dan di sebelah letak perempuan, saya akan pilih dadah. Begitu merbahaya sekali. Dia kata ini kemuncak kelazatan dalam hidup. Ini yang kita takut. Kita banyak buang duit, rakyat banyak buang duit, orang kaya banyak menolong kita untuk memulihkan penagih-penagih ini tetapi hasilnya tidak begitu baik. Saya mencadangkan supaya Pusat-pusat Pemulihan Dadah ini kita kaji balik semula dan kita banyakkan tenaga-tenaga pengajar agama di dalam pusat-pusat ini.

Selain daripada itu, dahulu pun saya ada buat teguran di dalam segi pakaian wanita-wanita kita dalam Polis Di-Raja. Saya ingin menarik perhatian Kementerian Dalam Negeri sudah sampai masannya dalam usaha yang begini penat untuk menerapkan nilai-nilai Islam ini polis wanita kita ini tolonglah beri pakalan yang menutup aurat. Saya buat kiasan dahulu dan contoh yang sudah saya cadangkan, sekurang-kurangnya samalah, walaupun bentuk lain, warnanya macam

polis-polis wanita trafik kita. Apa salahnya trafik boleh kita beri pakaian yang begitu cantik, begitu kacak kita pandang, berilah polis-polis yang duduk di balai-balai itu pun pakaian yang seumpama itu juga'.

Dahulu kita jeritkau tentang pakaian-pakaian jururawat-jururawat kita. Sekarang ini kelonggaran itu sudah ada dan boleh buat pilihan. Mereka boleh pakai seluar dengan baik, tetapi ada lagi yang hendak pakai gaun, itu terpulang kepada mereka. Tetapi kita buat peraturan supaya selaras dan tidak ada pilihan. Kalau diberi pilihan dalam uniform ini, orang akan memilih benda yang dia syok. Pakai gaun ini cukup bahaya.

Baru-baru ini saya merasmikan satu sivik. Orang yang di depan saya itu pakai gaun. Kemudian ditindih paha dengan paha. Kami yang duduk di depan itu ketawa. Bukan ketawa apa-apa. Dia tak sedar yang gaun dia itu sudah tak betul letaknya. Ini bahaya. Tetapi kita pandang pakai gelak sahaja. Sebenarnya tak boleh gelak. Perkara yang semacam ini kita pandang, ambil perhatian dan bertindak supaya wanita-wanita ini diselamatkan. Itu sahaja. Kalau kita tak beri dia tugas-tugas yang seperti **ini**, perkara-perkara yang seperti, kalau dapatlah Kementerian Dalam Negeri tukarkan uniform **ini**, saya bersyukur dengan Allah s.w.t. satu kejayaan kepada kita. Berilah mereka pakaian yaag betul-betul sesuai. Ini pandangan saya, sebab mereka ini Pasukan Keselamatan, mestilah orang yang ini sentiasa dilindungi oleh Allah s.w.t.

Dia menjaga keselamatan, kalau dia tidak dilindungi oleh Allah ta'ala dalam tugas dia menjaga keselamatan, rasa saya kita rugi. Fasal, pakaian dia itu telah memurkakan Allah ta'ala. Malaikat tidak jaga **dia**. Ini dari segi keyakinan kita. Perempuan yang buka aurat, malaikat tidak **ada**; Dia kata kalau tidak ada Malaikat lagi untung, tidak ada tukang **catit** kiri-kanan'. Yang kiri-kanan tidak **lari**, yang **lari** itu Malaikat yang dinamakan Malaikat Rahmat - Yang jaga diri kita, dia jaga hidung, jaga mata, itu yang cabut **lari**. Malu **dia**! Tetapi yang kiri-kanan itu **ada**, yang menulis kejahatan, yang menulis kebaikan - Kiraman-katibin itu ada, yang itu tidak **lari**, dia lesen besar, telanjang pun tidak **lari** - ini lagi syok aku **catit**. **Ini**, kita kena perhati. Jadi, itulah yang saya nampak. Kalau boleh buatlah.

Dalam masalah-masalah lain, kawan-kawan lain sudah sentuh, saya sentuh yang tidak disentuhlah. Kemudian dalam masalah Kementerian Penerangan - B.44.

Ini selalu benar dicakap. Selalu sangat, tetapi. harapan-harapan untuk baik itu nampaknya sudah ada. Selalu benar cakap ini, mudah-mudahan Tuhan bukakan kita punya hati, kita perkenanlah kepada benda-benda yang baik. Jadi, saya nampak Kementerian Penerangan dalam ura-ura untuk membanyakkan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam TVI ini, saya alu-alukan dan saya ucapkan tahniah. Mudah-mudahan ini akan banyak rnanafaat kepada kita dan mendapat kejayaan dan kita minta janganlah RTM sahaja, tetapi TV3 pun mesti berjalan sama.

Begitu juga Rangkaian Kedua itu, kalau hendak dikecualikan, kecualikanlah, tidak apa. Jadi dalam masalah ini, Menteri berkenaan

sudah banyak bercakap. Nampaknya banyak jawapan-jawapan yang kita sudah baca bahawa penyusunan program-program TV ini akan dibaiki, maka saya ucapkan berbilang-bilang terima kasih kerana banyak ruangan-ruangan yang berfaedah ada dalam TV **ini**. Cuma satu sahaja yang saya nampak lagi ada juga, tentang tayangan-tayangan filem, Filem-filem yang ada kaitannya dari segi pengajaran, dari segi tauladan yang banyak selalu main tengah malam. Kadang-kadang filem yang patut budak-budak tengok, dia main tengah malam, terutama sekali filem-filem yang datang daripada luar. Filem Indonesia maksud saya. Banyak saya tengok filem-filem yang cukup memberi faedah dan disamping kita tengok itu kita boleh memberi tahu kepada anak-anak kita " tengok ini, contoh baik, yang ini baik, yang ini baik'. Tetapi dia main untuk abah dan emak dia di tengah malam, budak-budak sudah tidur.

Filem yang tidak senonoh itu main waktu siang, lepas waktu Isyak, filem itu main, yang tidak ada taedah, yang kita tengok filem itu kita fikir tidak ada apa munasabah, hanya cuma kita hendak hidupkan kenangan lama kepada pelakon-pelakon lama, tetapi manfaatnya kepada budak-budak tidak **ada**. Jadi nampak benar selekehnya kita.

Jadi saya mintalah, biarlah bermutu filem **itu**, selekeh sungguh! Masa tahun 50an, kita tengok filem itu tidak ada apa benda, masa itu kita bolehlah tengok, sesuaiilah, Tetapi masyarakat kita sekarang sudah sampai kepada masyarakat yang pandai menilai, kita mesti dedahkan filem-filem yang ada **nilai** untuk anak-anak

kita. Kalau boleh program-program ini biarlah boleh di manfaatkan kepada golongan-golongan yang tertentu. Saya tidaklah menyokong ada orang berpendapat TV ini TV tidak baik. Ini orang bodoh. TV inilah satu nikmat yang Tuhan bagi kepada kita.

Saya tidak payah pergi ke Amerika, boleh fengok Amerika, tidak payah pergi Germany, boleh tengok Germany, tidak payah pergi England, London, kita boleh tengok London, tidak payah pergi Sabah, kita boleh tengok Sabah. Siapa tidak hendak tengok TV ini orang bodoh. Hendak kata orang 'gila', tidak pula, tetapi bodoh. Dia ada penutup, ada pembuka, kita ti-dak berkenan, kita tutup, Kita tengok benda itu tidak layak kita tengok, kita tutup. Kita tengok filem itu tidak layak untuk anak kita, kita tutup. Tetapi kita hendak nanti filem yang layak untuk kita tengok. Jangan tidak faham. Biarlah munasabah. Kalau program masa itu tidak munasabah, jadi rugilah generasi-generasi kita yang kita bentuk sekarang.

Jadi inilah, saya rasa filem-filem yang lama itu bukan tidak patut dihidupkan, patut, tetapi tidak usahlah galak sangat. Gambar pun sudah tidak terang. Kata dia "Minta maaf, gambar tidak berapa terang", Sudah tahu tidak terang, buat apa ditayangkan. Senang sahaja. "Minta maaf para penonton kerana gambar tidak berapa terang". Tidak terang buat apa tayangkan. Satu lagi program-program yang bersaing dengan waktu-waktu sembahyang itu biarlah senonoh sedikit. Sudah tentu 10 minit waktu hendak masuk,berilah unsur-unsur yang ada membawa kepada orang hendak pergi sembahyang dan jangan lepas "BANG" itu cerita Melayu.

Saya tidak terdaya hendak membawa anak-anak saya sembahyang Jemaah, dia kata "Tidak boleh ayah, malam ini cerita Melayu, lepas cerita Melayu, baharu sembahyang". Fasal, belum apa-apa lagi, habis sahaja "BANG" - cerita Filem Melayu. Ini betul tidak senonoh. Kita yang buat peraturan-peraturan, kita boleh imbangkan, kalaulah penerapan Islam. Kalau tidak hendak menerapkan Islam, pakai gasak sahaja, kita tidak payah cakaplah penerapan Islam, buat apa, penat. Jadi, kita RTM ini supaya dia boleh menghayati. TV-TV kita ini boleh menghayati jiwa dan hati penonton-penonton kita,

Tentang filem-filem ini saya ttdak hendak baca banyak. Saya tidak berkenan, tutup. Senang sahaja. Tetapi kita bendak benda yang kita berkenan itu, yang baik. Yang saya cakap ini bukan saya, tetapi adalah wakil-wakil orang-orang kampung. Dia menjerit "Yang Berhormat cakaplah dalam Dewan". Kita kata kita cakap, "Tidak ada dalam suratkhobar", mereka kata. Itu saya tidak tahu. Rupanya benda-benda macam ini dia suruh keluar dalam suratkhobar, dia hendak baca. Ada atau tidak orang ini bercakap. Jadi kalau orang surat-khabar boleh keluarkan ini, keluarkanlah.

Selain daripada itu perkara-perkara yang lain ini tidak payahlah saya sentuh, tetapi pada keseluruhannya saya nampak Kementerian-kementerian yang kita memperuntukkan perbelanjaan masing-masing, kita berdoa mudah-mudahan segala rancangan-rancangan yang diperuntukkan ini akan dapat berjalan dengan baik dan kita berdoa supaya pak-pak Menteri kita ini yang membuat dasar dan kawan-kawan yang melaksanakan harapan-harapan Kementerian ini dapat mencintai tugas masing-masing kerana kasihkan negara, bangsa dan agama. Saya rasa peruntukan ini boleh menolong untuk disalurkan kepada kebaikan rakyat keseluruhannya baik dalam bandar mahupun luar bandar.

Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih, dan saya akhiri ucapan ini di samping melahirkan sokongan kepada Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1988 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah dipersilakan.

5.11 ptg.

Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak bercakap beberapa minit sahaja kerana ramai lagi kawan-kawan yang hendak bercakap dan saya sentuh beberapa perkara sahaja.

Terima kasih sekali lagi kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya bercakap.

Saya juga bangun turut menyokong suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1988 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara kita masih lagi menghadapi kelembapan ekonomi, Kerajaan telah dapat membentangkan satu Belanja-wan bagi tahun 1988 tanpa membebankan rakyat yang berpendapatan rendah.

Dalam usaha Kerajaan untuk menarik lebih ramai lagi pelabur asing kepada negara kita, Kerajaan telah mengambil segala langkah untuk memberi galakan atau kemudahan dalam semua aspek kepada para pelabur itu supaya lebih banyak peluang pekerjaan akan dapat diwujudkan sebagai langkah mengatasi masalah pengangguran.

Bercakap mengenai pengangguran, Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah- Kerajaan meneruskan jimat-cermat dalam perbelanjaan dalam semua Jabatan atau agensi Kerajaan adalah satu langkah yang bijak dan penggunaan barang terapan atau buatan Malaysia terutamanya kereta Proton Saga khususnya oleh Jabatan atau agensi Kerajaan mestilah diberi keutamaan.

Rancangan Kerajaan untuk mengurangkan sedikit gaji bagi graduan-graduan pada masa akan datang juga adalah satu langkah yang sangat wajar dan tepat, memandangkan kepada hasrat Kerajaan untuk mewujudkan beberapa banyak pekerjaan kepada mereka yang menganggur itu.

Selain daripada peluang pekerjaan dalam Jabatan atau agensi Kerajaan, para graduan juga seharusnya merebut segala peluang atau kemudahan yang ada atau tawaran pekerjaan sama ada dalam Kerajaan

atau pihak swasta tanpa memilih kerja. Mungkin sudah sampai masanya bahawa ijazah itu bukan lagi sebagai paspot untuk mendapat pekerjaan yang diidamkan.

Dalam tahun 1980an ini para graduan haruslah sanggup membuat apa sahaja pekerjaan untuk sara hidup, ibarat kata pepatah "Berjagung-jagunglah dahulu sementara padi masak" sehinggalah mereka mencapai kejayaan di dalam kerjaya mereka nanti.

Selain dari graduan yang menganggur, ramai lagi penganggur yang terdiri dari kelulusan STPM, SPM, SRP dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, ramai lagi para-para pelajar dari universiti yang akan keluar setiap tahun, dan tahun demi tahun Kerajaan dan rakyat negara ini adalah bertanggungjawab mewujudkan pekerjaan untuk sara hidup mereka. Di sinilah sebabnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah menyatakan bahawa penduduk negara ini haruslah mencapai 70 juta rakyat kerana lebih ramai penduduk akan lebih banyak peluang pekerjaan akan dapat diwujudkan oleh Kerajaan dan pihak swasta.

Kita harap lebih ramai lagi para graduan dan lain-lain lagi menjadi anggota-anggota keselamatan sama ada Polis, Tentera Darat, Tentera Laut, Tentera Udara kerana kita memerlukan anggota tentera yang bijak pandai, yang sanggup mempertahankan ibu pertiwinya. Mereka yang tinggal di katnputig dan desa pula Kerajaan telah menyediakan projek-projek industri kecil untuk mereka yang menganggur itu mengambil bahagian untuk mencari rezeki titik peluh mereka, kerana ibarat kata orang "Kalau ringan tulang beratlah perut, tetapi kalau berat tulang ringanlah perut".

Kita mestilah bekerja sedaya-upaya ataupun meringankan tulang untuk mencari sara hidup. Oleh itu kita harap mereka janganlah

putus asa, sebaliknya mestilah berusaha dengan gigih dalam apa jua bidang yang disediakan oleh Kerajaan dan pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada hasil negara. Dalam sebuah negara Malaysia yang raengamalkan sistem demokrasi akan wujud segelintir manusia yang sentiasa suka mengkritik Kerajaan dengan berbagai-bagai alasan dan dakyah semata-mata untuk memesonkan fikiran rakyat. Mereka ini akan terus mencuba mambasuh fikiran sebilangan rakyat supaya menentang segala dasar Kerajaan yang memerintah negara ini, mungkin juga ada orang-orang yang lekas terpengaruh dengan dakyah-dakyah mereka. Setiap tahun orang-orang yang anti Kerajaan ini tidak akan menyokong Belanjawan yang dibentangkan oleh Kerajaan dan akan memberi berbagai teguran negatif terhadap sistem percukaaian negara ini seolah-olah semua sistem Kerajaan kita tidak betul belaka dan mereka sahajalah yang betul.

Kita yakin kebanyakan rakyat Malaysia adalah taat setia dan cintakan tanahair ini dan suka sentiasa menyokong tindakan Kerajaan yang sentiasa merancang untuk kebahagiaan rakyatnya.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat yang taat setia ini yang sentiasa memberi sokongan kepada Kerajaan, seharusnya diberi penerangan secara lebih dekat dan lagi mengenai sistem percukaaian ini supaya mereka tahu termasuk ahli-ahli perniagaan akan menyedari bahawa adalah menjadi kewajipan setiap rakyat membayar cukai-cukai mereka dengan penuh tanggungjawab.

Saya katakan begini atau saya tekankan ini kerana terdapat banyak syarikat-syarikat di negara ini yang cuba melarikan cukai dan pernah saya bercakap syarikat-syarikat ini, saya tidak mengatakan syarikat bumiputera ataupun bukan bumiputera, terdapat mereka menyimpan 2 ataupun 3 buku kira-kira, bilamana datang pemeriksaan cukai pendapatan yang ditunjukkannya ialah kira-kira rugi sahaja,

kadang-kadang kita tanya **dia**, sudah bayar cukai, "Sudah", berapa banyak, "\$1,000, cukuplah buat apa bayar Kerajaan banyak-banyak, lebih baik kita belanja keluar negeri - enjoy, makan angin daripada kita bayar cukai pendapatan banyak", terutama kepada syarikat-syarikat petrol pam ataupun syarikat-syarikat minyak, minta maaflah saya bukan menuduh, kadangkala cara kita beli minyak mereka **ber-**cakap, "Buat apalah bayar cukai \$1,000 pun sudah baik, \$2,000 sudah banyak, baiklah kita beli kereta baru, beli Jaguarkah, beli BMWkah, kita makan angin daripada kita bayar cukai pendapatan". Adakah taat setia mereka kepada negara ini dengan penuh? Sedangkan mereka mencari rezeki dengan kemewahan negara **ini**, di manakah kata pepatah "Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung", ini "Bumi dipijak langit dia tidak junjung", ketaatsetiaan dia tidak ada pada negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu terima rakyat yang ketaatsetiaannya berbelah bahagi, kita mahu kalau seorang ahli itu mencintai biarlah dia benar-benar mencintai sepertimana dia mencintai seorang isteri atau menyintai seorang wanita yang ditemui pertama kali, benar-benar cinta, kasih, sayang, taat setia, jujur dan amanah, tetapi dia mencari kekayaan labur keluar, dapat duit hantar ke Australia, New Zealand, Amerika, Switzerland dan sebagainya dikeruk daripada negara kita, tetapi kadaagkala dia bercakap tidak perasan siapa kita, saya bukan omong kosong, saya terdengar mereka bercakap "buat apa bayar cukai banyak-banyak \$1,000 cukup", sedangkan negara kita merintih kekeringan wang, setiap sen Kerajaan perlulah wang daripada pembayar-pembayar cukai, kita berhutang dengan negara asing, mahukah negara kita tergadai?

Hendaklah dari itu Kementerian Kewangan menitikberatkan dan memerhatikan pihak-pihak swasta ini jangan lari daripada cukai, dia kaya raya kahwin dua, tiga pula itu kadangkala. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Menyentuh juga sedikit Kementerian Penerangan walaupun rakan saya telah menyentuh Kementerian Penerangan seharusnya memainkan peranan yang lebih berkesan dalam kempen Kerajaan menerusi radio dan TV sepanjang tahun untuk memberi kesedaran kepada rakyat mengenai tanggungjawab mereka kepada negara dan membayar cukai pendapatan dan sebagainya. Maksud saya biarlah media massa elektronik mengingatkan sarapai masanya kita membayar cukai TV dan radio dan satnpai masanya rakyat hendaklah membayar cukai pendapatan dan sebagainya. Jadi biarlah media massa ini memainkan peranan penting mengingatkan kepada rakyat kerana bayaran cukai ini penting demi untuk keselamatan ataupun kemakmuran negara kita.

Kita yakin apabila kesedaran di kalangan rakyat Malaysia Kerajaan akan dapat menambah kutipan hasilnya untuk pembangunan negara Malaysia dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang anti Kerajaan memesungkan fikiran sebilangan rakyat tentang sistem percukaian yang diamalkan oleh Kerajaan kita tanpa memberitahu sebab-sebab mengapa hasil perlu dipungut oleh sesebuah negara yang merdeka.

Apabila negara dijajah segala hasil mahsul diambil oleh penjajah dan hanya sedikit-sedikit sahaja dibelanjakan untuk rakyat apabila negara merdeka seperti Malaysia ini dalam tempoh 30 tahun sahaja dengan izin Allah, negara dan rakyat telah maju jaya dalam semua bidang. Negara kita bernasib baik kerana mempunyai para

pemimpin, para pekerja yang mahir dan pakar dalam segala bidang dan telah bekerja dengan penuh dedikasi melaksanakan undang-undang yang telah diluluskan oleh Parlimen.

Belanjawan bagi tahun 1988 yang dibentangkan oleh Kerajaan itu adalah disokong penuh oleh rakyat yang taat setia dengan memahami hakikat bahawa hasil adalah sebagai nadi dan darah bagi sesebuah negara yang merdeka kerana melalui Kerajaan yang bertanggungjawab seperti Malaysia ini kita akan mempunyai wang yang cukup untuk menadbirkan negara kita yang dicintainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh sedikit mengenai angkatan bersenjata kita. Sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka semenjak 30 tahun yang lalu kita yakin negara mempunyai angkatan bersenjata yang kuat. Para anggota keselamatan yang terdiri daripada Polis DiRaja Malaysia, Tentera Laut, Darat, Udara senantiasa menjalankan tugas masing-masing meronda di perbatasan dan sebagainya sementara rakyat di bandar dan di desa ataupun kampung-kampung hidup dengan aman damai dengan adanya keselamatan dari tugas dan tanggungjawab anggota tentera tadi. Negara ini menghargai khidmat yang cemerlang yang dicurahkan oleh para anggota pasukan keselamatan kita lebih-lebih lagi dalam negara Malaysia yang penuh penduduk yang pelbagai kaum di dalamnya. Pengalaman kita di masa-masa yang lalu boleh dijadikan pengajaran bahawa negara yang merdeka ini sangat memerlukan pasukan bersenjata yang kuat untuk mempertahankan ibu pertiwinya sama ada dari dalam atau dari luar.

Kita yakin Kerajaan akan sentiasa memandang berat hal-hal kebajikan para anggota pasukan keselamatan kita terutamanya hal-hal perumahan, persekolahan anak-anak mereka dan sebagainya. Kita yakin

melalui peruntukan wang besar yang diperuntukkan dalam Belanjawan 1988 ini banyak lagi rumah-rumah dapat dibina untuk perajurit-perajurit kita nanti.

Selain dari kebajikan untuk perajurit kita yang malang kita yakin Kerajaan tidak ketinggalan dalam bidang latihan-latihan tentera yang lebih tinggi mutunya selaras dengan kemajuan teknologi peperangan. Kita harap Kerajaan akan terus membeli senjata-senjata yang lebih moden untuk melengkapkan angkatan bersenjata kita supaya negara kita sentiasa berupaya mempertahankan kedaulatan negara ini dari ancaman musuh sama ada dari luar atau dari dalam.

Tuan Yang di-Pertua, minta maaf sebelum saya cakap, kerana dalam keadaan sekarang wanita ttdak selamat lagi kerana banyak terdapat kes-kes rogol, Ini bukan salah perempuan Tuan Yang di-Pertua, lelaki pun salah. Dalam masa kebelakangan ini banyak juga kes-kes rogol dilaporkan dan sedikit sebanyak menimbulkan kebimbangan di kalangan ibu bapa. Perbuatan jenayah mencabul kehormatan kautn wanita termasuklah kanak-kanak adalah disebabkan generasi di masa kini terlalu terdedah kepada pelbagai kegiatau yang tidak sihat seperti filem-filem sex, lucah dan sebagainya. Pergaulan muda-mudi secara bebas adalah juga beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya kes-kes rogol.

Mungkin juga kes-kes rogol yang tidak dilaporkan kerana malu dan sebagainya berlaka tanpa diketahui oleh pihak Polis dan pihak berkuasa dan ini semua memberi galakan secara tidak langsung kepada penjenayah-penjenayah yang tidak berperikemanusiaan itu.

Penjenayah-penjenayah ini mungkin memandang ringan sahaja hukuman-hukuman di bawah Kanun Keseksaan yang ada sekarang, Tuan Yang di~Pertua. Tetapi mereka mungkin juga terlupa bahawa rakyat

dan negara telah meminda Undang-undang ini untuk menyelamatkan rakyatnya. Kerajaan mestilah mengambil tindakan. Saya harap, dan sekali lagi saya tegaskan Kerajaan mestilah mengambil tindakan yang keras dan setegas-tegasnya terhadap perogol-perogol itu dengan mengenakan hukuman-hukuman yang berat. Misalnya, hukuman tidak kurang daripada 5 atau 10 tahun penjara maksima diwajibkan dan sebat dengan rotan tidak kurang 5 kali sebat dan kepada Pusat Islam pula mengkaji pengenaan hukuman kepada penjenayah yang Islam itu kalau boleh kita rejam dengan batu. Kalau mengikut Undang-undang Islam kepada orang Islam ianya direjam dengan batu hingga mati.

Kementerian Penerangan ataupun badan-badan sukarela wanita yang terdapat di seluruh negara haruslah tampil ke hadapan menyumbangkan khidmat sukarela memimpin para wanita dan gadis dalam kaedah mempertahankan diri mereka jika diserang oleh pemuda-pemuda penjenayah dan berbagai-bagai cara lagi boleh ditunjuk ajar dalam usaha kita mempertahankan diri. Oleh kerana apabila negara semakin membangun maka penduduknya pula semakin membesar. Oleh itu anggota Polis DiRaja juga perlulah diperbesarkan dan di seluruh bandar, daerah, kawasan dan kampung termasuklah penubuhan Pasukan Polis Sukarela untuk membantu anggota-anggota Polis biasa khususnya di kawasan-kawasan yang terdapat kurangnya anggota Polis. Melalui peronda-peronda Polis di tempat-tempat orang ramai sedikit sebanyak akan dapat mencegah kejadian-kejadian rogol jika ramai Polis berkeliaran atau mengawal di tempat-tempat sunyi seperti kalau di Kuala Lumpur ini Taman Bunga, di Titiwangsa dan banyak lagi tempat-tempat peranginan,

Juga saya harap kepada pihak TV sama ada TV swasta iaitu TV3, Televisyen Malaysia Radio Malaysia dan sebagainya, janganlah

menayangkan filem-filem yang tidak diingini, biarlah kita bersopan sedikit seperti kata orang kalau kita tidak dapat mengubati penyakit 100% bolehlah kita mencegahnya. Janganlah menunjukkan pakaian-pakaian yang menjolok mata, yang mendedah, memang ghairah tetapi kalau ada yang ingin hendak cuba, inilah bahayanya, yang cuba-cuba kadangkala yang muda itu tidak, yang tua itu lebih lagi - 100% ataupun lebih sedikit dia punya, kata orang kampung 'gatal' **dia**. (Ketawa] Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Menyentuh mengenai Bahasa Kebangsaan, semua orang tahu bahawa Bahasa Kebangsaan kita adalah suatu alat yang akan dapat menyatupadukan setiap rakyat Malaysia apabila mereka semuanya boleh bertutur dengan fasih dalam Bahasa Kebangsaan. Mereka yang tidak fasih berbahasa Kebangsaan dan tidak taham bahasa ini memandang asing kepada Bahasa Kebangsaan kita dan boleh dianggap mereka sebagai rakyat yang tidak taat kepada ibu pertiwi. Senang sahaja, Tuan Yang di-Pertua, kalau siapa yang tidak tahu Bahasa Kebangsaan, kita anggap dia tidak taat. Kalau dia hendak lulus ujian kerakyatan, jangan luluskan, kadangkala cakap pun tidak betul - "Apalah", "lulah", "gualah", "apalah", "malilah", dan cakap itupun terbalik. Macam mana telah duduk daripada kecil sampai ke tua dalam Malaysia, Bahasa Kebangsaan pun terbalik, tidak betul, Ini tidak logik, sudah 30 tahun merdeka, Bahasa Kebangsaan kita berdaulat. Ini telah melampau.

Kalau saya menjadi Perdana Menteri lagi teruk, mesti tahu cakap Bahasa Kebangsaan. Mereka boleh diertikan suka menghina Bahasa Kebangsaan kita, sebab itulah mereka tidak mahu belajar dan bertutur bahasa ini. Bukan dia tidak tahu, tidak mahu, kadangkala pandang rendah. Kalau 'I', 'You' itu sedap sedikit bunyi kata dia, tetapi kalau "saya", " awak", "kami" itu tidak sedap.

Terdapat juga segolongan manusia yang lebih suka bertutur bahasa asing, mungkin juga mereka ini tidak ada kepercayaan kepada diri sendiri. Kalau dahulu Kerajaan telah melancarkan Bulan Bahasa Kebangsaan untuk menanamkan semangat cintakan bahasa **ini**, kini selepas 30 tahun negara kita merdeka masih terdapat sebilangan rakyat yang tidak tahu dan tidak mahu bercakap atau menulis dalam Bahasa Kebangsaan.

Kali ini kita berharap Kerajaan mestilah bersikap lebih tegas lagi iaitu Kerajaan perlu melancarkan Tahun Bahasa Kabngsaan pula, kalau Bulan Bahasa Kebangsaan tak berjaya, Minggu Bahasa Kebangsaan tak berjaya, kita adakan Tahun Bahasa Kebangsaan di mana setahun itu berjalan penuh dan diwajibkan setiap rakyat, sama ada di dalam jabatan atau agensi Kerajaan ataupun di pihak swasta bertutur atau menggunakan Bahasa Kebangsaan kita sepanjang tahun dan selepas itu terus menggunakannya di seluruh negara.

Kementerian Pendidikan dan Kemeuterian Penerangan boleh memainkan peranan penting dalam perkara ini sama ada di sekolah-sekolah, universiti-universiti ataupun melalui radio dan TV. Kita harus mencontohi negara jiran yang telah berjaya menggunakan Bahasa Kebangsaannya sepanjang zaman, termasuklah semua filem melalui TV diubahsuai ataupun dialih-suara kepada Bahasa Kebangsaan. Kita tidak mahu lagi bahasa-bahasa dalam TV menggunakan bahasa-bahasa lain. Kita mahu apabila buka sahaja TV - Assalamualaikum, Selamat Pagi Malaysia.

Mengenai Pelancongan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai pelancongan di negeri Melaka, negeri saya sendiri terkenal sebagai sebuah negeri yang bersejarah dan dengan usaha yang gigih

oleh Kerajaan Negeri, ramai para pelancong membanjiri bandar Melaka setiap hujung minggu dan musim cuti sekolah.

Kekerapan berlaku kerosakan bekalan letrik di negeri Melaka pada masa kini telah menjejaskan kilang-kilang perusahaan dan hotel-hotel di negeri ini. Jika dibiarkan kerosakan bekalan letrik ini berterusan, ia akan menjejaskan pula pembangunan negeri Melaka, kerana para pelancong akan berfikir dua kali untuk bermalam di Melaka atau membuka kilang-kilang perindustrian di negeri Melaka. Kadang-kadang tengah tidur api padam, tengah sedap makan pun api padam. Itulah masalah yang menyusahkan. Oleh kerana bekalan letrik ini sangatlah mustahak kepada negeri Melaka, maka kita berharap tindakan segera mestilah diambil untuk membaiki keadaan bekalan elektrik di negeri Melaka **Itu**.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan negeri Melaka dalam bidang pelancongan adalah juga kejayaan Malaysia pada keseluruhannya kerana kalau cukai Kerajaan Negeri Melaka dapat, Kerajaan Malaysia pun dapat juga. Kerajaan Negeri telah membelanjakan wang yang banyak dalam projek-projek pelancongan di negeri Melaka dan lebih banyak projek pelancongan akan diusahakan oleh Kerajaan Negeri Melaka untuk menarik pelancong-pelancong ke negeri ini.

Salah satu projek yang boleh menarik para pelancong bermalam di negeri Melaka - bukan saya hendak advertise, tetapi sekadar hendak memberi tahu - ialah projek 'pandang dan dengar' di Padang Pahlawan, Melaka. Para pelancong dikehendaki bermalam di Melaka untuk melihat persembahan yang luar biasa melalui projek pandang dengar ini dan dengan wujudnya Lebuh raya Senawang-Air Keroh, perjalanan dari Kuala Lumpur ke Melaka telah menjadi lebih dekat lagi, tetapi kita amatlah berharap Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan akan

dapat memberi apa jua kemudahan yang boleh, supaya projek-projek pelancongan di negeri Melaka ini dapat berjalan dengan lancar.

Kita juga berharap Kementerian Kerjaraya akan dapat mewujudkan beberapa kemudahan dan daya penarik supaya lebih ramai lagi rakyat kita menggunakan Lebuhraya Senawang-Air Keroh untuk melawat Melaka. Kita semua tahu bahawa setiap rakyat yang cintakan tanahair dan inginkan kemajuan negara kenala berkorban sedikit, sama ada dalam bentuk masa, tenaga dan wang ringgit, kerana sesuatu kemajuan dan pembangunan itu bererti wang.

Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini telah berlaku beberapa kemalangan jalanraya di Lebuhraya Senawang-Air Keroh. Kita merasa hairan juga kerana lebuhraya ini cukup luas sejauh mata memandang dan cantik pula, ianya lebar dan besar dan selamat daripada Lebuhraya Seremban-Kuala Lumpur. Kita berharap lebih banyak lagi papan-papan tanda amaran dipasang di Lebuhraya Senawang-Air Keroh ini untuk memberi ingatan kepada para pemandu kereta dan lori supaya sentiasa berwaspada dan berhati-hati di lebuhraya ini.

Kita yakin dan percahaya bahawa lebih ramai lagi rakyat Malaysia akan menggunakan Lebuhraya Senawang-Air keroh kerana perjalanan kita dari Kuala Lumpur ke Melaka melalui lebuhraya memakan masa yang singkat dan para pemandu akan dapat menikmati keselesaan apabila merandu di Lebuhraya Senawang. Kita juga yakin bahawa Kerajaan kita sentiasa mengikuti perkembangan dan pandangan rakyat mengenai tol. Saya tidaklah hendak bercakap minta trutikan tol, cuma minta supaya Kementerian Kerjaraya mengkaji semula mengenai tol dari Air Keroh ke Kuala Lumpur yang dikenakan itu mungkin akan diubahsuai kadarnya dari masa ke semasa, kalau boleh diturunkan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, sebilangan besar rakyat Malaysia menyokong sepenuhnya segala tindakan tegas yang telah diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menurut peruntukan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk menyelamatkan negara dan Warganegara yang tidak berdosa dari malapetaka yang mungkin terjadi. Sebenarnya tindakan tegas di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri itu sepatutnya telah diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri lama dahulu tetapi Kerajaan kita ingin membuktikan bahawa Malaysia benar-benar mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi.

Kita berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akau terus dapat mentadbirkan negara ini mengikut lunas undang-undang agar rakyat jelata dapat hidup dengan aman damai. Semua orang tahu bahawa tindakan yang lebih tegas telah dan sedang diambil oleh pemerintahan negara-negara lain terhadap warganegara mereka yang mempunyai niat jahat untuk merosakkan kestabilan politik dan ekonomi negaranya.

Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah Malaysia sekarang ini adalah mendapat mandat dengan suara yang banyak dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sentiasa mendapat sokongan dari segenap lapisan rakyat kerana segala projek yang telah dilancarkan oleh Kerajaan adalah untuk negara dan rakyat. Hanya segelintir manusia sahaja dengan suara yang sedikit sumbang dan cabul telah cuba memesongkan fikiran rakyat supaya membenci Kerajaan dengan memutarbelitkan kenyataan yang sebenar. Mereka bekerja kuat siang dan malam menyiarkan dakyah-dakyah yang tidak benar yang bertujuan untuk mengambil alih negara **ini**.

Sebilangan besar rakyat jelata adalah di belakang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan tindakan Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri baru-baru ini menggunakan kuasa di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah disokong seratus peratus dan diucapkan syabas.

Kebebasan berucap di dalam sebuah negara Malaysia yang mengamalkan sistem demokrasi tidaklah bererti seseorang individu itu boleh berucap ataupun bercakap sesuka hatinya. Niat jahat terhadap Malaysia ini boleh kita lihat daripada percakapan dan perbuatan mereka itu yang dengan sendirinya membayangkan seolah-olah merekalah sahaja yang lebih bijak memerintah negara ini. Keyakinan sebilangan besar rakyat Malaysia tidak akan membenarkan segelintir manusia memesongkan fikiran rakyat negara ini untuk memihak kepada mereka.

Kita yakin Kerajaan akan sentiasa memerhati gerak geri kurapulan-kumpulan anti-Kerajaan dan bertindak tegas sebagai langkah menjamin kemakmuran rakyat dan negara ini.

Kita tahu bahawa Kerajaan negara ini mungkin tidak begitu senang hati bagi sebilangan manusia di negara ini dan kita yakin rakyat jelata menyokong sepenuhnya tindakan Kerajaan menggunakan undang-undang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Kita berharap undang-undang ini akan terus digunakan terhadap mereka yang cuba memusuhi negara ini.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, dan sekali lagi saya berterima kasih dan dengan itu juga saya menyokong .Rang Undang-undang Perbekalan 1988 ini diluluskan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ling Heng Tee.

5.40 ptg.

Tuan Lim Heng Tee: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan 1988.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memuji Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Kementeriannya oleh kerana telah menyediakan satu Belanjawan untuk tahun 1988 yang berhati-hati, munasabah dan berorientasikan pertumbuhan pada masa kemelesetan ekonomi dunia secara besar-besaran *ini*. Banyak masalah telah ditimbulkan termasuk kadar pertumbuhan yang rendah, pengangguran yang meningkat dan keadaan kewangan Kerajaan yang rumit bersama dengan cadangan-cadangan dan langkah-langkah untuk mengatasi keadaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi, Kerajaan telah menawarkan beberapa insentif untuk melebihi pelaburan khasnya pelaburan asing. Yang paling mustahak ialah penghapusan 3% Cukai Keuntungan Lebihan atau Excess Profit Tax, dengan izin. Ini akan menguntungkan syarikat-syarikat besar yang mendapat keuntungan melebihi \$2 juta. Malangnya, terdapat sebilangan kecil sahaja syarikat-syarikat tempatan dalam kategori ini dan oleh yang demikian insentif ini tidak akan menguntungkan syarikat-syarikat tempatan secara besar-besaran.

Satu cukai yang mustahak bagi masyarakat perniagaan khasnya pelabur-pelabur dan peniaga-peniaga tempatan ialah Cukai Syarikat ataupun Corporate Tax, dengan izin, yang kini pada 40% tambah 5% merupakan cukai yang amat tinggi dalam rantau ini.

Saya ingin menarik perhatian Kerajaan bahawa pada masa ini di mana adanya pengangguran yang tinggi yang dianggarkan sebanyak 9.4% atau 570,000 orang dalam tahun 1988 adalah lebih bijaksana untuk memberi insentif kepada perusahaan sederhana dan kecil yang perburuhan intensif ataupun labour intensive, dengan izin, dan bukan lagi perniagaan besar yang bermodal intensif ataupun capital intensive, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengadu bahawa pendapatan daripada Cukai Perbadanan atau Cukai Syarikat telah merosot kebelakangan ini disebabkan oleh kegagalan banyak perniagaan. Inilah yang saya ingin menegaskan. Kebanyakan daripada Cukai Syarikat yang ditanggung oleh perniagaan sederhana dan kecil yang merupakan majoritinya daripada masyarakat perniagaan dan jikalau Kerajaan tidak memberikan insentif dan sokongan kepada perusahaan-perusahaan pada masa kemelesetan ekonomi yang begitu rumit ini, bagaimanakah kita boleh mengharapkan bahawa perniagaan-perniagaan ini akan mendapat keuntungan dan membayar Cukai Syarikat kepada Kerajaan?

Saya difahamkan bahawa untuk tahun 1986 hanya 38% sahaja syarikat-syarikat perniagaan telah mendapat keuntungan. Ini bermakna lebih daripada 60% syarikat telah mengalami kerugian. Oleh kerana ini adalah mustahak dan mendesak bahawa insentif yang lebih harus diberikan kepada perusahaan-perusahaan sederhana dan kecil sekiranya Kerajaan ingin menambahkan peluang-peluang pekerjaan dan juga dengan menambahkan pengutipan pendapatan daripada sumber Cukai Syarikat ini.

Tuan Yang di-Pertua, pengenaan Cukai Jualan atau Sales Tax, dengan izin, ke atas bahan-bahan makanan tertentu serta bahan-bahan binaaa tentu akan menyulitkau rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah pada masa kemelesetan ekonomi ini. Yang menjadi sumber bantahan kuat ialah cukai ini telah dikenakan kerana ingin menggantikan kekurangan pendapatan sebanyak \$140 juta akibat daripada penghapusan Cukai Keuntungan Kelebihan. Ini bermakna Kerajaan kita akan mengambil duit daripada rakyat biasa bagi membantu pelabur-pelabur serta syarikat-syarikat besar. Pada prinsipnya tindakan sederhana tidak boleh diterima. Kerajaan harus mencari sumber-sumber kewangan lain untuk menggantikan kehilangan pendapatan ini. Adalah diharapkan bahawa sebaik-baik sahaja keadaan ekonomi bertambah baik Cukai Jualan ini akan ditarik balik.

Tuan Yang di-Pertua, harus disedari bahawa Cukai Perbadanan atau Cukai Syarikat bukanlah faktor tunggal dalam pertimbangan seseorang pelabur. Sebenarnya pelabur dan peniaga adalah lebih mementingkan kesetabilan politik serta faktor ekonomi lain seperti kos pengeluaran ataupun perbekalan perburuhan, infrastruktur dan kemudahan-kemudahan lain.

Pada satu tahun kebelakangan ini banyak isu sensitif telah dibangkitkan untuk kepentingan politik diri dan akibatnya seluruh negara kita telah dibawa kepada satu keadaan bahaya yang boleh meletup. Ini telah menimbulkan banyak kebimbangan tentang kesetabilan politik kepada pelabur dan peniaga dan mereka tidak berani melabur dalam negara ini. Kegiatan ekonomi telah dikurangkan akibatnya pengeluaran nasional telahpun dijejaskan

Sungguhpun banyak rakyat mungkin tidak bersetuju dengan tindakan Kerajaan baru-baru ini dalam menangkap dan menahan ramai ahli-ahli politik dan pengkritik-pengkritik Kerajaan lain, tidak sesiapa pun menafikan bahawa tindakan tersebut adalah perlu dan kena pada tempatnya untuk menjaga keamanan dan mengurangkan ketegangan kaum. Walau bagaimanapun, saya ingin merayu kepada Kerajaan supaya menjalankan penyiasatan secepat mungkin agar mereka yang didapati tidak menjadi ancaman kepada keselamatan negara akan dibebaskan dengan serta merta untuk mengelakkan sebarang kesusahan kepada mereka ataupun keluarga mereka.

Sebilangan daripada mereka adalah orang-orang tua dan sakit. Mereka yang ditahan ini bukanlah penjenayah. Kebanyakan daripada mereka adalah pemimpin-pemimpin masyarakat yang dihormati. Jadi, Kerajaan haruslah bertindak dengan baik terhadap mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan tindakan segera Kerajaan dan Polis dalam membebaskan sebilangan daripada penahanan-penahanan ini. Adalah diharapkan bahawa lebih ramai akan dibebaskan tidak lama lagi memandangkan bahawa keadaan sekarang adalah tenang dan terkawal. Tuan Yang di-Pertua, bahawa memandangkan masalah-masalah kebekalakangan ini begitu serius, Kerajaan haruslah mengkaji perkara ini dengan mendalam dan pada pokoknya mencari penyelesaian kepada semua masalah yang menghadapi negara ini sekali gus.

Dalam hubungan ini mungkin Lembaga Perpaduan Nasional harus disemak semula supaya ianya dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dan positif untuk meningkatkan kesedaran yang lebih antara rakyat jelata tentang toleransi, hormat-menghormati antara kaum dan agama dalam negara ini dalam pengwujudan satu negara yang aman, stabil dan makmur.

Tuan Yang di-Pertua, tentang soal perbelanjaan adalah diperhatikan bahawa komponen gaji telah menjadi 37% daripada perbelanjaan operasi yang dicadangkan, satu angka yang tinggi sekali. Untuk mengurangkan kos serta menambahkan peluang pekerjaan, Kerajaan telah bercadang untuk membaar gaji permulaan yang lebih rendah kepada semua golongan perkhidmatan awam supaya lebih ramai orang boleh diberi pekerjaan. Saya tidak membantah cadangan ini oleh kerana pada masa pengangguran yang tinggi ini, kalau boleh dapat sebahagian adalah lebih baik daripada tidak mendapat apa jua. Dengan izin, *Half a loaf is better than no bread*. Walau bagaimanapun, saya ingin mencadangkan supaya pengurangan gaji permulaan ini dikenakan kepada golongan yang lebih tinggi oleh kerana golongan rendah tidak

Semua rakyat telah sedar akan objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru iaitu menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, Apa yang terjadi pada kebelakangan ini ialah penegasan telah diberi kepada penyusunan semula masyarakat dalam bentuk membahagikan ekuiti serta kekayaan tetapi hanya sedikit perhatian sahaja diberi kepada penghapusan kemiskinan dan pengwujudan kekayaan. Ketidakseimbangan dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini telah mengakibatkan banyak pembaziran, ke efisiensi rendah dan kos tinggi dan hanya sekumpulan kecil rakyat sahaja yang mendapat faedahnya.

Semasa menghadapi kemelesetan, keutamaan harus diberi kepada pengwujudan pekerjaan dan penegasan yang betul diberi kepada cara menambah ke efisiensi sebagai satu Langkah untuk menambah produktiviti, mengurangkan kos dan meningkatkan pendapatan supaya dapat menghapuskan kemiskinan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah betul apabila beliau mengatakan baru-baru ini bahawa pekerjaan untuk mereka yang menganggur adalah sebahagian daripada penghapusan kemiskinan. Jadi, Kerajaan tidak boleh menggantikan pekerjaan untuk mereka yang miskin dengan saham-saham untuk mereka yang kaya. Oleh yang demikian, Kerajaan telah memutuskan supaya aspek-aspek ekuiti dalam Dasar Ekonomi Baru itu tidak ditegaskan begitu banyak dan pekerjaan untuk mereka yang menganggur diberi lebih perhatian. Jadi Dasar Ekonomi Baru tidak seharusnya menjadi satu halangan kepada pertumbuhan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengalu-alukan cadangan untuk memberikan pinjaman yang lebih dari \$2,000 ke \$5,000 kepada peniaga-peniaga kecil, tetapi harus juga dikatakan bahawa selain daripada

kewangan, perniagaan kecil juga menghadapi masalah lain, termasuk tapak, teknik, pelesenan, pemasaran dan lain-lain lagi. Kerajaan haruslah memudahkan segala formality ataupun red-tape, dengan izin, dan peraturan-peraturan supaya -kelambatan dapat dikurangkan lagi. Kerajaan harus juga membantu dalam memberi maklumat mengenai pasaran asing dan tempatan serta menubuhkan hubungan pasaran dan kemudahan-kemudahan lain.

Kita rasa sangat sukacita oleh kerana didapati bahawa 2/3 daripada perbelanjaan pembangunan telah diperuntukkan untuk projek-projek kemajuan dalam kawasan luar bandar di mana terdapat banyak kemiskinan. Penegasan atas pembangunan luar bandar adalah munasabah dan kena pada tempatnya. Oleh kerana kemiskinan tidak ada sempadan kaum atau geography, pembangunan luar bandar haruslah dijalankan secara adil dan saksama dalam semua kawasan luar bandar, sama ada ianya sebuah kampung, kampung baru ataupun ladang-ladang.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyatakan sedemikian dengan jelasnya beberapa kali, Saya berharap Dasar ini akan dilaksanakan dengan betulnya, kalau tidak, tentu akan menimbulkan salah faham antara rakyat dan kredibiliti Kerajaan pula tentu akan terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya Belanjawan untuk tahun 1988 adalah munasabah, dirancang baik dan berorientasi pertumbuhan sungguhpun masih boleh diperbaiki lagi. Saya berharap Kerajaan akan terima dan membalas secara positif kepada teguran-teguran dan cadangan-cadangan rakyat dan membuat pengubahsuaian yang sewajarnya apabila diperlukan supaya ekonomi kita boleh mencapai pertumbuhan yang lebih cepat dan pertumbuhan yang lebih pesat dalam suasana kestabilan politik dan sosial berasaskan kepada keharmonian kaum dan perpaduan nasional.

Dengan kata-kata **ini**, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1988. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun.

6.06 ptg.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, assalamu-alaikum. Saya bangun untuk bersama-sama membahas dan seterusnya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1988.

Sebagai permulaan, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Tirabalan Menteri Kewangan di atas pembentangan Rang Undang-undang ini kerana penekanan-penekannya terhadap objektif-objektif seperti berikut:

- (1) Pengawalan pengangguran;
- (2) Pembasmian kemiskinan;
- (3) Peluang kerja dengan menggiatkan sektor pen-
buatan dan pertanian;
- (4) Peningkatan eksport;
- (5) Kawalan nilai matawang;
- (6) Pengurangan hutang luar; dan
- (7) Pengurangan kos perbelanjaan.

Berdasarkan objektif-objektif tersebut di atas, saya yakin keadaan ekonomi negara kita akan terkawal dan menempuh kejayaan sungguhpun diharungi dengan kesan kemelesetan ekonomi dunia. Sungguhpun Dasar Ekonomi agak contractive, dengan izin, saya percaya dasar ini tidak akan menjejaskan prestasi pelaburan di bidang pertanian, terutamanya di bidang perusahaan utama. Begitu juga, saya yakin pelaburan di sektor pembuatan yang mana kita ada 'cost advantage' akan berkembang untuk menolong meningkatkan kegiatan

eksport negara. Sememangnya dasar yang expansionary, dengan izin, agak menarik tetapi sekiranya ini melibatkan pertambahan hutang negara, sebaliknya ini akan membawa kesan yang negatif kepada ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya penuh yakin juga dengan fiscal dan monetary policy, dengan izin, negara kita yang meletakkan nilai matawang pada tahap yang kukuh dan diterima di kebanyakan negara-negara luar, kita tidak perlu kepada tindakan 'last resort' seperti devaluation atau revaluation, dengan izin. Dengan keadaan ekonomi yang diharapkan itu, saya percaya negara kita akan stabil, aman dan damai.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini kita sambung membahaskan Rang Undang-undang untuk membelanjakan \$13,000 juta untuk perkhidmatan. Kerajaan telah membahagikan peruntukan mengikut penekanan seperti berikut: Pendidikan, Pertahanan; Kesihatan; Polis; Pertanian; Perkhidmatan Awam; Perdana Menteri Kerjaraya, Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah Pembangunan Negara dan Luar Bandar; Penerangan; Kebudayaan dan Pelancongan; Kastam; Pengangkutan dan sebagainya.

Sehubungan dengan pembentangan peruntukan ini, saya ingin menarik perhatian terhadap beberapa perkara. Pertama, saya berharap sedang Kerajaan membentangkan peruntukan mengikut Kementerian dan Jabatan, Kerajaan akan juga memberi penekanan mengikut negeri-negeri dan keutamaan diberi kepada negeri-negeri yang miskin seperti Perlis, Kelantan dan Kedah supaya negeri-negeri ini dapat menikmati kekayaan dan pembangunan seperti negeri-negeri lain yang banyak sumber dan pembangunan. Khusus saya tujukan peruntukan kepada negeri Perlis sekurang-kurangnya untuk pembangunan Kuala Perlis dan Padang Besar demi kepentingan pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan peruntukan kepada Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan, saya mohon untuk membuat beberapa saranan dan cadangan dengan niat supaya keadaan diperbaiki demi kepentingan negara dan rakyat.

(1) Pendidikan:

Adalah ditaksirkan bahawa perbelanjaan pelajaran luar negeri sebanyak \$500 juta setahun. Wang ini mengalir keluar dari negara kita ke negara luar. Alangkah elok sekiranya sejumlah wang ini dibelanjakan dalam negeri. Sehubungan dengan ini, saya cadangkan supaya Kerajaan berusaha meubah kemudahan pelajaran di peringkat tinggi supaya tidak sebegitu banyak wang mengalir ke luar dari negara. Sehubungan dengan ini juga, saya sarankan supaya Kerajaan memberi biasiswa yang lebih dan termasuk sekolah-sekolah rendah kerana sama ada Kerajaan sedar atau tidak masih ada keciciran persekolahan di peringkat sekolah rendah kerana kemiskinan dan pngangguran ibubapa. Saya harap Kementerian membuat kajian dan siasatan dalam hal ini.

(2) Pertahanan:

Saya ingin mengambil perhatian terhadap keadaan kenderaan jentera-jentera bergerak askar yang saya dapati banyak kerosakan dan terlibat dalam kemalangan jalanraya. Ini patut dikaji dan siasatan lanjut dibuat terhadap kejadian-kejadian seperti ini. Apakah akan terjadi sekiranya jentera ini berlaku kerosakan di dalam hutan ketika beroperasi. Begitu juga saya menyeru agar keadaan dalam kem aman dan saling hormat menghormati supaya tidak berlaku lagi peristiwa seperti "private Adam".

(3) Kesihatan:

Dalam hal ini saya ingin meuarik perhatian tentang dua perkara:-

- (1) kebersihan kedai-kedai makan terutama tandas dan bilik air serta makanan terdedah. Saya dapatl banyak sekali restoran-restoran yang tidak mematuhi syarat kebersihan. Harap Kementerian yang berkenaan mengambil tindakan yang wajar;
- (ii) peristiwa Dr. Zainal. Saya harap pihak Kementerian akan betul-betul mengawasi dan mengadakan sistem kawalan yang efektif supaya hal ini tidak berlaku lagi.

(4) Kementerian Dalam Negeri:

Saya ingin mengaitkan Kementerian ini dengan usaha menggiatkan pelancongan dari luar negeri. Syukur alhamdulillah, tidak ada sekatan masa keluar masuk Singapura/Malaysia. Tetapi sekatau masa dikenakan di antara sempadan Thailand/Malaysia hingga 6.00 petang dan 6.00 pagi atas alasan keselamatan.

Saya minta Kementerian ini mengkaji semula perintah ini derai kepentingan pelancongan. Saya rasa sekiranya ada kelonggaran sedikit, khasnya untuk bas pelancoagan, kita dapat menambah lebih ramai pelancong-pelancong datang ke negara kita ini. Ini akan menolong negeri-negeri yang termiskin seperti Perlis dan Kelantan supaya dapat sedikit nikmat dari pelancongan.

(5) Kementerian Pengangkutan:

Saya perainat keretapi kerana keselamatan dan jadual yang tertentu. Satu perkara yang terpenting ialah kebersihan tandas di kelas 2 dan 3. Saya dapati keadaan tandas untuk kedua-dua kelas tersebut tidak menyenangkan hati penumpang-penumpang, terutamanya untuk kelas 2 tanpa hawa dingin. Saya harap ini dibaiki untuk

menarik penumpang-penumpang.

Selain dari itu kelihatan saya banyak sekali tiang-tiang dan talian-talian telefon yang terbengkalai sepanjang Kuala Lumpur/Ipoh mengikut keretapi. Apakah ini tidak boleh digunakan lagi? Saya anggap ini sebagai satu pembaziran. Harap mendapat perhatian.

(6) Kementerian Kewangan:

Saya mengucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri kerana usahanya untuk mempertingkatkan tahap perkhidmatan dan keuntungan Syarikat-syarikat Insurans. Namun demikian, satu perkara yang tidak menyenangkan setengah-setengah golongan ialah tindakan Syarikat-syarikat Insurans untuk mengadakan "cartel", dengan izin, untuk menjaga kepentingan mereka. Ini jelas dengan dua perjanjian yang telah dimeterai, iaitu ICA dan ICAM yang hampir berkuatuasa terhadap egen-egen penanggungans insurans, chief agent, egen-egen dan sub-egen insurans. Perjanjian-perjanjian tersebut menghadkan kuasa dan pendapatan egen-egen tersebut. Hasil dari tindakan ini banyak egen-egen akan ditutup kerana tidak viable lagi untuk bergerak. Sekiranya ini berlaku, ia akan menjejaskan mata pencarian lebih kurang 30,000 orang pekerja-pekerja egen insurans di seluruh negara. Mungkin syarikat-syarikat insurans akan mewah, tetapi tindakan mereka bertentangan dengan semangat free-interprise dan saya tidak yakin mereka dapat memberi khidmat seperti mana yang diberi oleh egen-egen insurans ini, terutamanya di luar bandar.

Yang lebih penting, tindakan mereka ini akan menambahkan lagi kadar pengangguran di pasaran. Saya mohon Menteri yang berkenaan mengambil sikap berkecuali dalam hal ini agar pihak pengguna dan pekerja-pekerja terselamat dari tindakan syarikat insurans yang sentiasa ada masalah aliran wang untuk membayar claims, dengan

izin. Masalah ini timbul dari setengah-setengah insurance company yang dibeli secara pinjaman bank. Keuntungan terpaksa dibahagikan di antara membayar balik hutang bank dan membayar claims. Inilah raasalah mereka yang sebenarnya. Saya mohon Kementerian yang berkenaan memandang serius tentang hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit dengan masalah kontraktor dan pembekal seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Abu Bakar Lajim. Saya pun ingin merayu kepada pihak Kementerian dan Bank Negara supaya membenarkan bank-bank ataupun menasihati bank-bank memberi moratorium kepada peminjam-peminjam yang menghadapi masalah pembayaran balik hutang dan membenarkan restructuring, dengan izin, dan bayaran dan menangguhkan tindakan muflis dan lelong. Sekiranya tindakan dijalankan banyak perniagaan dan perusahaan terpaksa ditutup dan ini mengakibatkan bertambahnya pengangguran, yang sebenarnya kita bersama-sama bertanggungjawab untuk membasmikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menempuh mengenai Kementerian Kerjaraya. Pihak Menteri telah menyatakan bahawa perbelanjaan pembinaan tol Jalan Kuching terpaksa ditambah untuk mengindahkan kawasan dengan menanam pokok-pokok dan bunga-bunga. Tetapi saya dapati persekitarannya tidak sebegitu indah, lagi pun jejambat atau fly-over sudahpun berkarat, cat belum lagi disapu. Harap dapat perhatian dari Kementerian berkenaan.

Buat akhirnya, saya ingiu mengucapkan tahniah kepada Jabatan Perdana Menteri dalam usaha memodenisasi penyelarasan dan penyusunan semula pentadbiran jabatan-jabatan Kerajsan supaya lebih efficient untuk berkhidmat kepada rakyat. Ini termasuk Pusat Khidmat Kontraktor, Pendaftaran Pembekal di Kementerian Kewangan, Pusat

Setempat untuk membayar bil-bil dan akhir-akhir ini Perdana Menteri mengumumkan pendaftaran segala lesen industri perkhidmatan melalui Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin menyentuh Kementerian lain-lain satu persatu, tetapi bagaimanapun inginlah saya menyarankan sekali lagi supaya Kementerian-kementerian lain juga mengikut lunas-lunas tertentu bagi bergiat ke arah pencapaian objektif-objektif mengikut strategi-strategi yang disebut oleh Timbalan Menteri Kewangan dalam pembentangan Rang Undang-undang itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah.
6.20 ptg.

Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap membincangkan Rang Undang-undang Perbekalan, 1988.

Saya ingin berserta dengan rakan-rakan Yang Berhormat yang telah berucap atas perkara-perkara menyokong Belanjawan, 1988 untuk membahagikan peruntukan kepada Kementerian-kementerian. Sebelum saya menyentuh beberapa perkara, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan yang telah membentangkan Belanjawan 1988 di dalam Dewan Rakyat dan juga Timbalan Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini.

Saya ingin juga mengucapkan tahniah kerana dalam ucapan Belanjawan itu banyak menjimatkan kewangan ataupun dengan kata-kata berdikit-dikit itu lama-lama menjadi bukit, kalau kita baca dalam ucapan Yang Berhormat.

Satu daripadanya ialah membayar hutang lebih awal. Ini juga menunjukkan betapa berhati-hatinya Kementerian Kewangan ataupun Kerajaan kita untuk hendak menjimatkan wang. Bayaran hutang luar negeri bayar dahulu sebelum cukup masanya supaya menjimatkan faedah. Ini bukan sahaja Kerajaan berbuat begitu, kita pun patut berbuat begitu juga. Mana orang-orang yang berhutang banyak dalam bank, itu patut bayar dengan cepat. Satu daripadanya memberikan peruntukan kepada Kementerian. Yang paling besar di antaranya Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Kesihatan.

Saya suka menyentuh Kementerian Kesihatan. Setiap tahun kita membincangkan peruntukan Kementerian-kementerian. Satu daripadanya

Kemcnterian Kesihatan. Kementerian Kesihatan kita pada hari ini kadang-kadang seolah-olah satu badan rujukan. Banyak pesakit-pesakit yang pergi ke hospital untuk mendapat rawatan dia bagi nasihat: ubat di hospital ini tak ada yang macam **ini**, awak boleh pergi ke klinik ini. Ini berlaku. Selepas itu kalau pesakit-pesakit yang teruk umpamanya hendak pergi X-Ray, yang mustahak mesti cepat.. Hospital kita tak boleh buat dan dia pun menasihatkan pesakit-pesakit pergi ke hospital luar. Wang bayar sendiri.

Saya suka bercakap ini pertama sekali di Hospital Besar, Pulau Pinang. Pesakit-pesakit ada yang accident, ada yang patah, ada yang pecah kepala hendak itu X-ray tak boleh dibuat di hospital itu. Dia nasihatkan supaya pergi ke Lam Wah Ee. Setiap pesakit yang teruk sedikit disuruh pergi ke Lam Wah Ee. Apakah hospital kita ini tidak lagi boleh menguruskan pesakit-pesakit.

Setiap tahun kita memblncaiikkan Belanjawan untuk kesihatan tetapi kemudahan-kemudahan disuruh kita pergi ke swasta dan menggunakan perbelanjaan sendiri. Kalau yang ada wang tak mengapa, tetapi kalau orang yaag miskin apa perasaannya. Jadi, di mana dikatakan kita ini hendak memberikan kemudahan kepada rakyat. Ini banyak berlaku, terutama sekali di Pulau Pinang, tidak ada tempat lain tempat rujukkan melainkan di Lam Wah Ee.

Pesakit-pesakit ini pernah bercerita kepada saya. Apakah ada undang di sebalik batu atas perkara-perkara yang seperti ini berlaku.

Hospital swasta telah mengadakan kemudahan-kemudahan, dia tak pernah pun membincangkan Belanjawan, untuk dia sahaja dibincangkan, tetapi kita negara. Bincangkan satu-satu tetapi kita tidak dapat membuatkan kemudahan-kemudahan untuk rakyat. Ini patut diambil perhatian.

Kalau di hospital swasta telah ada untuk mengubat tidak payah dengan pembedahan orang sakit buah pinggang, tetapi hospital kita tidak ada. Kita bincang setiap tahun Belanjawan. Kalau di hospital swasta ada kemudahan X-ray, kita tak ada. Kita kena tunggu 5 bulan. Di Pulau Pinang seorang pesakit masuk hospital hendak raemeriksa sakit buah pinggang. Dia kena X-ray. Awak boleh tunggu bulan Mei, dia masuk bulan Januari, bulan Mei baru ada kosong. Ini yang tak pernah dapat diketahui dan tak dapat dikesan, begitu punya leceh tetapi begitulah keadaannya.

Satu lagi Kementerian Kesihatan juga mengadakan kempen kebersihan. Kebersihan selalu kita kempen. Saya rasa masih ada bina-bina yang tak terbuka kempen kesihatan, kempen kebersihan. Tetapi malang sekali di Hospital Besar Pulau Pinang.

Pada satu tempoh kawasan hospital ini akan diperbesarkan. Saya buat soalan, telah berjawab mengatakan tidak ada kewangan. Apa yang telah jadi kepada bekas tapak yang hendak didirikan untuk pembesaran hospital? Menjadi hutan belukar yang di keliling dekat dengan hospital. Hospital kanak-kanak di bawah, nyamuk penuh. Pukul 6.00 nyamuk boleh langgar hidung kita. Ini bukan cakap olok-olok, ini perkara yang benar. Kebetulan saya pergi ke hospital. Pukul 6,00 tak boleh duduk. Saya bertanya mereka tidak tahu saya siapa, saya tak suka beri tahu: Apa sakit? Kita bertanya kepada orang itu. Tengoklah, nyamuk banyak. Ini demam, ini demam, kanak-kanak ini demam. Dengan jangkitan nyamuk itu pun orang lain yang datang masuk ke hospital tak demam, boleh demam. Jadi, di mana kebersihan. Jadi bahan ketawa kepada orang-orang yang menghantar anak-anak mereka ke situ. Mereka tak bercakap, jadi terpaksa mereka diam. Tetapi mereka bersembang-sembang sesama mereka mengatakan macam mana

keadaan ini. Perkara ini harus diperhatikan. Saya rasa kerana kurang perhatian daripada kedua-dua-pihak. Kalau kita hendak salahkan pekerja hospital, kita pun mesti tengok diri kita dahululah....

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya minta maaf, masa untuk perbincangan kita hari ini sudahpun cukup. Ahli Yang Berhormat boleh menyambung ucapan pada hari esok.

Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan Dewan yang mulia ini hingga jam 2.30 petang, hari esok, Selasa, 8hb Disember, 1987.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

**[Jawapan bagi Pertanyaan No. 21 hingga 30
adalah diberi di bawah ini].**

PLAZA TOL YANG DIROMBAK

21. **Tuan Azman Atar bin Othman** minta Menteri Kerjaraya menyatakan, sama ada beliau sedar bahawa oleh kerana banyak tol-tol lama yang dimusnahkan ataupun tidak dipakai lagi maka dengan ini Kerajaan mengalami kerugian berjuta-juta ringgit wang perbelanjaan untuk membina nya. Tidakkah penting bagi Kementerian Kerjaraya mengadakan satu Jawatankuasa Perancang untuk membincang dan meneliti sebelum mengadakan tol-tol di sekitar jalanraya dalam negara kita yang menggunakan jangkamasa yang panjang supaya tidak tnebazir kewangan negara untuk membina sesuatu tol itu.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerjaraya memang sedar tentang plaza tol yang telah dirombak semula itu. Buat masa ini hanya sebuah plaza tol iaitu plaza tol Seremban yang telah dirombak semula. Perombakan plaza tol itu adalah perlu dibuat bagi melaksanakan sistem tol secara tertutup, dan plaza tersebut akan dipindahkan ke tempat lain yang lebih sesuai untuk tujuan kutipan tol. Sukalah saya nyatakan kepada Ahli Yang Berhormat, bahawa Jawatankuasa Perancangan sememangnya ada diwujudkan di Kementerian, yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan Kementerian Kerjaraya, Jabatan Kerjaraya dan Lembaga Lebuhraya, Jawatankusa ini akan mengadakan rancangan-rancangan jangka pendek dan jangka panjang bagi pembangunan jalanraya dan lebuhraya di Malaysia. Mengenai sistem tol tertutup yang sedang dilaksanakan ini sememangnya telah dirancang dari awal lagi.

GANGUAN BEKALAN LETRIK

22. **Tuan Ng Peng Hay** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:-

- (a) berapakah bilangan "breakdown" letrik telah berlaku di Melaka dalam tahun 1986 dan 1987;
- (b) berapakah kerugian telah dihadapi oleh pekilang-pekilang di Negeri Melaka dalam "breakdown" letrik; dan
- (c) apakah sebab-sebab "breakdown" letrik yang seringkali berlaku di Melaka.

9.12.87

10. **Tuan Hg Peng Hay** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang akan diambil untuk mengatasi masalah "breakdown" Letrik yang sering berlaku di Melaka.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Memandangkan bahawa soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay pada 7.12.87 dan 9.12.87 adalah mengenai perkara yang sama, maka saya bercadang untuk menjawab kedua-dua soalan ini sekali pada hari ini.

Dalam tahun 1986 terdapat sejumlah 12,130 gangguan bekalan letrik di Bandar Melaka di mana hanya 1.93% ataupun 230 gangguan sahaja yang merupakan gangguan yang besar. Dalam tahun 1987 pula bilangan ini ialah 9,900 di mana hanya 1.21% ataupun 120 gangguan yang merupakan gangguan-gangguan besar. Nyata bahawa sebahagian besar daripada gangguan bekalan letrik di bandar Melaka merupakan gangguan yang kecil-kecil yang berpunca daripada kerosakan ke atas kabel-kabel pengagihan letrik.

Kerosakan-kerosakan yang kecil ini terhad kepada pengguna individu atau kumpulan penggunaan yang kecil sahaja. Kebanyakan kerosakan ini disebabkan oleh dahan pokok yang menimpa sesalor bekalan, cuaca buruk, sambungan haram dan lain-lain gangguan seperti-

mana yang juga berlaku di negeri-negeri lain, Kerosakan besar pula atnat kecil bilangannya tetapi menjejaskan bilangan pengguna yang besar. Kerosakan sedemikian melibatkan sistem bekalan voltan tinggi dan adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut:-

- (i) gangguan yang disebabkan oleh perlantikan (tripping) alatubah di Pencawang Masuk Utama Jalan Kilang yang memberi bekalan kepada sebahagian besar Bandar Melaka;
- (ii) gangguan yang disebabkan oleh gangguan kerja-kerja cerucuk pemasangan dua alatubah yang baru untuk meningkatkan keupayaan Pencawang Jalan Kilang; sejak penamatan kerja-kerja pencerucuk ini pada September 1987 kejadian-kejadian "tripping" telah berkurangan;
- (iii) gangguan yang disebabkan oleh kerosakan pada kabel di Pencawang masuk utama Semabok dan Air Keroh.

Jumlah kerugian yang dialami oleh pekilang-pekilang di Negeri Melaka akibat gangguan bekalan letrik tidak dapat dianggarkan memandangkan bahawa maklumat-maklumat berkenaan tidak didapati daripada pekilang-pekilang yang terlibat.

Langkah-langkah jangka pendek yang sedang dan akan diambil untuk mengatasi masalah gangguan bekalan letrik ialah:-

- (i) beberapa program pembaikan/pengukuhan sistem sedang dan akan dijalankan untuk sistem pengagihan di Melaka;
- (ii) membaiki lagi operasi Pencawang masuk utama Jalan Kilang;

- (iii) menyediakan set-set VHF tambahan untuk meningkatkan peraturan penyuisan di Pencawang Masuk Utama Semabok dan Ayer Keroh.
- (iv) memperbaiki Lagi sistem kabel pemasangan di Pencawang Masuk Utama Semabok.
- (v) Mengkaji kesesuaian penggunaan sistem 'Auto Reclosing' di Pencawang Masuk Utama Semabok dan Ayer Keroh.
- (vi) Menubuhkan bilik operasi untuk melayan aduan penggunaan dan memulihkan bekalan dengan lebih cepat.

Langkah jangkah panjang pula ialah:-

- (i) Ka,;ian akan dijalankan untuk menentukan sama ada Pencawang Masuk utama Ayer Keroh akan dapat dijadikan sebuah Pencawang bersuis penuh.
- (ii) Penubuhan beberapa Pencawang Masuk Utama yang baru yang akan dapat membantu pencawang-pencawang yang sedia ada, bagi menampung per – tambahan beban dan mengujudkan sistem pembahagian yang lebih 'flexible'.

PEGAWAI PESARA DILANTIK SEMULA

23. **Tuan R. M. Jasni** minta Perdana Menteri menjelaskan bilangan pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan yang telah bersara ditugaskan memegang jawatan-jawatan penting dalam agensi-agensi Kerajaan di seluruh negara. Jikalau bilangan ini ramai, adakah Kerajaan bercadang hendak menghadkan bilangannya, supaya graduan-graduan yang mempunyai kemahiran di bidang tertentu, dapat ditampung sebagai sebahagian daripada langkah untuk mengurangkan graduan yang menganggur.

Tuan Othman bin Abdul: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 50 orang pegawai tinggi Kerajaan (Kumpulan A) yang telah bersara dilantik semula untuk berkhidmat secara kontrak atau sementara di pelbagai Kementerian/Jabatan dalam tahun ini.

Tidak timbul persoalan untuk menghadkan bilangan mereka yang dilantik kerana setiap perlantikan dibuat mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dan juga atas pertimbangan bahawa pesara-pesara boleh dilantik semula berkhidmat untuk mengisi jawatan-jawatan tertentu jika perkhidmatan mereka diperlukan oleh Kerajaan. Mereka ini diambil bekerja semula secara kontrak untuk mengisi jawatan asal masing-masing bagi tempoh-tempoh tertentu jika perkhidmatan mereka masih diperlukan oleh Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, perlantikan semula pesara-pesara untuk mengisi jawatan tertentu yang tersebut adalah terhad kepada pesara-pesara yang bersara setelah mencapai umur wajib bersara.

SARAM TERBITAN KEPADA BUMIPUTERA

24. **Tuan Mohd. Wajdi bin Dato' Haji Ishak** minta Menteri Kewangan menyatakan dan memberi penjelasan mengenai kedudukan Saham Terbitan syarikat-syarikat awam yang disenaraikan di dalam Pasaran Saham Terbuka Kuala Lumpur:-

- (i) berapakah jumlah Saham Terbitan yang ditawarkan dalam tahun 1987 (sehingga 31.10.1987) kepada Bumiputera dan berapakah jumlahnya yang telah diambil oleh Bumiputera;
- (ii) adakah matlamat dan pencapaian sebanyak 30% pemilikan Saham Terbitan untuk Bumiputera mencapai kejayaan. Kalau tidak kenapa dan mengapa; dan
- (iii) apakah perancangan pihak Kerajaan bagi menentukan bahawa setiap pemilikan Saham Terbitan kepada Bumiputera sebanyak 30% itu tetap dan sentiasa menjadi milik Bumiputera selaras dengan matlamat DEB.

Tuan Daim Zainuddin:

- (i) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk tempoh sepuluh bulan berakhir 31 Oktober 1987, sebanyak 38,168,730 yunit saham bernilai \$63,290,170 telah ditawarkan oleh 7 buah Syarikat kepada Bumiputera, yang mana kesemuanya telah diambil oleh pelabur Bumiputera.
- (ii) Seperti. Yang Berhormat sedia maklum, bukan semua syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur itu telah memenuhi matlamat pemilikan ekuiti 30% oleh Bumiputera. Oleh itu, dapatlah dikatakan matlamat ini belum lagi berjaya. Faktor utama yang menghalang pencapaian penuh matlamat ini bukanlah keengganan pihak syarikat untuk bekerjasama, tetapi prestasi syarikat itu sendiri yang

belum memuaskan di segi keuntungan, Dalam hal ini, tidak ada gunanya Kerajaan memaksa syarikat yang sedang atau dijangka akan mengalami kerugian atau prestasi keuntungannya masih di paras rendah membuat terbitan saham kepada Bumiputera kerana, jika ini dilaksanakan, besar kemungkinan tidak ada pelabur Bumiputera yang akan berminat melabur di dalam syarikat tersebut.

(iii) Di dalam usaha memastikan pemilikan Bumiputera di dalam syarikat kekal di paras 30%, Kerajaan telah menjalankan beberapa langkah. Ini termasuklah:-

- (a) Di dalam pengagihan saham yang diperuntukkan kepada Bumiputera, keutamaan diberi kepada institusi-institusi pelaburan atau individu Bumiputera yang dijangka akan memegang saham-saham tersebut sebagai pelabur jangka panjang.
- (b) Sekiranya para pelabur Bumiputera yang telah diperuntukkan saham di bawah skim terbitan khas ingin menjual saham-saham tersebut, mereka dikehendaki mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Kerajaan.
- (c) Syarikat-syarikat yang telah mencapai 30% pemilikan Bumiputera di dalam ekuitinya tetapi selanjutnya ingin mengemukakan cadangan perolehan melalui pertukaran saham atau sebarang rancangan yang menjejaskan kepentingan Bumiputera di dalam ekuitinya, akan hanya diberi kelulusan di atas cadangan-cadangan tersebut dengan syarat peratus pemilikan Bumiputera dinaikkan kembali kepada paras asal.

POLARISASI DI SEKOLAH/UNIVERSITI

25. **Puan Valli Muthusamy** minta Mentetri Pendidikan menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk memusnahkan polarisasi di sekolah-sekolah dan universiti-universiti.

Tuan Woon See Chin: Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah tersebut dan di antara langkah-langkah yang dijalankan ialah:-

- (i) Menyemai dan memupuk nilai dan semangat perpaduan melalui kurikulum sekolah khususnya melalui mata pelajaran Alam dan Manusia, Pendidikan Moral, Sejarah dan Pengajian Malaysia.
- (ii) Mengadakan aktiviti-aktiviti ko-kurikulum seperti kegiatan-kegiatan pasukan beruniform, sukan, permainan, kelab dan persatuan. Melalui kegiatan-kegiatan seumpama ini penuntut-penuntut dari semua kaum akan dapat berinteraksi antara satu sama lain bagi memupuk persefahaman, persahabatan, perasaan tolong-menolong dan sebagainya untuk membentuk semangat perpaduan di kalangan mereka.
- (iii) Tidak membenarkan penubuhan persatuan yang hanya melibatkan kaum tertentu sahaja seperti Persatuan Pelajar Melayu, Persatuan Pelajar-pelajar Cina dan lain-lain.
- (iv) Pelajar dari semua kaum digalakkan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti pakaian seragam seperti Pasukan Latihan Pegawai Simpanan, Polis Kadet, Kadet Tentera dan Kesatria.

- (v) Menggalakkan pelajar dari semua kaum mengambil bahagian dalam acara sukan yang biasanya disertai oleh hanya sesuatu kaum sahaja seperti bola keranjang, sepak takraw dan taekawndo.
- (vi) Menggalakkan penyertaan pelajar-pelajar dari berbagai kaum dalam aktiviti kesenian dan kebudayaan.
- (vii) Bagi lawatan luar kampus, sama ada lawatan dalam atau luar negeri, mensyaratkan supaya rombongan pelajar hendaklah terdiri dari semua kaum.
- (viii) Semua aktiviti di asrama/kolej kediaman mesti disertai oleh pelajar dari seraua kaum seperti gotong royong, hari terbuka kolej, hari pekerja, acara sukan, majlis makan malam, lawatan aktiviti kelab dan kursus kepimpinan.

SKUAD KONSTABAL TAMAT IATIHAN

26. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah benar ada peraturan baru di mana Konstabal yang baru tamat latihan dihantar berkhidmat ke negeri-negeri di mana mereka berasal, kiranya benar apakah sebab-sebabnya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tiada menetapkan peraturan baru di mana Konstabal yang baru tamat latihan dihantar berkhidmat ke negeri asal mereka. Walau bagaimanapun, baru-baru ini satu skuad Konstabal yang baru tamat latihan telah ditempatkan di negeri asal masing-masing dan penempatan mereka itu dibuat untuk tujuan kajian sahaja.

PERKAMPUNGAN ORANG ASLI

27. **Tuan Hassan biti Nam** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan iaitu apakah dasar pembangunan dan kemajuan yang telah dilaksanakan oleh pihak Lembaga Kemajuan Wilayah Pahang Tenggara (DARA) terhadap kampung-tradisional (lama) Orang Asli di kawasan Wilayah Pahang Tenggara dan nyatakan jumlah biangan kampung dan penduduknya dan sudah berapa hektar kawasan rezab perkampungan Orang Asli sudah direzab di Wilayah Pahang Tenggara dan di antaranya sudah berapa hektar tanah telah digazette (wartakan) jika belum ada, mengapa prosesewartakan ini mengambil masa yang lama.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terdapat 92 buah perkampungan Orang Asli di dalam kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Pahang Tenggara (DARA). Jumlah penduduk Orang Asli di perkampungan-perkampungan itu ialah seramai 9,809 orang ataupun 2,123 buah keluarga. Perkampungan yang berselerak ini akan ditempatkan semula di kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti di bawah Rancangan Penempatan Orang Asli di mana peserta-peserta akan disediakan rumah kediaman, dusun dan kawasan pertanian di samping pusat-pusat petempatan (local centres). Kawasan-kawasan baru ini telah dikenalpasti oleh DARA dan Jabatan Orang Asli.

Dari segi pelaksanaannya, sebanyak 9 buah Rancangan Penempatan Semula (RPS) telah dikenalpasti dan dirancangkan untuk dibangunkan. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, 3 kawasan akan dimajukan. Kawasan-kawaaan itu ialah RPS Kedaik, RPS Runcang dan RPS Bukit Serok. Daripada 9 buah RPS yang telah dikenalpasti itu, 2 daripadanya telahpun diwartakan iaitu RPS Kedaik bagi kawasan seluas 1,746 hektar dan RPS Bukit Serok bagi kawasan seluas 663 hektar.

7 kawasan lain telahpun ditanda di atas pelan perancangan. Bagi tujuan pengwartaan, DARA perlu mengikut beberapa prosidur administrative yang telah ditetapkan oleh jabatan-jabatan yang berkenaan.

Dari segi prosidur pengwartaan pula, mengikut amalan biasa yang diambil untuk tujuan mewartakan kawasan-kawasan ini ialah selama 6 bulan.

Daripada 9 kawasan RPS yang telah dikenalpasti, 2 daripadanya telahpun diwartakan iaitu:-

- (i) RPS Kedaik yang telah diwartakan bagi kawasan seluas 1,746 hektar yang bernombor gaset 822 bertarikh 8hb Oktober 1987.
- (ii) RPS Bukit Serok diwartakan bagi kawasan seluas 663 hektar yang bernombor gazet 265 dan 1427 bertarikh 23hb April 1987.

Kawasan-kawasan yang di dalam permohonan untuk tujuan pengwartaan ialah RPS Runcang yang luas kawasannya 1,101 hektar, Pos Iskandar 607.28 hektar, Bukit Rok seluas 971.65 hektar, Batu 8 Jalan Pontian seluas 680.16 hektar, RPS Buloh Nipis seluas 1,214.57 hektar. Bukit Gong seluas 1,619.43 hektar dan Kampung Simpai seluas 1,214.57 hektar.

Untuk makluman Yang Berhormat, masalah-masalah yang menimbulkan untuk tujuan pengwartaan adalah seperti berikut:-

- (i) Kawasan-kawasan yang terlibat didapati masih mempunyai hasil seperti kayu balak dan lombong bijih. Oleh itu sebelum permohonan untuk tujuan pengwartaan diluluskan kawasan-kawasan berkenaan perlulah mendapat pembebasan hutan dan galian daripada Pihak Berkuasa Negeri melalui Jabatan Hutan dan Merinyu Galian Negeri.
- (ii) Proaes pembebasan hutan memakan masa di antara 8 hingga 12 bulan. Proses untuk mendapatkan pembebasan galian pula memakan masa di antara 12 hingga 24 bulan bergantung kepada tempoh pajakan yang diberi oleh Pihak Berkuasa Negeri kepada pemegang pajakan.

MISTERI MAYAT DI PETI AIS

28. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan menyentuh tentang misteri mayat 3 orang anak yang dijumpai di dalam sebuah peti ais yang tidak dipakai lagi, di Kampung Jawa, Kelang. Adakah siasatan lanjut mengenainya masih sedang dijalankan dan jika ya, apakah siasatan-siasatan tersebut berhasil.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini siasatan ke atas kes tersebut masih lagi belum selesai.

BAHAN UTAMA NEGARA

29. **Puan Habidah binti Jusoh** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan-

- (a) berapa jeniskah bahan-bahan utama yang dikeluarkan oleh negara;
- (b) apakah bahan utama yang baru yang sedang dirancang oleh Kementerian untuk dijadikan pengeluaran utama negara.

Menteri Perusahaan Utama [Dato' Dr. Lim Keng Yaik]: Bahan-bahan utama yang dikeluarkan oleh negara boleh dibahagikan kepada 3 kategori.

1. Kategori pertama ialah hasil tanaman pertanian seperti getah asli, kelapasawit, kelapa, koko, kopi, tembakau dan padi.
2. Kategori kedua ialah bahan utama yang berasal dari hasil perlombongan termasuk bijih, tembaga, bijih besi, bauksit, petroleum dan gas cecair asli.
3. Kategori ketiga ialah hasil-hasil kayu-kayan.

Kerajaan sedang merancang untuk menambah pendapatan eksport negara dengan mengadakan pemerosesan bahan-bahan utama dengan lebih banyak di negara melalui penubuhan industri-industri yang menggunakan bahan-bahan tersebut.

TENTERA SINGAPURA MENYUSUP KE JOHOR

30. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri. Pertahanan menyatakan, apakah memadai bagi Kerajaan Malaysia hanya menerima permintaan maaf dari Singapura kerana kejadian mencerobohi kawasan Malaysia oleh tentera Singapura baru-baru ini. Selain dari kejadian di Sungai Melayu, adakah pihak Malaysia sedar ada kejadian lain yang berlaku beberapa masa yang lalu di kawasan Kota Tinggi dan Tenggara Johor.

Menteri Pertahanan [Tengku Dato'Ahmad Rithauddeen Al-haj]:

Pertanyaan ini telahpun dijawab di sesi mesyuarat ini iaitu pada 30hb. November, 1987. Ketika saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Jaafar bin Harun. Oleh itu saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada jawapan saya **itu**.

